



# PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab  
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab  
Dalam Dewan Rakyat Daripada  
Kementerian**

**HARI ISNIN: 7 OGOS 2017**

## **KANDUNGAN**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB**

**LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN**

**( SOALAN NO.10 HINGGA NO. 110 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD  
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING  
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR  
PUTEH]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Nik Mazian Bin Nik Mohamad [PASIR PUTEH] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan berapa ramaikah bilangan buruh luar yang telah dibawa masuk dan digunakan dalam menjayakan industri perladangan di Malaysia daripada tahun 2011 sehingga 2016 dan setelah Kerajaan melaksanakan transformasi tenaga buruh kepada penggunaan mekanisasi, otomasi dan teknologi berapa ramaikah pengurangan bilangan tenaga buruh daripada luar dapat dikurangkan.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perladangan negara adalah sektor yang berintensifkan buruh terutamanya di peringkat hulu. Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen, jumlah terkini kemasukan pekerja asing di sektor perladangan dari tahun 2011 sehingga 2016 seramai 268,478 orang. Jumlah ini mencatatkan penurunan sebanyak 30,739 orang atau 10.27 peratus iaitu menurun daripada 299,217 orang pada tahun 2011 kepada 268,478 orang pada tahun 2016. Dari segi keluasan tanaman komoditi bagi tempoh tersebut telah menunjukkan peningkatan sebanyak 12.82 peratus iaitu 6.08 juta hektar pada tahun 2011 kepada 6.86 juta hektar pada tahun 2016. Ini bermakna jumlah pekerja asing berbanding keluasan ladang telah menunjukkan penurunan yang ketara.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah dilaksanakan bagi mengurangkan kebergantungan pekerja asing di sektor perladangan. Antara langkah yang telah dilaksanakan dan diteruskan adalah dengan mengalakkan penggunaan mekanisasi, automasi dan teknologi melalui penyelidikan yang berterusan dalam penjenteraan industri sawit. Ini termasuklah melalui penyediaan peruntukan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta yang bertujuan menggalakkan dan membiayai aktiviti

mekanisasi oleh institusi penyelidikan dan tempatan dan antarabangsa. Dana ini dilancarkan pada 17 Januari 2017.

Melalui penyelidikan yang berterusan adalah diharap lebih banyak jentera yang kompetitif dapat direkacipta dan diguna pakai bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Selain langkah-langkah tersebut, Kementerian juga akan terus mengadakan perbincangan dengan pihak industri untuk mengenal pasti langkah-langkah jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO: 11**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI**  
**ANNUAR BIN MUSA [KETEREH]**  
**TARIKH : 7 OGOS 2017**  
**SOALAN : 11**

**YB Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status terkini pembinaan Pusat Kesihatan Kok Lanas dan adakah projek berkenaan mampu disiapkan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pelaksanaan projek Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kuarters Kok Lanas tertangguh disebabkan oleh faktor tapak cadangan projek yang tidak sesuai dan memerlukan kos rawatan tanah yang tinggi. Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri tidak bersetuju dengan kos rawatan tersebut dan mengesyorkan pihak KKM mengenalpasti tapak baharu bagi projek ini.

KKM telah mengenalpasti tapak baharu bagi projek ini iaitu tapak seluas 4.844 ekar melibatkan gabungan empat lot tanah (Lot 61, Lot 62, PT5860 dan PT5861) bagi tujuan ini. Namun demikian, berdasarkan kepada perbincangan tanah yang diadakan pada 20 Mac 2017, didapati bahawa kos pampasan pengambilan balik tanah adalah terlalu tinggi. Dalam usaha untuk merealisasikan pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 dengan Kwarters Kok Lanas, KKM telah mengambil inisiatif dengan mengemukakan semula permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri agar projek ini dilaksanakan di tapak cadangan asal dan permohonan tersebut telah pun diluluskan.

Lanjutan daripada perkara berkenaan, Jabatan Kerja Raya (JKR) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana bagi projek ini pada bulan Jun 2017. Berdasarkan kepada unjuran awalan, projek ini dijangka akan ditender pada bulan November 2018 dan tarikh milik tapak adalah pada bulan April 2019. Pembinaan projek ini akan mengambil masa selama 24 bulan dan tarikh siap projek dijangka pada bulan April 2021.

SOALAN NO: 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO

TARIKH: 7 OGOS 2017

SOALAN:

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sebab pengisytiharan '*ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers*' belum diselesaikan memandangkan proses perundingan telah berlanjutan selama 10 tahun. Apakah isu-isu khusus yang perlu di atasi.

PR-1352-L02182

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

1. '*ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers*' telah ditandatangani oleh Pemimpin-pemimpin ASEAN pada 13 Januari 2007 semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-12 di Cebu, Republik Filipina. Deklarasi tersebut memberi mandat kepada negara-negara ASEAN untuk mempromosi perlindungan pekerjaan yang adil dan sesuai, pembayaran gaji dan akses yang mencukupi untuk pekerjaan serta tempat tinggal yang teratur untuk pekerja migran.

2. Lanjutan daripada Deklarasi tersebut, *ASEAN Committee on the Implementation of the ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers (ACMW)* telah mengadakan sebanyak 17 sesi rundingan bagi memuktamadkan sebuah instrumen. Instrumen tersebut bertujuan untuk mengetengahkan isu pekerja migran dari segi perlindungan dan promosi hak pekerja migran. Kesemua rundingan ini telah diadakan sepanjang tempoh 10 tahun daripada 2007 sehingga kini.

3. Instrumen tersebut mengandungi 10 Bab dan 80 Artikel yang mana kesemuanya telah dipersetujui oleh negara-negara ASEAN. Hanya satu sahaja isu yang masih belum mendapat kata putus atau persetujuan daripada negara-negara ASEAN, iaitu mengenai status legaliti (*status of legal nature*) instrumen berkenaan.

4. Malaysia tetap berpegang kepada keputusan Jemaah Menteri pada 15 Februari 2017 untuk menerima pakai instrumen berkenaan sebagai dokumen yang tidak terikat dari segi undang-undang (*non-legally binding instrument*).

5. Semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-30 di Manila, Republik Filipina, para pemimpin ASEAN telah memberikan tanggungjawab kepada Menteri-menteri Buruh ASEAN untuk menentukan hala tuju seterusnya dan memastikan bahawa instrumen berkenaan ditandatangani pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-31 di Filipina pada November 2017.

6. Malaysia telah mengulangi pendiriannya melalui *ad-referendum* untuk instrumen ini tidak terikat dari segi undang-undang (*non-legally binding instrument*).

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]**  
**TARIKH : 7.8.2017**  
**SOALAN : NO.13**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian dalam meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris para siswazah supaya mereka bertambah daya saing untuk memasuki pasaran pekerjaan terutama siswazah Melayu.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara program yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar adalah melalui penganjuran program kemahiran bahasa Inggeris berdasarkan pencapaian MUET pelajar. Pelaksanaan program ini melibatkan pengajaran formal dan tidak formal di mana pengajaran formal melibatkan empat (4) komponen utama penawaran kursus iaitu *Intensive English*, *General English*, *English For Employability* dan *English for Specific Dicipines*.

Selain daripada itu, pembudayaan Bahasa Inggeris jua turut dilaksanakan untuk menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris di dalam sesi tutorial,

pembentangan kertas kerja serta pembentangan kertas projek tahun akhir dan lain-lain sesi pembelajaran tidak formal.

KPT melalui universiti turut melaksanakan beberapa aktiviti program lain bagi meningkatkan penguatkusaan Bahasa Inggeris pelajar antaranya seperti berikut:

- i) Program kerjasama dengan Talent Corp melalui program *English Language Enhancement Project (ELEP)* yang turut menyokong usaha pemantapan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar;
- ii) Ujian Bahasa Inggeris sebelum bergraduat di mana pelajar di dikehendaki menduduki ujian Bahasa Inggeris sebelum bergraduat untuk mengenalpasti tahap penguasaan Bahasa Inggeris serta menilai kemampuan dalam penguasaan berbahasa pelajar;
- iii) Program *Finishing School* di mana pelajar tahun akhir akan didedahkan dengan kemahiran yang diperlukan untuk ke alam pekerjaan seperti permohonan pekerjaan, temu duga dan penampilan diri; dan
- iv) Kerjasama di antara universiti awam dan *Cambridge Malaysian Educational Development Trust (CEMDT)* bertujuan bagi menyediakan pelajar yang mempunyai penguasaan Bahasa Inggeris yang menyamai standard antarabangsa.

Dalam usaha meningkatkan standard piawaian penguasaan Bahasa Inggeris, KPT turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan

Malaysia di dalam melaksanakan Pelan Tindakan Bahasa Inggeris 2015-2025. Pelan Tindakan ini menetapkan peranan KPT untuk melaksanakan penjajaran semula kurikulum Bahasa Inggeris, meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus Bahasa Inggeris serta pentaksiran mengikut *The Common European Framework of Reference for Language* iaitu merupakan instrumen standard antarabangsa untuk mengukur keupayaan berbahasa Inggeris.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
(LANANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada suatu bayaran atau caj dikenakan kepada mereka yang membayar GST dengan cek di bank-bank tertentu dan apakah SOP bagi kutipan bayaran GST oleh bank-bank tersebut memandangkan setiap bank mempunyai caj yang berlainan apabila menerima cek bagi bayaran GST.

**JAWAPAN**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara asasnya Kerajaan tidak mengenakan sebarang caj tambahan bagi pembayaran GST sama ada melalui *online* atau di kaunter bank. Namun demikian, bagi

pembayaran melalui cek, pihak bank boleh mengenakan caj tertakluk kepada kelulusan Bank Negara Malaysia. Pengenaan caj ini tertakluk kepada strategi institusi perbankan masing-masing di mana terdapat institusi perbankan yang mengenakan fi untuk pembayaran melalui cek atau tunai di kaunter perbankan, sekiranya pembayaran yang sama boleh dilakukan melalui *online*. Pengenaan fi oleh pihak bank tersebut bukan hanya untuk pembayaran GST tetapi juga meliputi pembayaran utiliti, lain-lain jenis cukai dan caruman berkanun.

**SOALAN NO: 15**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD  
FAKEH [SABAK BERNAM]  
TARIKH : 07 OGOS 2017  
SOALAN : 15**

**YB Dato' Haji Mohd Fasih Bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan pesakit yang telah disahkan dijangkiti virus Zika di negara ini sehingga kini dan apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi dan menyekat jangkitan Zika dari merebak di negara ini khususnya dari negara jiran seperti Singapura dan negara ASEAN lainnya.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Di Malaysia terdapat sebanyak lapan (8) kes Zika yang telah disahkan melalui ujian makmal dan dilaporkan dari 1 September 2016 dan kes terakhir dilaporkan ialah pada 14 Disember 2016.

Untuk mencegah penularan jangkitan virus Zika di negara ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telahpun mengambil langkah proaktif dengan

mengedarkan “Zika Alert Dan Arahan Pentadbiran Untuk Pemantauan Dan Pengurusan Jangkitan Virus Zika” kepada semua Jabatan Kesihatan Negeri, persatuan hospital dan makmal swasta serta Persatuan Perubatan Malaysia pada 4 Februari 2016 dan kemudian telah dikemaskini pada 11 September 2016. Berdasarkan *Zika Alert* Dan Arahan Pentadbiran tersebut, antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi membendung penularan virus Zika di negara ini adalah seperti berikut:-

- i. Meningkatkan pemantauan jangkitan virus Zika untuk kes dan surveilans makmal. Malaysia masih meneruskan pemantauan surveilans virus Zika di kalangan pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika atau pesakit yang mempunyai gejala dan disahkan negatif untuk ujian Denggi. Bagi tahun 2017, bermula dari 1 Januari sehingga 10 Julai, sebanyak 973 sampel darah dan air kencing telah diuji oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) serta didapati semua ujian adalah negatif untuk virus Zika.
- ii. Meningkatkan pemantauan dan pelaporan kes *microcephaly* dan *Guillain-Barre Syndrome* akibat jangkitan virus Zika di hospital.
- iii. Jawatankuasa *Zika Experts* Kebangsaan (*taskforce*) juga telah dibentuk yang terdiri dari Pakar Penyakit Berjangkit, Pakar Pediatrik, Pakar Obstetrik dan Ginekologi, Pakar Neurologi, Pakar Hematologi, Pakar Perubatan Kesihatan Awam, *Virologist*, *Microbiologist* dan Pegawai Pendidikan Kesihatan. Jawatankuasa ini telah pun mengeluarkan garis panduan untuk jangkitan Zika termasuk bagi

*microcephaly*, pengurusan ibu mengandung dan *Gullain-Barre Syndrome*, pengurusan transfusi darah serta melakukan pemantauan bagi kes-kes tersebut.

- iv. Melakukan pemantauan di pintu masuk antarabangsa serta mengedarkan Nasihat Kesihatan ("Health Advisory") kepada pelancong dan rakyat Malaysia sekiranya mempunyai gejala virus Zika. Aktiviti promosi kesihatan seperti pemasangan bunting dan banner telah dilaksanakan di kesemua Pintu Masuk Antarabangsa termasuk di negeri Johor. Di pintu-pintu masuk tersebut, saringan suhu thermal scanner juga dilakukan bagi memantau kemasukan pelawat yang mempunyai gejala demam.
- v. Jabatan Kesihatan Negeri Johor juga mengeluarkan arahan kepada setiap kenderaan yang akan masuk ke Singapura dan keluar dari Negara tersebut supaya membuat semburan aerosol racun pembunuh nyamuk di dalam kenderaan masing masing. Kenderaan yang dimaksudkan termasuklah lori, bas awam dan bas sekolah, kereta persendirian dan juga keretapi. Ini adalah untuk memastikan tidak ada nyamuk bervirus di bawa bersama dalam kenderaan yang dimaksudkan ke dalam negeri Johor.
- vi. Melakukan aktiviti kawalan bagi kes disyaki jangkitan virus Zika di tempat mereka tinggal semasa di negara ini. Kawalan vektor yang dilakukan adalah seperti kawalan wabak denggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN  
[BAYAN BARU] - PKR**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 16**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rumah PR1MA yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pemilik dari penubuhan PR1MA hingga Jun 2017. Nyatakan mengikut negeri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan PR1MA pada tahun 2013 sehingga kini, sebanyak 8,475 unit kediaman telah siap dibina. Kediaman PR1MA yang telah siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut;

- |                 |              |
|-----------------|--------------|
| 1) Kedah        | = 3,096 unit |
| 2) Putrajaya    | = 560 unit   |
| 3) Kuala Lumpur | = 2,074 unit |
| 4) Johor        | = 676 unit   |
| 5) Perak        | = 2,069 unit |

Daripada jumlah tersebut, setakat ini sebanyak 934 unit kediaman PR1MA telah diserahkan kepada pemilik. Manakala jumlah selebihnya masih lagi dalam proses serahan kunci sewajarnya.

Berkenaan perkembangan pembangunan PR1MA pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 254,747 unit kediaman PR1MA di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat

mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini sebanyak 136,685 unit kediaman sedang berada dalam pembinaan di semua negeri seluruh Malaysia. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]  
TARIKH : 7 Ogos 2017  
SOALAN : 17**

**YB Datuk Jumat Bin Idris [Sepanggar]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah bilangan kes pesakit kronik / kritikal dan perincian jenis-jenis penyakit tersebut pada 2016 dan 2017.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Berdasarkan laporan Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan 2015 yang diadakan 4 tahun sekali bagi penduduk yang berumur 18 tahun ke atas, bilangan pesakit kronik adalah seperti berikut; 17.5% (3.3 juta) mengidap Diabetes, 30.3% (6.1 juta) mengidap Hipertensi dan 47.7% (9.6 juta) menghidap Hiperkolesterolemia.

Statistik daripada Pusat Informatik Kesihatan (PIK) berkenaan data discaj dan kematian di hospital kerajaan pada tahun 2014 hingga 2015 menunjukkan peningkatan bagi jumlah bilangan discaj dan kematian

bagi semua peringkat umur akibat penyakit NCD utama iaitu diabetes, penyakit jantung, dan hipertensi , manakala terdapat sedikit penurunan jumlah bilangan discaj dan kematian akibat strok

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DR. IZANI BIN HUSIN  
[ PENGKALAN CHEPA ]  
TARIKH : 07/08/2017  
SOALAN : 18**

**YB Dr. Izani Bin Husin [ PENGKALAN CHEPA ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah terkini hospital yang mengamalkan konsep Hospital Mesra Ibadah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Hospital Mesra Ibadah (HMI) di Kementerian Kesihatan Malaysia mula dilaksanakan dengan rasmi semenjak 25 Februari 2014 dengan pelancaran bahan pendidikan ibadah pesakit yang diterbitkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Hospital Sungai Buloh telah dipilih sebagai hospital rintis.

Penempatan Pegawai Hal Ehwal Islam, pegawai kader dari JAKIM di hospital KKM telah bermula pada tahun 2006 lagi. Pada masa ini terdapat 61 orang pegawai kader yang ditempatkan di 51 buah hospital berpakar. Di Negeri Kelantan, 4 buah hospital berpakar iaitu Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu, Hospital Kuala Krai dan Hospital

Tanah Merah mempunyai pegawai kader untuk melaksanakan Program HMI.

Pada umumnya 51 buah hospital KKM ini telah memulakan program HMI mengikut kemampuan masing-masing. Namun terdapat juga hospital tanpa pakar yang tidak mempunyai pegawai kader yang telah memulakan inisiatif terutamanya memudahcara pengurusan ibadah pesakit dan pengurusan jenazah.

Namun begitu KKM tidak menghadkan program HMI kepada aktiviti kerohanian berkaitan Agama Islam sahaja, pesakit dan waris boleh mengamalkan kepercayaan masing-masing asalkan mematuhi peraturan-peraturan hospital dan menghormati keharmonian masyarakat majmuk.

**NO. SOALAN: 19**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH**

**[ LENGGONG – BN UMNO ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN : 19**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap keselamatan dan kawalan sistem siber di dalam negara terhadap ancaman virus terkini iaitu "Wanna Cry" yang mampu menjejaskan jaringan dan sistem komputer. Adakah teknologi siber sedia ada seiring dengan peredaran teknologi semasa.**

**JAWAPAN:**      **YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Secara umumnya, tahap keselamatan dan kawalan sistem kritikal negara adalah terkawal. Insiden serangan siber “Ransomware Wannacry” yang berlaku baru-baru ini tidak memberi impak kepada sistem agensi-agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (Critical National Information Infrastructure – CNII).

Teknologi siber yang digunakan oleh agensi-agensi CNII setakat ini adalah seiring dengan peredaran teknologi semasa. Namun begitu, ia masih perlu dipertingkatkan dan ditambah baik dari semasa ke semasa. Agensi-agensi CNII ini telah dinasihatkan untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dan memperoleh teknologi terkini serta meningkatkan tahap keselamatan bagi menghadapi sebarang ancaman siber.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR  
[ TUMPAT ]  
TARIKH : 7 OGOS 2017  
SOALAN : 20**

**YB Dato' Kamarudin Bin Jaffar [ Tumpat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha setakat ini untuk membantu para graduan perubatan yang menunggu penempatan 'housemanship' mereka, supaya dapat terus mengamalkan kemahiran sendiri, contohnya mengaturkan mereka dapat bekerja sebagai pembantu perubatan .

**Tuan Yang Di Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 3,387 graduan perubatan yang memperolehi pendaftaran sementara dari Majlis Perubatan Malaysia dan berdaftar serta lulus temuduga oleh SPA pada Januari hingga Mac 2017 telahpun diberi penempatan dan memulakan latihan siswazah secara berfasa. Fasa terakhir adalah pada 17 Julai 2017.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baki calon-calon yang berdaftar dan belum dilantik selepas urusan temuduga pada bulan

Mac sehingga Jun 2017 adalah seramai 904 orang. Tawaran penempatan kepada pegawai yang telah melepasi tapisan akan dilaksanakan secara berfasa dan jangkannya mulai September 2017.

**Tuan Yang Dipertua,**

Proses pelantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Tindakan yang perlu diambil d oleh graduan perubatan ialah:

- i. mendapat surat pertimbangan Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- ii. memohon pelantikan sebagai Pegawai perubatan Gred UD41 kontrak melalui laman web SPA.
- iii. Calon yang memenuhi dan melepasi tapisan akan dipanggil ke sesi temuduga oleh SPA.
- iv. Senarai calon yang berjaya akan dimaklumkan SPA kepada KKM.
- v. KKM akan menawarkan penempatan kepada calon yang berjaya melalui Sistem e-housemen.

Selain daripada itu, dalam melaksanakan proses pengambilan ini, Kementerian dengan SPA telah menambahbaik prosedur pengambilan pegawai perubatan kontrak di mana senarai nama calon akan dikemukakan kepada pihak KKM untuk penempatan mengikut senarai turutan berdasarkan tarikh pegawai berdaftar dengan SPA secara atas talian setelah pegawai mendapat surat pertimbangan pendaftaran sementara daripada Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian merancang untuk menempatkan graduan perubatan secara berfasa setiap dua bulan bagi menjalani latihan siswazah. Walau bagaimanapun, pelantikan penempatan mereka masih lagi tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah.

Bagi melahirkan Pegawai Perubatan yang kompeten dan selamat, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Bermula pada tahun 2008, tempoh latihan siswazah dilanjutkan selama 2 tahun. Selain itu, terdapat penambahan bilangan posting alternatif bagi menampung keperluan latihan siswazah. Waktu bekerja fleksi diperkenalkan bagi Pegawai Latihan Siswazah. Kapasiti latihan siswazah adalah berdasarkan nisbah 1 Pegawai Perubatan Siswazah kepada 4 katil bagi memastikan mereka mendapat pendedahan mencukupi.

KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan mutu latihan dan bilangan hospital yang menawarkan latihan siswazah. Pada masa ini, KKM mempunyai 46 buah Hospital Latihan Siswazah termasuk 3 Hospital Pengajar (HUSM, HUKM, PPUM) dengan kapasiti untuk melatih Pegawai Perubatan Siswazah sebanyak 5000 kemasukan setiap tahun.

### **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menangani isu peningkatan graduan perubatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuatkuasakan bagi tempoh lima

(5) tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016 dan kemudiannya dilanjutkan lagi mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Bagi keluaran graduan luar Negara pula, ia adalah diluar bidang kuasa Kementerian Kesihatan;

- ii. menambah sebanyak 190 slot latihan lagi di tiga (3) buah hospital latihan siswazah iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang;
- iii. merancang untuk menambah fasiliti latihan siswazah yang baharu, contohnya Hospital Shah Alam; dan
- iv. meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 setiap dua (2) bulan sekali berdasarkan kekosongan slot latihan siswazah semasa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin dengan para graduan perubatan yang perlu menunggu dalam jangka masa yang lama sebelum dilantik untuk menjalani latihan siswazah.

Sementara menunggu untuk menjalani latihan siswazah, para graduan perubatan digalakkan untuk membuat latihan sangkutan (attachment (dengan izin)) di mana-mana fasiliti perubatan samada kerajaan atau swasta.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga bekerjasama dengan pihak organisasi bukan kerajaan seperti Malaysian Medical Association (dengan izin) bagi melaksanakan kursus pra latihan siswazah. Ini untuk membolehkan para graduan perubatan mendapat pendedahan serta membuat persiapan awal sebelum menjalani latihan siswazah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, graduan Perubatan hendaklah menjalani latihan siswazah di hospital yang telah diakreditasi sebagai Hospital Latihan Siswazah oleh Lembaga Kelayakan Perubatan seperti mana yang dinyatakan di dalam Seksyen 13 (2) Akta Perubatan 1971. Setiap hospital sama ada hospital kerajaan atau swasta yang ingin dijadikan Hospital Latihan Siswazah perlulah dinilai oleh Lembaga Kelayakan Perubatan dari segi beberapa syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya 6 disiplin asas iaitu Perubatan Am, Pediatrik, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik dan Ginekologi serta satu disiplin alternatif (sama ada Kecemasan, Psikiatri atau Anestesia).
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan Residen (Medical Officer (dengan izin)) bagi setiap disiplin.
- iii. Mempunyai jumlah kes dan case-mix (dengan izin) yang mencukupi.
- iv. Mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membantu perjalanan Latihan Siswazah seperti perpustakaan, bilik auditorium dan kemudahan tempat tinggal.

## **Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi hospital swasta yang ingin menjalankan Latihan Siswazah, selain daripada syarat-syarat yang telah dinyatakan sebelum ini, mereka juga perlu bersiap sedia untuk membayar gaji Pegawai Perubatan Siswazah dan menanggung kos insurans *medical indemnity* (dengan izin) serta sebarang isu *medico-legal* (dengan izin). Pesakit-pesakit di hospital swasta juga perlu bersedia untuk memberi keizinan untuk diperiksa oleh Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi graduan perubatan yang ingin menjalankan latihan siswazah di luar negara, buat masa ini Majlis Perubatan Malaysia telah mengiktiraf latihan siswazah di 4 buah negara iaitu di Australia, New Zealand, United Kingdom dan Ireland. Graduan Perubatan yang telah menjalani latihan siswazah di 4 buah negara tersebut boleh diberikan Sijil Pendaftaran Penuh tertakluk kepada kelulusan Majlis Perubatan Malaysia.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN**  
**[TEMERLOH]**  
**TARIKH : 07 OGOS 2017**  
**SOALAN : 71**

**YB Tuan Haji Nasrudin Bin Hassan [Temerloh]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah strategik Kementerian meningkatkan permintaan (*demand*) terhadap lambakan graduan perubatan seperti yang telah dibahaskan pada perbahasan Bajet 2017 yang lalu.

**Tuan Yang Dipertua**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seramai 3,387 graduan perubatan yang memperolehi pendaftaran sementara dari Majlis Perubatan Malaysia dan berdaftar serta lulus temuduga oleh SPA pada Januari hingga Mac 2017 telahpun diberi penempatan dan memulakan latihan siswazah secara berfasa. Fasa terakhir adalah pada 17 Julai 2017.

Berdasarkan rekod Suruhanjaya Perkhidmatan Awam baki calon-calon yang berdaftar dan belum dilantik selepas urusan temuduga pada bulan Mac sehingga Jun 2017 adalah seramai 904 orang. Tawaran

penempatan kepada pegawai yang telah melepasi tapisan akan dilaksanakan secara berfasa dan jangkaannya mulai September 2017.

**Tuan Yang Dipertua,**

Proses pelantikan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) adalah melalui Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Tindakan yang perlu diambil d oleh graduan perubatan ialah:

- i. mendapat surat pertimbangan Pendaftaran Sementara dari Majlis Perubatan Malaysia (MPM).
- ii. memohon pelantikan sebagai Pegawai perubatan Gred UD41 kontrak melalui laman web SPA.
- iii. Calon yang memenuhi dan melepasi tapisan akan dipanggil ke sesi temuduga oleh SPA.
- iv. Senarai calon yang berjaya akan dimaklumkan SPA kepada KKM.
- v. KKM akan menawarkan penempatan kepada calon yang berjaya melalui Sistem e-housemen.

Selain daripada itu, dalam melaksanakan proses pengambilan ini, Kementerian dengan SPA telah menambahbaik prosedur pengambilan pegawai perubatan kontrak di mana senarai nama calon akan dikemukakan kepada pihak KKM untuk penempatan mengikut senarai turutan berdasarkan tarikh pegawai berdaftar dengan SPA secara atas talian setelah pegawai mendapat surat pertimbangan pendaftaran sementara daripada Majlis Perubatan Malaysia (MPM).

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian merancang untuk menempatkan graduan perubatan secara berfasa setiap dua bulan bagi menjalani latihan siswazah. Walau bagaimanapun, pelantikan penempatan mereka masih lagi tertakluk kepada kekosongan slot latihan siswazah di Hospital Latihan Siswazah.

Bagi melahirkan Pegawai Perubatan yang kompeten dan selamat, pelbagai usaha telah dilaksanakan. Bermula pada tahun 2008, tempoh latihan siswazah dilanjutkan selama 2 tahun. Selain itu, terdapat pertambahan bilangan posting alternatif bagi menampung keperluan latihan siswazah. Waktu bekerja fleksi diperkenalkan bagi Pegawai Latihan Siswazah. Kapasiti latihan siswazah adalah berdasarkan nisbah 1 Pegawai Perubatan Siswazah kepada 4 katil bagi memastikan mereka mendapat pendedahan mencukupi.

KKM juga sentiasa berusaha meningkatkan mutu latihan dan bilangan hospital yang menawarkan latihan siswazah. Pada masa ini, KKM mempunyai 46 buah Hospital Latihan Siswazah termasuk 3 Hospital Pengajar (HUSM, HUKM, PPUM) dengan kapasiti untuk melatih Pegawai Perubatan Siswazah sebanyak 5000 kemasukan setiap tahun.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi menangani isu peningkatan graduan perubatan, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah strategik, antaranya adalah seperti berikut:

- i. Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi telah melaksanakan moratorium bagi program perubatan dalam negara yang dikuatkuasakan bagi tempoh lima

(5) tahun mulai 1 Mei 2011 hingga 30 April 2016 dan kemudiannya dilanjutkan lagi mulai 1 Mei 2016 sehingga 30 April 2021. Moratorium ini meliputi dua perkara iaitu tiada program perubatan yang baru di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan. Bagi keluaran graduan luar Negara pula, ia adalah diluar bidang kuasa Kementerian Kesihatan;

- ii. menambah sebanyak 190 slot latihan lagi di tiga (3) buah hospital latihan siswazah iaitu Hospital Universiti Sains Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang;
- iii. merancang untuk menambah fasiliti latihan siswazah yang baharu, contohnya Hospital Shah Alam; dan
- iv. meneruskan pengambilan Pegawai Perubatan Gred UD41 setiap dua (2) bulan sekali berdasarkan kekosongan slot latihan siswazah semasa.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia prihatin dengan para graduan perubatan yang perlu menunggu dalam jangka masa yang lama sebelum dilantik untuk menjalani latihan siswazah.

Sementara menunggu untuk menjalani latihan siswazah, para graduan perubatan digalakkan untuk membuat latihan sangkutan (attachment (dengan izin)) di mana-mana fasiliti perubatan samada kerajaan atau swasta.

Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga bekerjasama dengan pihak organisasi bukan kerajaan seperti Malaysian Medical Association (dengan izin) bagi melaksanakan kursus pra latihan siswazah. Ini untuk membolehkan para graduan perubatan mendapat pendedahan serta membuat persiapan awal sebelum menjalani latihan siswazah.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, graduan Perubatan hendaklah menjalani latihan siswazah di hospital yang telah diakreditasi sebagai Hospital Latihan Siswazah oleh Lembaga Kelayakan Perubatan seperti mana yang dinyatakan di dalam Seksyen 13 (2) Akta Perubatan 1971. Setiap hospital sama ada hospital kerajaan atau swasta yang ingin dijadikan Hospital Latihan Siswazah perlulah dinilai oleh Lembaga Kelayakan Perubatan dari segi beberapa syarat seperti berikut:

- i. Mempunyai sekurang-kurangnya 6 disiplin asas iaitu Perubatan Am, Pediatrik, Pembedahan Am, Ortopedik, Obstetrik dan Ginekologi serta satu disiplin alternatif (sama ada Kecemasan, Psikiatri atau Anestesia).
- ii. Mempunyai sekurang-kurangnya 2 orang Pegawai Perubatan Pakar dan Pegawai Perubatan Residen (Medical Officer (dengan izin)) bagi setiap disiplin.
- iii. Mempunyai jumlah kes dan case-mix (dengan izin) yang mencukupi.
- iv. Mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk membantu perjalanan Latihan Siswazah seperti perpustakaan, bilik auditorium dan kemudahan tempat tinggal.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Bagi hospital swasta yang ingin menjalankan Latihan Siswazah, selain daripada syarat-syarat yang telah dinyatakan sebelum ini, mereka juga perlu bersiap sedia untuk membayar gaji Pegawai Perubatan Siswazah dan menanggung kos insurans *medical indemnity* (dengan izin) serta sebarang isu *medico-legal* (dengan izin). Pesakit-pesakit di hospital swasta juga perlu bersedia untuk memberi keizinan untuk diperiksa oleh Pegawai Perubatan Siswazah.

Bagi graduan perubatan yang ingin menjalankan latihan siswazah di luar negara, buat masa ini Majlis Perubatan Malaysia telah mengiktiraf latihan siswazah di 4 buah negara iaitu di Australia, New Zealand, United Kingdom dan Ireland. Graduan Perubatan yang telah menjalani latihan siswazah di 4 buah negara tersebut boleh diberikan Sijil Pendaftaran Penuh tertakluk kepada kelulusan Majlis Perubatan Malaysia.

**NO. SOALAN: 22**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10026**

**SOALAN :**

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan kanak-kanak 'stateless' yang mana salah seorang ibu atau bapa warganegara Malaysia dan apakah cadangan Kerajaan untuk menjadikan mereka warganegara kita bagi mengelakkan kesusahan yang dihadapi seperti mendapatkan pendidikan wajib, kesihatan dan peluang untuk hidup.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Penentuan kewarganegaraan individu adalah berdasarkan kepada taraf perkahwinan dan status kewarganegaraan ibu bapanya selaras dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Mereka akan diberikan status sama ada warganegara atau bukan warganegara, tertakluk kepada syarat tersebut. Justeru, tidak wajar sekiranya individu mendakwa dirinya tidak mempunyai kewarganegaraan.**

**Manakala bagi kanak-kanak yang dilahirkan oleh wanita warga asing di luar perkahwinan, walaupun lelaki yang didakwa sebagai bapa kanak-kanak tersebut merupakan warganegara Malaysia, kanak-kanak tersebut akan tetap didaftarkan sebagai bukan warganegara selaras dengan peruntukan di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.**

**Bagi isu pendidikan, kesihatan serta kelangsungan kehidupan kanak-kanak berstatus bukan warganegara seperti mana yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, perkara ini adalah di luar bidang kuasa Kementerian ini. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sentiasa memberikan pertimbangan yang saksama bagi memastikan kesejahteraan masyarakat secara keseluruhannya tanpa berkompromi dalam memelihara keselamatan negara dan keluhuran perundangan.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali**  
**[ Bagan Serai ]**

**TARIKH : 7 Ogos 2017**

**SOALAN : (Dato' Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali) minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan:-**

Adakah Kementerian sedar kebergantungan beras import pada ketika ini masih pada tahap 30%, iaitu pada tahap yang lama. Apakah perancangan jangka panjang Kementerian bagi memartabatkan beras tempatan seterusnya mengurangkan beras import dan apakah masalah yang dihadapi serta bagaimanakah Kementerian akan mengatasi masalah-masalah ini supaya sasaran padi nasional 6 metrik tan/hektar tercapai pada tahun 2020?

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kuantiti import beras pada tahun 2016 semakin berkurang jika dibandingkan dengan tahun 2015 iaitu **penurunan sebanyak 22%**. Pengurangan ini disebabkan oleh **peningkatan produktiviti padi** di mana secara puratanya meningkat kepada **5.05 mtan per hektar pada tahun 2016 berbanding 4.88 mtan per hektar pada tahun sebelumnya**. Selain itu, **perubahan corak pemakanan penduduk Malaysia yang mengamalkan pemakanan berprotein berbanding pengambilan nasi yang berkomponen karbohidrat tinggi turut mempengaruhi jumlah keperluan beras walaupun berlaku peningkatan jumlah penduduk setiap tahun**.

Di dalam industri ini, antara masalah utama yang mempengaruhi produktiviti pengeluaran padi adalah serangan penyakit dan perosak padi seperti *Bacterial Leaf Blight* (BLB), bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah serta keadaan cuaca yang buruk seperti fenomena El Nino.

Bagi menangani serangan penyakit dan perosak padi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan dan membimbing petani-petani dalam sistem pertanian yang mesra alam dengan mengamalkan kaedah Amalan Pertanian Baik (GAP) melalui Pengurusan Tanaman Bersepadu dan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu.

Kementerian terus berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saliran;
- (iii) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (iv) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (v) penggunaan benih padi sah;
- (vi) pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 284 DAN MARDI Siraj 297; dan
- (vii) membuka kawasan jelapang padi baru di **Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar** dengan tambahan jumlah keluasan kawasan seluas 25,905 hektar.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN : NO.24**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan mengapakah PTPTN memberikan pinjaman pendidikan bagi institusi pengajian tinggi yang tiada pengiktirafan dan bagaimana PTPTN membantu pelajar-pelajar yang mengambil pinjaman dan disenarai hitam yang tidak dapat membayar balik kerana masih belum mendapat pekerjaan.**

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menyediakan kemudahan pinjaman pendidikan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat tertiar sama ada di institusi pengajian tinggi awam atau swasta yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Institut Teknologi MARA 1976, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dan Akta Pendidikan 1996. Di samping itu, kursus pengajian pula hendaklah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) manakala kursus pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia yang masih sah semasa permohonan pinjaman dikemukakan. Oleh itu, tidak timbul isu pembiayaan pendidikan bagi institusi pendidikan tinggi (IPT) yang tidak mendapat pengiktirafan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha meningkatkan prestasi bayaran balik pinjaman pendidikan ini, PTPTN turut memberi perhatian serta tidak mengabaikan peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan untuk membuat bayaran balik. Antara inisiatif yang diambil oleh PTPTN adalah;

- i. Membenarkan penangguhan sehingga 24 bulan terhadap peminjam yang masih belum mendapat pekerjaan;
- ii. Membenarkan peminjam membuat penstrukturan semula pinjaman dengan amaun ansuran bulanan berasaskan kemampuan sehingga umur 60 tahun; dan
- iii. Menyertai Program Pengurusan Kredit (PPK) oleh Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK) bagi membantu peminjam PTPTN yang mempunyai masalah keberhutangan yang serius dan gagal menguruskan hutang mereka.

KPT mengalu-alukan mana-mana peminjam yang mempunyai masalah untuk membuat bayaran balik agar tampil berunding bagi menyelesaikan masalah mereka. Rundingan boleh dibuat dengan mudah melalui panggilan telefon ke talian *Careline* PTPTN manakala bayaran juga boleh dibuat secara atas talian, selain hadir ke mana-mana cawangan PTPTN di seluruh negara.

Untuk masa hadapan, bagi mengurangkan kebergantungan rakyat kepada pinjaman dan mengelakkan pelajar mempunyai hutang yang tinggi selepas bergraduat, PTPTN sedang giat mempromosikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional bagi menyemai budaya penabungan di kalangan ibu bapa bagi tujuan pendidikan tinggi anak-anak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 25**

**Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terkini jumlah kesalahan trafik yang direkodkan di seluruh negara melalui Pemasangan Kamera Sistem Keselamatan Kesedaran Automatik (Awas) serta sejauh manakah sistem ini telah bantu mengurangkan kesalahan dalam kalangan pemandu dan kadar kemalangan di kawasan- kawasan hitam.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah saman yang dikeluarkan kepada pemandu kenderaan melalui sistem AwAS sejak ianya mula dikuatkuasakan pada 15 April 2017 sehingga terkini adalah sebanyak 142,135 notis saman. Daripada jumlah tersebut sebanyak 12,354 notis saman telah dikeluarkan berkaitan kesalahan gagal patuhi lampu isyarat merah dan 129,781 berkaitan kesalahan memandu melebihi had laju yang ditetapkan. Manakala bagi pengguna yang dikenakan mata demerit adalah sebanyak 7,258 orang.

Sepertimana yang telah dinyatakan sebelum ini bahawa pelaksanaan AES yang kini telah diberi penjenamaan semula kepada *Automated Awareness Safety System (AwAS)* telah terbukti secara data saintifik dalam mengurangkan bilangan kematian akibat kemalangan jalan raya. Sebagai contoh, analisis terkini yang dijalankan oleh MIROS semasa Operasi Tahun Baru Cina (OPS TBC) 2017 di tujuh (7) lokasi mudah alih menunjukkan peningkatan kadar pematuhan had laju sebanyak 18.9% iaitu meningkat dari 60.3% sebelum penguatkuasaan kepada 79.2% selepas penguatkuasaan.

Selain itu, kajian tersebut juga menunjukkan tiada kematian yang dicatatkan bagi tempoh OPS TBC 2017 berbanding 2 kematian yang dicatatkan pada tahun 2016 bagi tempoh yang sama. Bilangan kemalangan juga telah menurun sebanyak 18 kes (90%) kemalangan iaitu daripada 20 kes pada tahun 2016 kepada 2 kes pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira senario tersebut, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk menambah pemasangan kamera tetap di tujuh (7) lokasi baharu selain 14 lokasi sedia ada pada pertengahan bulan Jun 2017 menjelang musim perayaan yang lepas. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak MIROS masih dalam proses melakukan analisis dan pengumpulan data untuk menilai keberkesanan di 7 lokasi tambahan kamera AwAS.

**NO. SOALAN : 26**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM TZE TZIN  
[BAYAN BARU] - PKR**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 26**

**YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah rumah PR1MA yang telah siap dibina dan diserahkan kunci kepada pemilik dari penubuhan PR1MA hingga Jun 2017. Nyatakan mengikut negeri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak penubuhan PR1MA pada tahun 2013 sehingga kini, sebanyak 8,475 unit kediaman telah siap dibina. Kediaman PR1MA yang telah siap dibina mengikut negeri adalah seperti berikut;

- 1) Kedah = 3,096 unit
- 2) Putrajaya = 560 unit
- 3) Kuala Lumpur = 2,074 unit
- 4) Johor = 676 unit
- 5) Perak = 2,069 unit

Daripada jumlah tersebut, setakat ini sebanyak 934 unit kediaman PR1MA telah diserahkan kepada pemilik. Manakala jumlah selebihnya masih lagi dalam proses serahan kunci sewajarnya.

Berkenaan perkembangan pembangunan PR1MA pula, untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini Anggota Perbadanan PR1MA (Ahli Lembaga Pengarah) telah meluluskan sebanyak 254,747 unit kediaman PR1MA di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat

mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini sebanyak 136,685 unit kediaman sedang berada dalam pembinaan di semua negeri seluruh Malaysia. Manakala projek-projek lain sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH** : **7 OGOS 2017**

**SOALAN** : **Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan kedudukan terkini tentera Negara China di Kepulauan Spratly dan (selain penyelesaian diplomatik) apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan dalam memastikan perairan negara selamat dan dilindungi.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada YB Simpang Renggam atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, (dengan izin) *non-militarisation*, *self-restraint* dan mengelakkan penggunaan kekerasan, adalah amat kritikal.

3. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah diselesaikan secara aman. Semua tuntutan dan penyelesaiannya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau *UNCLOS 1982*.

4. Malaysia juga berpendirian bahawa tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.

5. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau (dengan izin) *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982*.

7. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan, atau (dengan izin), *Declaration on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC)* pada 4 November 2002.

8. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

9. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China juga sedang berusaha untuk mewujudkan Kod Tatalaku di Laut China Selatan, atau (dengan izin), *Code of Conduct in the South China Sea (COC)*. Berhubung dengan perkara ini, *Framework of the COC* yang mengandungi elemen-elemen *COC* telah dimuktamadkan. *Framework* ini akan menjadi asas kepada perundingan di antara negara-negara ASEAN dan China berhubung pewujudan *COC*.

10. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

11. Berhubung dengan kegiatan tentera laut China di Laut China Selatan, Kerajaan sentiasa memantau perkara ini. Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini, pembinaan penempatan tentera China di beberapa *maritime features* di Laut China Selatan ini tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia.

12. Agensi-agensi keselamatan dan penguatkuasaan negara sentiasa melaksanakan rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

13. Saya juga ingin maklumkan bahawa undang-undang antarabangsa termasuklah *UNCLOS 1982* memperuntukkan hak kebebasan pelayaran, atau (dengan izin), *freedom of navigation* kepada kapal-kapal asing termasuklah kapal perang dan kapal penguatkuasa di dalam kawasan perairan Malaysia. Sehubungan dengan itu, kehadiran kapal-kapal ini di dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) Malaysia tidak boleh dibantah melainkan kapal-kapal ini melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan aspek pelayaran seperti melaksanakan penguatkuasaan, mengganggu aktiviti kapal-kapal dan sebagainya.

14. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

15. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

**NO.SOALAN : 28**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]**  
**TARIKH : 07.08.2017 (ISNIN)**

**TUAN NG WEI AIK [TANJONG]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan sama ada Perintah Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan (Penandaan Caj Perkhidmatan bagi Hotel dan Restoran) 2015 akan dipinda untuk melarang pengusaha-pengusaha hotel daripada mengenakan caj perkhidmatan berikutan pelaksanaan cukai pelancongan bagi mengurangkan beban kewangan pelanggan-pelanggan hotel.

## **JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Peraturan P.U.(A)79 yang diwartakan pada 23 April 2015 berkenaan Penandaan Caj Perkhidmatan Bagi Hotel dan Restoran di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 telah dikuatkuasakan pada 1 Mei 2015. Peraturan tersebut menetapkan pihak hotel dan restoran perlu memaparkan notis di premis perniagaan untuk memberi makluman kepada pengguna mengenai pengenaan caj perkhidmatan. Melalui pemaparan notis ini, pengguna dapat membuat pilihan sama ada ingin menggunakan perkhidmatan premis tersebut atau tidak.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Caj perkhidmatan dikenakan oleh pengusaha hotel dan restoran bagi menggantikan bayaran tip terhadap perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja kepada pelanggan/pengguna. Penentuan kadar caj perkhidmatan oleh industri perhotelan dan industri makanan dan minuman (f&b) adalah berdasarkan persetujuan bersama di antara majikan dan pekerja yang dinyatakan secara terperinci di dalam *collective agreement* (CA) atau *contract of service* (CS).

**NO. SOALAN: 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL  
SINGH [BUKIT GELUGOR]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10027**

**SOALAN:**

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah-langkah yang dicadangkan untuk diambil untuk menangani masalah kematian di dalam lokap yang semakin berleluasa selepas kematian-kematian M. Thanaseelan, Soh Kai Chiok dan S. Balamurugan. Adakah terdapatnya cadangan untuk memperkenalkan undang-undang untuk mengelakkan kejadian-kejadian tersebut. Sekiranya tidak, nyatakan sebabnya .**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian memandang serius kes-kes kematian semasa dalam tahanan polis atau pihak penguatkuasaan yang lain dan tidak akan sekali-kali berkompromi dan melindungi mana-mana pegawai polis atau pegawai penguatkuasa yang didapati menggunakan kekerasan hingga menyebabkan kecederaan atau kematian. Setiap aduan berkaitan kecederaan atau kematian akan disiasat secara terperinci dan tindakan tatatertib akan diambil atau dituduh di mahkamah.**

**Bagi mengatasi kes kematian dalam lokap, PDRM telah menyemak semula *Standard Operation Procedure (SOP)* yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen baharu antaranya:**

- a) memastikan borang pengesahan penyakit/kecederaan diisi dan disahkan oleh orang tahanan itu sendiri;**
- b) orang tahanan yang mengidap penyakit berjangkit berisiko tinggi hendaklah diasingkan daripada tahanan lain;**
- c) SUHAKAM dibenarkan untuk membuat lawatan bagi menentukan penahanan dilaksanakan mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak antarabangsa;**

- d) orang tahanan hendaklah diasingkan mengikut kategori penahanan sama ada tahanan reman, tahanan yang telah dijatuhkan hukuman, tahanan mabuk, tahanan habitual, tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak;**
- e) pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan; dan**
- f) menjadikan naziran terhadap lokap polis secara berkala.**

**Kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan undang-undang baharu bagi mengelakkan kematian dalam tahanan memandangkan undang-undang sedia ada sudah mencukupi untuk mengendalikan kes kematian dalam tahanan. Di samping itu, terdapat badan bebas seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) yang memantau pusat-pusat tahanan dan menjalankan siasatan termasuk membuat pendengaran awam jika terdapat kes-kes melibatkan kematian dalam tahanan mengikut kuasa-kuasa yang termaktub dalam akta masing-masing.**

**NO. SOALAN : 30**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH [ PUTATAN ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB. Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta MENTERI  
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan:-**

- a) apakah keberhasilan (cerita kejayaan) pengwujudan MyCEB, Malaysia Convention and Exhibition Bureau keatas industri pelancongan Negara; dan
- b) setakat ini, berapakah jumlah keuntungan yang disumbang kepada perbendaharaan kerajaan serta manfaat yang diterima oleh pengusaha industri kecil dan sederhana di negara ini melalui program diatas.

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

*Malaysia Convention & Exhibition Bureau (MyCEB)* merupakan agensi dibawah Kementerian Pelancongan Dan Kebudayaan yang ditubuhkan pada tahun 2009. Ia berstatus Syarikat Dengan Jaminan Kerajaan, tidak bermotifkan keuntungan, dan dibiayai sepenuhnya oleh kerajaan.

Penubuhan MyCEB adalah seiring dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan bertanggungjawab untuk memperkukuh kedudukan Malaysia sebagai destinasi terunggul bagi penganjuran acara perniagaan Mesyuarat, Kumpulan Insentif, Konvensyen dan Pameran (MICE) atau kini dikenali sebagai '*Business Events*', dan penganjuran acara sukan, gaya hidup dan hiburan bertaraf antarabangsa iaitu '*Major Events*'.

Sehingga 2016, MyCEB telah menunjukkan keberhasilan yang memberangsangkan serta menyumbang kepada impak ekonomi seperti berikut:

(i)    '***Business Events***'

Sebanyak 807 acara perniagaan antarabangsa telah berjaya dibida dengan kehadiran 526,914 delegasi antarabangsa dengan pendapatan berjumlah RM5.2 bilion; dan

(ii) **'Major Events'**

Sebanyak 192 acara telah berjaya dibida dengan bilangan pengunjung berjumlah 2,108,469 orang dimana 508,745 orang adalah merupakan pengunjung antarabangsa dengan pendapatan berjumlah RM2.75 bilion.

Tuan Yang di-Pertua,

Antara manfaat yang diperolehi melalui penganjuran '*Business Events*' dan '*Major Events*' di Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) Membuka peluang pekerjaan baru kepada industri kecil dan sederhana khususnya pengusaha yang terlibat dalam pembekalan barangan dan perkhidmatan bagi menjayakan program tersebut;
- (ii) Meningkatkan reputasi negara dari aspek kemampuan dan kapasiti penganjuran acara bertaraf antarabangsa;
- (iii) Pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) dan kreativiti melalui perkongsian kepakaran individu di dalam pelbagai bidang industri;
- (iv) Membuka ruang dan peluang baru bagi perdagangan antarabangsa dan pelaburan;
- (v) Meningkatkan jaringan kerjasama perniagaan di peringkat global;

- (vi) Meningkatkan taraf serta pembangunan sosial negara;
- (vii) Menjadi legasi dan kayu pengukur kepada penganjuran '*Business Events*' dan '*Major Events*' pada masa akan datang khususnya bagi penganjur antarabangsa yang merancang untuk memilih Malaysia sebagai lokasi penganjuran;
- (viii) Membuka peluang 'mendidik rakyat Malaysia' mengenali serta memahami isu-isu global terkini seperti teknologi, sains perubatan, ekonomi, sosial dan lain-lain; dan
- (ix) Memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk menghadiri acara/program bertaraf antarabangsa tanpa perlu ke luar negara, sekaligus mengelakkan aliran keluar matawang negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' SRI HASAN BIN MALEK [KUALA PILAH]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah] minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik pengambilan pekerja untuk perkhidmatan awam bagi jawatan profesional gred 41 bagi semua sektor melalui statistik ini, berapa peratuskah yang dihantar untuk berkhidmat di perwakilan Malaysia di luar negara dalam memastikan operasi pentadbiran berjalan lancar dan teratur.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari Januari 2013 hingga Jun 2017, jumlah pengambilan pegawai perkhidmatan awam bagi kumpulan perkhidmatan Pengurusan dan Profesional (Gred 41) adalah seramai 31,949 orang. Bilangan perjawatan di perwakilan Malaysia di luar Negara untuk pegawai Gred 41 adalah sebanyak 88 perjawatan. Pada 31 Jun 2017, bilangan pengisian bagi pegawai Gred 41 adalah seramai 57 orang.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI BINTI AHMAD  
[PARIT SULONG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 32**

**PR-1352-L01549**

**Dato' Dr. Noraini Binti Ahmad [Parit Sulong]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan sejauh manakah keberkesanan penubuhan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) dalam menyediakan pusat capaian jalur lebar secara kolektif di kawasan yang kurang liputan perkhidmatan melalui Program Perkhidmatan Sejangat (USP) terutama di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) berfungsi sebagai pusat ilmu yang menawarkan kursus latihan asas dan capaian kepada makamat berkaitan pendidikan, pekerjaan, pertanian dan kesihatan.

## SOALAN NO: 32

Para pelajar yang menjadi pengguna utama telah mendapat manfaat besar dalam kemahiran komputer serta celik IT. Capaian kepada internet jalur lebar telah membuka dunia mereka kepada laman rangkaian sosial, portal berita, e-perkhidmatan dan seterusnya meningkatkan pengetahuan am bagi memastikan mereka setanding dengan rakan sebaya yang bernasib baik.

Bermula tahun 2013, sasaran PI1M diperluas kepada kumpulan yang kurang diberi perkhidmatan dalam masyarakat dalam mendapatkan perkhidmatan internet jalur lebar di kawasan bandar seperti di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

PI1M telah mencatatkan kejayaan yang membanggakan dalam memenuhi objektif merapatkan jurang digital dengan penyediaan perkhidmatan capaian jalur lebar kepada masyarakat di kawasan kurang liputan perkhidmatan.

Selain itu, pelaksanaan inisiatif PI1M ini juga telah menyumbang secara tidak langsung kepada peningkatan kadar penembusan lajur lebar isi rumah negara yang kini berada pada tahap 81.5% sehingga suku ke 4 tahun 2016 dan direkodkan meningkat sehingga 82.2% pada suku pertama tahun 2017.

Sehingga kini, sebanyak 822 PI1M telah siap dibina dan beroperasi di seluruh negara, manakala sebanyak 34 PI1M masih dalam peringkat pelaksanaan. Di negeri Johor, sebanyak 85 PI1M telah siap dibina dan beroperasi.

**SULIT**

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. EWON BIN EBIN [RANAU]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10028**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Ewon Bin Ebin [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan yang telah dan bakal diambil oleh pihak Kerajaan untuk membentaras kegiatan penggerak Islamic State dan Daesh di Malaysia; dan
- (b) setakat ini, berapakah jumlah tangkapan yang telah dibuat.

**SULIT**

**SULIT**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk individu-individu yang terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti keganasan. Sehingga 30 Jun 2017, PDRM telah menangkap seramai 310 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan telah berjaya menggagalkan 15 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.**

**Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.**

**Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

**Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan**

**SULIT**

**SULIT**

**termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.**

**Tuan Yang di-Pertua**

**Bagi menjawab soalan (b) pula, sejak 2013 hingga 30 Jun 2017, seramai 310 orang elemen Daesh telah ditahan dengan pecahan 258 orang warganegara Malaysia dan 52 orang warganegara asing daripada 14 buah negara.**

**SULIT**

**NO. SOALAN: 34**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL  
RAHIM [BALING]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10029**

**SOALAN:**

**Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [Baling]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi memastikan bekas-bekas penagih dadah daripada terjebak dalam kancah jenayah selepas keluar daripada Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) terutamanya bagi bekas penagih dari kawasan luar bandar.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah berjaya melaksanakan program rawatan dan pemulihan dadah di dalam institusi menerusi Klinik *Cure & Care* 1Malaysia (Klinik C&C), *Cure & Care Rehabilitation Centre* (CCRC) dan *Cure & Care Vocational Centre* (CCVC). Klien-klien perlu menjalani program rawatan dan pemulihan dadah yang diatur dan ia diteruskan secara pemulihan dalam komuniti bersama AADK.**

**Walau bagaimanapun, bagi membolehkan mereka mengekalkan kepulihan dan mengamalkan gaya hidup berkualiti, mereka memerlukan penjagaan berterusan selepas keluar dari institusi pemulihan dan setelah bebas daripada pengawasan komuniti bagi mengelakkan penagihan semula.**

**Bagi membantu kesinambungan kepulihan ini, AADK telah menyediakan perkhidmatan rawatan dan pemulihan dalam komuniti yang boleh diperolehi di Pejabat AADK Daerah dan Pusat Integrasi Klien (PIK) serta melaksanakan latihan kerjaya dan peluang penempatan pekerjaan yang bersesuaian.**

**Di samping itu, AADK turut melihat kepentingan menggerakkan masyarakat setempat dalam menangani permasalahan penagihan**

**dadah menerusi program *Community Empowerment*, di mana masyarakat mestilah berperanan dari segi:**

- i. bersedia menerima penagih dadah yang sedang menjalani kepulihan (*recovering addicts*);**
- ii. menyediakan peluang pekerjaan kepada *recovering addicts*; dan**
- iii. sokongan sosial daripada keluarga, pemimpin komuniti dan masyarakat umum.**

**Justeru itu, Kementerian menyeru pemimpin-pemimpin komuniti, ahli-ahli komuniti dan juga ahli keluarga klien untuk turut sama membantu Kerajaan dalam proses kepulihan klien kerana masalah penagihan dadah adalah tanggungjawab bersama.**

**NO. SOALAN: 35**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO  
[KLANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN :**

**SOALAN :**

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kesudian Kementerian untuk menubuhkan kumpulan 'Eminent Persons Group' atau 'High Level Committee' untuk memberi penilaian yang saksama mengenai impak pengurusan pekerja asing di negara ini termasuk menangani beberapa masalah struktur yang dihadapi oleh pengurusan pekerja asing di Malaysia.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kementerian ini berpandangan bahawa tiada keperluan untuk mewujudkan satu kumpulan Eminent Person Group bagi membincangkan isu pengurusan pekerja asing. Kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas kabinet mengenai Pekerja Asing - Pendatang Tanpa Izin ( JKKPA- PATI) yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri serta keahlian merangkumi sebahagian besar Menteri Kabinet termasuk Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak untuk membincangkan perkara- perkara dasar berkaitan isu pengurusan pekerja asing termasuk kajian impak terhadap dasar-dasar dan program yang telah dilaksanakan.**

**High Level Commitee (HLC) Keperluan Tenaga Kerja Asing juga telah diwujudkan bagi membincangkan isu- isu yang berkaitan pengurusan tenaga kerja asing yang memerlukan penyelesaian segera yang dipengerusikan oleh YAB TPM dan dianggotai oleh beberapa orang menteri kabinet.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL  
SAMAD  
(PASIR GUDANG)**

**TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Hajah Normala Binti Abdul Samad [ Pasir Gudang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah aduan yang diterima berkaitan dengan perkhidmatan Uber & GrabCar dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian bagi memantau dan memastikan keselamatan pengguna perkhidmatan ini terjamin.**

5. Antara langkah-langkah telah dicadangkan melalui pelan Transformasi Industri Teksi (TITP) ialah:

- (a) memperkenalkan syarat-syarat operasi yang baharu kepada syarikat-syarikat teksi dan *e-hailing* termasuk menetapkan sasaran *Key Performance Indicators* (KPI);
- (b) Pemandu-pemandu teksi dan *e-hailing* diwajibkan menjalani program latihan sebelum dibenarkan untuk menjadi pemandu bagi meningkatkan kualiti pemandu melalui modul latihan baharu;
- (c) Pemandu-pemandu baharu teksi dan *e-hailing* perlu melalui proses saringan pemandu yang lebih menyeluruh dan efektif.
- (d) Syarikat-syarikat yang menawarkan perkhidmatan *e-hailing* akan diwajibkan diperbadankan di Malaysia;
- (e) semua pemandu *e-hailing* mesti mempunyai Kad Pemandu yang dikeluarkan oleh SPAD; dan
- (f) Kenderaan yang menyediakan perkhidmatan *e-hailing* juga akan diwajibkan menjalani pemeriksaan kebolehpercayaan jalan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN  
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

**TARIKH : 07.08.2017**

**SOALAN : 37**

**Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd Akin [Bukit Katil]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kejadian rasuah melibatkan ratusan jutaan Ringgit dan membabitkan kalangan pegawai-pegawai tinggi Kerajaan termasuk pegawai polis, pengarah jabatan serta pegawai lantikan politik di Melaka dan beberapa negeri lain menggambarkan bahawa indeks rasuah masih tinggi di Malaysia.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bukit Katil, sehingga kini, tidak wujud indeks yang mengukur perlakuan rasuah di Malaysia atau mana-mana negara di dunia. Yang ada hanyalah indeks yang mengukur persepsi

atau tanggapan mengenai adanya perlakuan rasuah, iaitu Indeks Persepsi Rasuah (*Corruption Perception Index / CPI*) yang dirumuskan oleh Transparency International (TI).

Peningkatan tindakan siasatan kes rasuah melibatkan ratusan juta ringgit yang membabitkan kalangan pegawai tinggi Kerajaan dan pegawai lantikan politik baru-baru ini bukanlah indikator khusus bahawa rasuah semakin meningkat di negara ini. Sebaliknya, peningkatan tindakan siasatan, tangkapan dan sabitan kes rasuah ini juga boleh disebabkan oleh keberkesanan pendidikan anti rasuah, peningkatan kesedaran dan kerjasama masyarakat serta kecekepan operasi penguatkuasaan.

Sekian, terima kasih.

**NO SOALAN : 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. TAN SENG GIAW  
(KEPONG)**

**TARIKH : 07.08.17  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kemampuan Malaysia untuk mempertahankan negara dari sebarang bentuk ancaman keselamatan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Tugas utama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah untuk mempertahankan kedaulatan dan keselamatan Negara dari sebarang bentuk ancaman. Justeru, kerajaan dan ATM sentiasa memberi fokus dan keutamaan yang tinggi dalam menjamin keselamatan negara dan rakyat.

Kemampuan dan keupayaan ATM dibangunkan secara menyeluruh berlandaskan kepada pendekatan Berasaskan Keupayaan (Capability Based). Pada masa kini keupayaan yang dibangunkan mampu untuk mempertahankan Negara dari sebarang bentuk ancaman keselamatan.

Namun begitu, perlu ditegaskan bahawa prinsip asas pertahanan dan keselamatan negara seperti yang digariskan dalam Dasar Pertahanan Negara (DPN) adalah *Total Defence* (Pertahanan Menyeluruh) di mana, pertahanan negara kita bukan sahaja tertakluk kepada ATM semata-mata. Ia melibatkan keutuhan rakyat di mana penyatuan dan perpaduan merupakan benteng kekuatan dan keutuhan negara dalam menghadapi sebarang ancaman.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]

SOALAN :

**YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH [LIMBANG]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status perbincangan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak berhubung kerjasama Petronas dan Petros (Petroleum Sarawak) dan apakah bentuk dan kaedah kerjasama tersebut.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, bentuk hubungan dan kaedah kerjasama di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan PETRONAS dalam sektor minyak dan gas di negeri Sarawak masih lagi dalam peringkat perbincangan dan sedang diperhalusi.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**NO. SOALAN : 40**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : SU KEONG SIONG  
[ IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 ( ISNIN )**

**Tuan Su Keong Siong [ BUKIT BINTANG ] meminta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci jumlah subsidiari-subsidiari Felda Global Ventures (FGV) yang sedang mengalami masalah kewangan akibat pelaburan di luar dan di dalam negeri.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ketika ini tiada sebarang masalah kewangan yang dihadapi oleh subsidiari-subsidiari FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGV).

Sebagai sebuah syarikat senaraian awam yang bertanggungjawab, FGV telah mendedahkan prestasi kewangannya dalam Penyata Kewangan Tahunan dan Laporan Suku Tahun sejajar dengan peruntukan Akta Syarikat 1965 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia.

Sekian. Terima kasih.

**SULIT**

**NO. SOALAN: 41**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD.  
RAHMAN [TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10031**

**SOALAN:**

**Datuk Hajah Norah Binti Abd. Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tahap keseriusan aktiviti penjualan dadah yang dilakukan secara atas talian (*online*) serta kumpulan sasaran bagi sindiket- sindiket tersebut.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Aktiviti penjualan dadah secara atas talian merupakan kaedah baharu mempromosi, menjual dan mengedar dadah dan bahan berasaskan ganja melalui laman web dan aplikasi *Facebook* kepada golongan muda.**

**PDRM sentiasa memantau aktiviti penjualan dadah secara atas talian. Hasil daripada risikan dan siasatan yang dijalankan, PDRM telah berjaya mengesan dan membanteras 2 sindiket pengedaran dadah secara atas talian seperti berikut:**

<b>Tahun</b>	<b>Tangkapan</b>	<b>Rampasan</b>
<b>2015</b>	<b>- 4 orang lelaki dan 3 orang perempuan Melayu</b>	<b>- 7.1 kg ganja - 214 botol cecair ganja</b>
<b>2017</b>	<b>- 2 orang lelaki India - 1 orang perempuan warga Indonesia</b>	<b>- 18 batang pokok ganja - 27 kg benih ganja - 6 kg serbuk ganja - 18 liter cecair ganja - 0.84 liter pes ganja</b>

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]

SOALAN :

**YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berikutan pembangunan teknologi hijau oleh syarikat-syarikat petroleum antarabangsa, termasuk Shell :-

- a) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh PETRONAS untuk membangunkan kuasa teknologi hijau; dan
- b) apakah sasaran peratusan penjanaan kuasa teknologi hijau oleh PETRONAS bagi tahun 2017.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PETRONAS sentiasa peka dengan perkembangan teknologi hijau dengan meneroka potensi jangka panjang teknologi ini selari dengan usaha mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*GHG emission*) dan mendokong pembangunan lestari.

Walaupun fokus utama perniagaan PETRONAS adalah minyak dan gas, beberapa inisiatif telah diambil seiring dengan pembangunan teknologi hijau. Sebagai contoh, pada tahun 2012 PETRONAS telah memasang panel tenaga suria di atas permukaan bumbung (*rooftop solar photovoltaic (PV)*) yang terbesar di Malaysia di pusat membeli belah Suria KLCC seluas 9,000 meter persegi yang dapat menjana kuasa elektrik sehingga 685 kilowatt (KW). Selain itu, teknologi PV yang sama juga di pasang di dua stesen PETRONAS di sekitar Lembah Klang.

Disamping itu, pada tahun 2013 PETRONAS telah membangunkan sebuah stesen janakuasa suria atau *Solar Independent Power Plant* di Gebeng, Kuantan dengan kapasiti puncak 10 megawatt (MW). Stesen ini

telah memulakan operasi dan menjana kuasa elektrik sebanyak 12 gigawatt sejam (GWh) setahun. Bekalan ini cukup untuk menampung keperluan 4,500 buah kediaman dengan pengurangan pelepasan gas CO<sub>2</sub> sebanyak 8,000 tan setahun.

Selain itu, baru-baru ini PETRONAS Dagangan Berhad dengan kerjasama *Malaysian Green Technology Corporation (GreenTech Malaysia)* telah mengumumkan pemasangan kemudahan pengecas kenderaan elektrik (EV) di 66 buah stesen PETRONAS di sepanjang lebuh raya utama Semenanjung Malaysia.

Pada masa ini, PETRONAS masih belum meletakkan sebarang sasaran kepada penjanaan kuasa elektrik menerusi teknologi hijau memandangkan penglibatan PETRONAS di dalam perniagaan penjanaan kuasa elektrik adalah masih terlalu kecil dan bukan merupakan fokus perniagaan PETRONAS buat masa ini.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**SULIT**

**NO. SOALAN : 43**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI ABDUL HADI BIN AWANG  
[MARANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10032**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi Bin Awang [Marang] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana usaha Kerajaan memantau  
pergerakan Evangelis Kristian di MALAYSIA dalam sektor politik,  
ekonomi dan sosial bagi menjamin keharmonian agama, keluhuran  
perlembagaan dan kedaulatan negara.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kebebasan beragama telah termaktub dalam Artikel 11, Perlembagaan Malaysia di mana rakyat Malaysia bebas mengamalkan agama anutan mereka dalam keadaan harmoni selagi mana ia tidak bertentangan dengan undang-undang demi menjaga keselamatan negara dan perpaduan kaum yang berbilang bangsa dan agama. Dalam hal ini, Kerajaan tidak menghalang penganut mana-mana agama untuk mengamalkan agama masing-masing selagi mana tidak menjejaskan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan undang-undang boleh dikenakan terhadap mana-mana pertubuhan yang menganjurkan program yang didapati mengandungi elemen-elemen yang boleh mengganggu-gugat ketenteraman awam dan keselamatan negara.**

**PDRM juga sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Agama Islam Negeri, Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia serta Jabatan Perpaduan Dan Integrasi Nasional bagi memastikan keharmonian agama, keluluharan perlembagaan dan kedaulatan negara dapat dipertahankan.**

**Sehingga kini, aktiviti penganut Kristian Evangelical di Malaysia adalah pada tahap sederhana dan lebih berpusat kepada aktiviti keagamaan. PDRM sentiasa memantau aktiviti pertubuhan agama di Malaysia bagi memastikan tiada unsur-unsur ekstrem yang boleh menggugat keharmonian dan perpaduan kaum di Malaysia.**

**SULIT**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[TANAH MERAH]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Ikmal Hisham Bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sejauh manakah seriusnya gejala buli dan gengsterisme dalam kalangan pelajar sekolah dan apakah tindakan yang dilakukan bagi menangani permasalahan ini.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menegaskan bahawa kes buli dan gengsterisme yang berlaku di sekolah secara relatifnya sangat kecil dan masih dalam keadaan terkawal. Mengikut rekod, jumlah murid yang melakukan salah laku buli pada tahun 2015 ialah 0.06 peratus, tahun 2016 sebanyak 0.07 peratus dan 0.02 peratus pada tahun 2017 iaitu mulai Januari hingga Jun 2017. Saya ingin menegaskan bahawa kes-kes yang berlaku telah diambil tindakan sewajarnya oleh kementerian ini termasuk mengambil tindakan mahkamah melalui kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

KPM serius menangani perbuatan buli dan gengsterisme dalam kalangan murid sekolah. Bagi menangani isu tersebut, KPM mengambil langkah proaktif seperti berikut:

1. Mewujudkan permuafakatan bersama PDRM di semua peringkat dengan melibatkan pihak JPN, PPD dan sekolah.
2. Memantapkan program Pegawai Perhubungan Sekolah (PDRM).
3. Meningkatkan bilangan platun Kadet Polis di sekolah.
4. Menggerakkan aktiviti Kelab Pencegahan Jenayah di semua sekolah rendah dan menengah.
5. Memantapkan sistem aduan disiplin serta mengambil tindakan cepat terhadap setiap aduan yang berkaitan buli dan gengsterisme.
6. Membudayakan Amalan Guru Penyayang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]**

**TARIKH : 07.08.2017**

**SOALAN : 45**

**Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta PERDANA MENTERI menyatakan kenapa sehingga kini masih tiada tindakan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap laporan mengaitkan Pengerusi PERDA menjual tanah awam lebih rendah daripada harga pasaran di KADUN Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan dan Sungai Baong Pulau Pinang. Apakah hasil sisatan terkini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Bagan, siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap penjualan tanah di KADUN Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan oleh Lembaga Kemajuan Wilayah, Pulau Pinang (PERDA) telah selesai. Kertas Siasatan kes tersebut juga telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk penelitian dan keputusan.

Siasatan terhadap kes penjualan tanah di Sungai Baong Pulau Pinang masih dalam tindakan SPRM.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN GOOI HSIAO LEUNG [ALOR SETAR]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan sama ada beliau sendiri akan menangani isu mengiktiraf Unified Examination Certificate (UEC) selepas arahannya kepada menteri-menteri MCA pada 23.7.2016 untuk berjumpa dengannya dan meyakinkan Kementerian Pendidikan untuk mengiktiraf UEC gagal menghasilkan sebarang keputusan positif.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Isu berhubung pengiktirafan *Unified Examination Certificate* (UEC) telah dijawab berulang kali oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di dalam dewan yang mulia ini. Kedudukan UEC masih kekal *status quonya* seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Pelajaran 1961 serta peruntukan di bawah seksyen 151 Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*].

RJM84

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]**

**TARIKH : 07.08.2017**

**SOALAN : 47**

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

(a) jumlah belanjawan dan jumlah kakitangan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk 5 tahun yang lalu dan perancangan untuk 5 tahun akan datang; dan

(b) bilangan pendakwaan, sabitan dan jumlah wang rasuah yang terlibat sejak 5 tahun lalu dan bilangan kes yang melibatkan wang rampasan melebihi RM1 juta dan RM10 juta .

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Jawapan (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah bajet yang diperuntukkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi tempoh 2013-2017 adalah sebanyak RM1,347,657,800.00.

<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Peruntukan Diluluskan</b>
	<b>(RM)</b>
2013	258,348,000.00
2014	291,987,000.00
2015	294,326,800.00
2016	251,776,000.00
2017	251,220,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>1,347,657,800.00</b>

Terdapat 2 kategori kakitangan SPRM iaitu Pegawai Suruhanjaya yang mempunyai kuasa di bawah Akta SPRM 2009 dan Staf Gunasama iaitu kakitangan yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 2016, bilangan perjawatan dan pengisian jawatan adalah seperti berikut:

	Pegawai SPRM	Staf Gunasama	Jumlah
2012	1,515	733	<b>2,248</b>
2013	1,582	794	<b>2,376</b>
2014	1,686	812	<b>2,498</b>
2015	1,718	824	<b>2,542</b>
2016	1,665	816	<b>2,481</b>

Pihak SPRM dari semasa ke semasa membuat permohonan kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mendapatkan pertambahan bilangan anggota. Berdasarkan kepada pengumuman oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012, SPRM diperuntukkan sebanyak 150 orang pegawai baru setiap tahun sehingga mencapai jumlah pegawai yang diperlukan seramai 5,000 orang. Namun begitu, kemampuan kewangan pihak Kerajaan juga harus diambil kira dalam menambah keanggotaan sesuatu agensi termasuklah SPRM.

Walau bagaimanapun, kekangan keanggotaan sedia ada tidak sekali-kali melemahkan semangat SPRM untuk melaksanakan amanah membanteras jenayah rasuah di negara ini.

## Jawapan (b)

Untuk makluman YB Kampar, bagi tempoh antara tahun 2012 hingga 15 Julai 2017, sebanyak 1,717 pertuduhan telah dibuat terhadap orang yang disyaki melakukan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,073 orang telah disabitkan oleh mahkamah.

Dalam tempoh tersebut juga, nilai wang rampasan adalah sebanyak RM779,659,897. Walaubagaimanapun, impak tindakan penguatkuasaan undang-undang pencegahan rasuah ini tidak boleh diukur berdasarkan nilai rampasan semata-mata kerana sisi yang lebih penting adalah nilai harta awam yang dapat dielakkan daripada ketirisan, kehilangan dan kerugian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN  
MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah [Tambun]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian berpuas hati dengan kurikulum pengajian Islam di Sekolah Rendah Kebangsaan dan Sekolah Menengah Kebangsaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kurikulum Pendidikan Islam digubal oleh pakar-pakar yang berautoriti, mengambil kira keperluan-keperluan semasa murid di sekolah dan masyarakat secara keseluruhannya. Lazimnya setiap lima hingga sepuluh tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menambah baik kurikulum sedia ada untuk diselarakan dengan tuntutan pendidikan dan keperluan semasa. Terkini, KPM telah menyemak kurikulum Pendidikan Islam peringkat rendah dan menengah dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) semakan 2017 dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Tahun 2017.

Kurikulum Pendidikan Islam menekankan kefahaman dan penghayatan terhadap Islam dalam kehidupan individu dan keluarga melalui penguasaan bidang al-Quran, hadis, akidah, fiqah, sirah, akhlak Islamiyah dan kemahiran jawi. KPM berpuas hati dengan kurikulum yang telah digubal dan berkeyakinan kurikulum tersebut dapat melahirkan murid yang mampu menyumbang kepada modal insan yang bersifat holistik meliputi aspek rohani, jasmani, intelek, dan emosi.

RJM85

**NO. SOALAN: 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10033**

**SOALAN:**

**Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) jumlah bilangan anggota polis mengikut pangkat, gaji dan elaun; dan
- (b) bilangan anggota polis yang dibelenggu masalah hutang yang agak serius dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu anggota polis menyara hidup anak pasangan mereka dengan sempurna .

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bagi menjawab soalan (a), jumlah keseluruhan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah seramai 129,531 terdiri daripada 13,810 Pegawai Kanan Polis, 104,119 Pegawai Rendah Polis dan 11,602 pegawai awam. Perkhidmatan dalam pasukan polis terdiri daripada pelbagai skim mengikut kumpulan iaitu Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana.**

**Gaji yang ditawarkan dalam perkhidmatan polis adalah berdasarkan kepada saluran kemasukan iaitu:**

- i) kemasukan melalui lantikan Inspektor, gaji minimum adalah sebanyak RM2,502.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM9,803.00 sebulan;**
- ii) kemasukan melalui lantikan Sarjan, gaji minimum adalah sebanyak RM1,824.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM5,801.00 sebulan;**
- iii) kemasukan melalui lantikan Konstabel, gaji minimum adalah sebanyak RM1,824.00 hingga gaji maksimum sebanyak RM4,152.00 sebulan;**

- iv) kemasukan sebagai Konstabel Orang Asli, gaji minimum adalah sebanyak RM1,334.00 sehingga gaji maksimum sebanyak RM3,003.00 sebulan; dan**
- v) kemasukan sebagai Konstabel Sokongan, gaji minimum adalah sebanyak RM1,220.00 sehingga gaji maksimum sebanyak RM2,748.00 sebulan.**

**Terdapat pelbagai jenis elaun yang dinikmati oleh anggota polis merangkumi elaun tetap seperti Imbuan Tetap Perumahan (bagi pegawai yang tidak disediakan kemudahan perumahan), Insentif Wilayah, Insentif Pendalaman dan Insentif Khas PDRM. Terdapat juga elaun tidak tetap bergantung kepada kelayakan pegawai berkenaan seperti Elaun Pasukan Gerakan Am (PGA), Elaun Pasukan Gerakan Khas (PGK), Elaun Juruterbang, Elaun Trafik, Bayaran Insentif Tugas Am (BITA), Bantuan Sara Hidup (COLA) dan lain-lain elaun bergantung kepada kelayakan pegawai berkenaan.**

**Bagi menjawab soalan (b), berdasarkan kepada rekod yang dikeluarkan oleh Unit Gaji PDRM, jumlah Pegawai Kanan dan Pegawai Rendah Polis yang menerima pendapatan (*take home pay*) di bawah 40% sebulan (berada dalam masalah keberhutangan yang serius) adalah seramai 15,321 orang (11.82%) daripada jumlah keseluruhan kekuatan dalam pasukan.**

**Namun demikian daripada jumlah tersebut, terdapat potongan gaji yang dibuat oleh pegawai-pegawai berkenaan bagi tujuan menabung seperti simpanan Tabung Haji, simpanan Amanah Saham Bumiputra (ASB), pembayaran balik pinjaman yang bercagar seperti pembelian rumah, pembelian kereta, pembelian tanah dan untuk pembayaran lain seperti potongan cukai pendapatan (PCB), pinjaman pelajaran dan sebagainya.**

**Hasil semakan juga mendapati tidak semua pegawai kanan atau anggota bawahan yang menerima gaji 40% ini berada dalam masalah keberhutangan yang serius memandangkan terdapat sumbangan lain yang membantu perbelanjaan mereka seperti suami atau isteri yang bekerja, hasil sewa rumah, pajakan tanah dan sebagainya.**

**Bagi tujuan membantu dan memantau pegawai-pegawai yang benar-benar berada dalam masalah keberhutangan yang serius, pihak Cawangan Agama dan Kaunseling (BAKA), Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:**

- i) mengadakan kerjasama strategik dengan pihak Bank Negara Malaysia bagi mengadakan program kesedaran tentang pengurusan kewangan berhemah yang dikenali sebagai MyPS Kewangan;**
- ii) mengadakan kerjasama strategik bersama pihak Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) dengan**

**melaksanakan kaunseling kewangan bagi membantu anggota terlibat untuk membuat penstrukturan semula bayaran balik pinjaman bersama institusi kewangan; dan**

- iii) pegawai-pegawai dan anggota yang dikenal pasti berada dalam masalah keberhutangan yang serius tidak akan ditempatkan dalam cawangan yang berisiko terdedah kepada salah guna kuasa dan rasuah.**

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN  
[GERIK – BN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.50**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tahap persediaan terakhir pihak Kementerian dalam menghadapi Sukan Asia Tenggara (Sukan SEA) ke-29 yang akan diadakan di Kuala Lumpur Ogos tahun ini.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 yang telah dijenamakan sebagai Kuala Lumpur 2017 atau KL2017 kini berada di peringkat terakhir. Kerja-kerja persiapan, yang telah diatur di bawah satu jawatankuasa pelbagai kementerian dan agensi kerajaan, iaitu Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee – MASOC) sedang giat dilaksanakan bagi perkara-perkara seperti keselamatan, pengangkutan, penginapan dan makanan.
2. MASOC juga kini sedang giat memperkemaskan lagi pelbagai acara yang menjadi upacara tradisi dalam penganjuran Sukan SEA seperti upacara menaikkan bendera dan upacara penyerahan bendera kepada kontijen Malaysia.
3. Kuala Lumpur Sports City juga hampir siap, termasuklah venue untuk acara akuatik dan olahraga. Setelah persatuan-persatuan tempatan seperti Persatuan Renang Amatur Malaysia mengadakan ujian, kini badan sukan dunia pula menguji venue ini untuk kesesuaiannya sebagai venue pertandingan.
4. Pusat-pusat yang akan menempatkan petugas, seperti International Broadcast Center (Pusat Penyiaran Antarabangsa) yang ditempatkan di Malaysia International Trade and Exhibition Center (MITEC) juga sedang menjalani persiapan terakhir dan dijangka mula beroperasi

## SULIT

awal bulan Ogos ini. Main Press Center atau Pusat Media Utama juga akan ditempatkan di MITEC. Untuk makluman, negara kita akan menerima lebih daripada 2,000 wartawan dan jurugambar untuk temasya KL2017. Suka juga saya memaklumkan bahawa KL2017 akan menyiarkan 24 sukan secara langsung melalui televisyen serta 15 saluran YouTube, menjadikan jumlah siaran langsung yang paling banyak dalam sejarah Sukan SEA sepanjang ia dianjurkan.

5. KBS kini sedang giat melaksanakan langkah-langkah terakhir dalam menyambut KL2017 dan saya percaya, dengan sokongan ramai, ia akan menjadi temasya sukan yang paling baik yang akan kita saksikan dalam sejarah sukan dwi-tahunan ini.
  
6. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telahpun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **871 orang atlet** (iaitu seramai 481 atlet lelaki dan 390 atlet wanita) dari **38 jenis sukan**. Mereka seterusnya akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh 392 jurulatih, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai **1263 orang**. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.

## **SULIT**

7. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi lebih **100 pingat emas** dari **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.
  
8. Beberapa program yang melibatkan kontinjen negara akan dilaksanakan menjelang temasya KL2017 seperti :-
  - a) **Kem Fasa Akhir Kontinjen Malaysia** yang akan bermula pada 4 hingga 10 Ogos 2017 di Hotel Renaissance Kuala Lumpur
  
  - b) **Penyerahan Jalur Gemilang Kontinjen Sukan SEA dan Sukan Para-ASEAN 2017** pada 10 Ogos 2017 di PICC, Putrajaya yang akan disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KO CHUNG SEN  
(KAMPAR)**

**TARIKH : 07.08.17  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan :-**

(a) jumlah bilangan anggota angkatan tentera mengikut pangkat, gaji dan elaun; dan

(b) bilangan anggota angkatan tentera yang dibelenggu masalah hutang yang agak serius dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu anggota tentera menyara hidup anak pasangan mereka dengan sempurna .

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Bilangan terperinci anggota Angkatan Tentera Malaysia adalah merupakan maklumat strategik negara.

Nisbah anggota ATM yang terlibat dalam masalah keberhutangan adalah tidak serius dan terkawal. Markas Angkatan Tentera Malaysia telah mengeluarkan peraturan dan arahan bagi menangani masalah keberhutangan tersebut di samping membantu anggota yang terlibat memulihkan masalah kewangan mereka. Anggota-anggota ini akan dibuat pemantauan secara berkala serta tidak dibenarkan melakukan apa-apa pinjaman baharu selain dikeluarkan dari tempat bertugas yang berisiko.

Angkatan Tentera Malaysia juga telah melaksanakan kawalan dan pemantauan terhadap bayaran potongan dari jumlah emolumen yang diterima. Langkah ini diharap dapat membantu anggota ATM dalam menguruskan hal ehwal kewangan peribadi dengan lebih teratur serta mengelakkan mereka terjerumus ke dalam masalah keberhutangan yang serius.

Di samping itu, program usaha sama dengan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) turut dilaksanakan kepada anggota ATM yang mengalami masalah keberhutangan yang serius bagi membantu mereka menguruskan kewangan peribadi dengan lebih berhemat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN  
BAKRI [KUDAT]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 52**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang  
untuk mengaspal jalan Narandang-Kanibongan yang  
mana jalan ini merupakan jalan utama bagi lebih 15  
buah kampung dan akan menjadi jalan bagi  
kegunaan pelajar-pelajar SMK Kanibongan yang  
masih dalam pembinaannya.

## **JAWAPAN :**

Untuk maklumat Yang Berhormat, cadangan Projek Naiktaraf Jalan Narandang, Pitas, Sabah tidak tersenarai dalam kelulusan pelaksanaan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, RMKe-11. Walau bagaimanapun, projek ini telah tersenarai dalam senarai keutamaan kerajaan negeri dan Kementerian ini akan mengangkat permohonan semula bagi pelaksanaan Rolling Plan akan datang.

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaan projek ini adalah tertakluk kepada kelulusan oleh pihak UPE, JPM dan kedudukan semasa kewangan kerajaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING  
(STAMPIN)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci jumlah pegawai kastam yang bekerja di Senari Port Kuching. Sila senaraikan dalam jadual mengikut kedudukan, pangkat gaji, asal dari mana, jangka masa bekerja di situ dan lain-lain. Senaraikan juga jumlah pegawai kastam yang kini berada di Sarawak mengikut butiran yang sama serta tempat bekerja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini jumlah pegawai dan kakitangan kastam yang berkerja di Senari Port Kuching

adalah seramai 60 orang yang terdiri daripada pelbagai gred dan diketuai oleh Penolong Kanan Pengarah Kastam I gred WK52. Dari jumlah tersebut, seramai 48 orang berasal dari Sarawak dan baki seramai 12 orang pula berasal dari luar Sarawak. Dari segi tempoh masa bekerja, adalah didapati 34 orang telah berkerja dalam tempoh masa di antara 1 tahun hingga 6 tahun manakala baki 26 orang telah bekerja kurang dari tempoh masa 1 tahun.

2) Manakala jumlah bagi pegawai dan kakitangan Kastam yang bekerja di negeri Sarawak adalah seramai 1,216 orang yang diketuai oleh Pengarah Kastam Negeri gred VU7. Daripada jumlah tersebut, pecahan pegawai dan kakitangan yang bertugas mengikut bahagian di Sarawak adalah, Kuching berjumlah 627 orang, Tebedu 16 orang, Miri 159 orang, Sibu 144 orang, Bintulu 96 orang, Sarikei 68 orang, Limbang 67 orang dan Lawas 39 orang.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI DR. WAN AZIZAH WAN ISMAIL [PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Permatang Pauh]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini pembayaran pampasan oleh Kerajaan Arab Saudi kepada ahli keluarga jemaah haji Malaysia yang menjadi mangsa kren runtuh di Mekah pada musim haji tahun 2015 dan sekiranya tiada pembayaran dibuat apakah komitmen Kerajaan bagi membantu keluarga mangsa yang terlibat.

**JAWAPAN :** (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran pampasan kepada mangsa tragedi runtuh kren adalah hak mutlak Kerajaan Arab Saudi. Sehingga kini, pihak Kerajaan Arab Saudi masih belum memaklumkan status

pembayaran pampasan kepada mangsa runtuh kren pada Musim Haji 1436H/2015M.

Pada 2015, **TH** telah menyerahkan senarai nama jemaah haji yang terkorban dan tercedera akibat kejadian tersebut kepada pihak berkuasa Arab Saudi bagi tujuan mengenalpasti mangsa–mangsa dan waris mereka yang terlibat.

**TH** sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa Arab Saudi bagi mendapatkan perkembangan semasa dan akan memaklumkan sekiranya terdapat sebarang maklumat terkini daripada pihak berkuasa berkenaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan melalui Tabung Haji telah membuat pembayaran pampasan Takaful kepada 7 mangsa yang terkorban. Manfaat yang diterima oleh waris melalui Pelan Perlindungan Takaful Berkelompok merangkumi manfaat kematian akibat kemalangan sebanyak RM20,000 seorang dan khairat kematian berjumlah RM3,000 seorang. Tabung Haji juga telah memberi sumbangan wang ehsan berjumlah RM20,000 seorang kepada waris mangsa yang terkorban. Manakala sumbangan berjumlah SR1,000 sehingga SR3,000 seorang telah disalurkan kepada setiap mangsa yang cedera bergantung kepada tahap kecederaan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[PAYA BESAR]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah kes dera dan buli di sekolah rendah dan sekolah menengah antara tahun 2010 hingga 2017.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin menjelaskan bahawa kes buli yang berlaku di sekolah secara relatifnya sangat kecil dan masih dalam keadaan terkawal. Mengikut rekod, kes buli bagi sekolah rendah pada tahun 2014, 2015 dan 2016 adalah sebanyak 0.02 peratus. Bagi Januari hingga Jun 2017 jumlah kes yang direkodkan adalah sebanyak 0.003 peratus.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kes buli di sekolah menengah pula direkodkan sebanyak 0.04 peratus bagi tahun 2014 dan 2015. Sepanjang tahun 2016 sebanyak 0.05 peratus kes buli dilaporkan. Pada tahun 2017 iaitu sehingga bulan Jun, jumlah kes buli yang direkodkan adalah sebanyak

0.02 peratus. Sehingga kini, KPM tidak menerima sebarang laporan berkaitan kes dera.

RJM86

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : IR. SHAHRUDDIN BIN ISMAIL  
[KANGAR – BN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.56**

Minta **Menteri Belia dan Sukan** menyatakan bagaimana sokongan pihak Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan sektor swasta dalam memastikan keseimbangan pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraan khususnya di Perlis.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan khususnya Negeri Perlis dalam pembangunan kemudahan sukan dan penyelenggaraan. Kementerian juga sentiasa mengalu-alukan sokongan dari semua pihak sama ada kerajaan negeri mahupun pihak swasta demi memajukan pembangunan sukan negara.

Sekian, terima kasih.

**SULIT**

**NO. SOALAN : 57**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[AMPANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10035**

**SOALAN:**

**Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada pihak Jabatan Penjara Malaysia menjejaki setiap bekas banduan khususnya wanita mengenai status pekerjaan mereka, berapakah yang berjaya mendapat pekerjaan.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Penjara tidak merekodkan status pekerjaan banduan yang telah dibebaskan termasuk dalam kalangan banduan wanita. Walau bagaimanapun, Jabatan Penjara mempunyai rekod banduan yang terlibat dalam program kemahiran yang disediakan semasa banduan menjalani hukuman pemenjaraan. Berdasarkan rekod Jabatan Penjara sehingga Julai 2017, seramai 13,403 orang banduan yang telah berjaya memperolehi sijil kemahiran dalam 48 bidang kemahiran dan diberikan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM-SLDN) hasil perkongsian strategik dan *smart partnership* dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), manakala 6 bidang kemahiran dalam industri pembinaan dan diberikan Sijil Kecekapan Kemahiran (SKK-CIDB) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan juga Sijil Asas Kemahiran dalam bidang perniagaan dan keusahawanan hasil kerjasama dengan Agensi Kerajaan seperti MARDI, MARA dan Jabatan Pertanian.**

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK NOOR  
EHSANUDDIN BIN MOHD HARUN NARRASHID  
[KOTA TINGGI]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan penerima biasiswa pelajar cemerlang Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2010 hingga 2016 untuk program ke luar negara bagi lepasan SPM dan pecahan mengikut kaum; dan
- (b) berapakah bilangan mereka yang telah tamat pengajian tetapi tidak kembali ke Malaysia dan pecahan mengikut kaum.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelajar-pelajar cemerlang lepasan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) yang telah melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia berasaskan merit akademik adalah dibiayai di bawah penajaan Program Biasiswa Nasional (2010-2015). Bilangan pelajar tajaan Program Penajaan Nasional sehingga tahun 2016 adalah seramai 280 orang. Daripada jumlah ini, seramai 122 orang pelajar (44%) adalah Bumiputera manakala seramai 158 orang pelajar (56%) adalah Bukan Bumiputera.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, bilangan pelajar tajaan JPA yang telah menamatkan pengajian di luar negara mulai tahun 2016 sehingga Jun 2017 adalah seramai 2,591 orang pelajar. Daripada jumlah ini, didapati seramai 24 orang (0.9%) tidak kembali untuk berkhidmat atau gagal lapor diri untuk berkhidmat di negara ini. Daripada jumlah ini, seramai 4 orang pelajar adalah Bumiputera manakala seramai 20 orang pelajar adalah Bukan Bumiputera. Kesemua pelajar tersebut telah dikenakan tindakan tuntutan gantirugi dengan jumlah tuntutan sebanyak RM18 juta.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 59**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10036**

**SOALAN :**

**Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah bilangan penerima Darjah Kebesaran Persekutuan serta Darjah DiRaja Negeri yang telah ditangkap oleh pihak PDRM antara 2013 ke masa kini oleh kerana terlibat dalam aktiviti-aktiviti kongsi gelap atau perniagaan berbentuk haram.**

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Terdapat beberapa orang individu bergelar Dato' Seri dan Dato' yang dikesan merupakan ahli kumpulan kongsi gelap dan terlibat dengan aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang. Seramai 14 orang penerima Darjah Kebesaran Persekutuan serta Darjah Diraja Negeri telah ditangkap kerana terlibat dalam aktiviti haram dan aktiviti kongsi gelap oleh PDRM dari tahun 2013 hingga Jun 2017.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Dato' Wira Othman Bin Abdul [ Pendang ]

**TARIKH** : 7 Ogos 2017

**SOALAN** : (Dato' Wira Othman Bin Abdul) minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**  
**ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan pengeluaran padi 10 tan satu hektar di negara ini dan bila jangkaan matlamat ini boleh dicapai?

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kuantiti import beras pada tahun 2016 semakin berkurang jika dibandingkan dengan tahun 2015 iaitu **penurunan sebanyak 22%**. Pengurangan ini disebabkan oleh **peningkatan produktiviti padi** di mana secara puratanya meningkat kepada **5.05 mtan per hektar pada tahun 2016 berbanding 4.88 mtan per hektar pada tahun sebelumnya**. Selain itu, **perubahan corak pemakanan penduduk Malaysia yang mengamalkan pemakanan berprotein berbanding pengambilan nasi yang berkomponen karbohidrat tinggi turut mempengaruhi jumlah keperluan beras walaupun berlaku peningkatan jumlah penduduk setiap tahun**.

Di dalam industri ini, antara masalah utama yang mempengaruhi produktiviti pengeluaran padi adalah serangan penyakit dan perosak padi seperti *Bacterial Leaf Blight* (BLB), bena perang, siput gondang, ulat ratus dan karah serta keadaan cuaca yang buruk seperti fenomena El Nino.

Bagi menangani serangan penyakit dan perosak padi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menggalakkan dan membimbing petani-petani dalam sistem pertanian yang mesra alam dengan mengamalkan kaedah Amalan Pertanian Baik (GAP) melalui Pengurusan Tanaman Bersepadu dan Pengurusan Perosak Secara Bersepadu.

Kementerian terus berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saluran;
- (iii) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (iv) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (v) penggunaan benih padi sah;
- (vi) pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 284 DAN MARDI Siraj 297; dan
- (vii) membuka kawasan jelapang padi baru di **Pekan, Rompin, Kota Belud dan Batang Lupar** dengan tambahan jumlah keluasan kawasan seluas 25,905 hektar.

**NO. SOALAN : 61**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG  
[ GELANG PATAH ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 ( ISNIN )**

**Tuan Lim Kit Siang [ Gelang Patah ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Suruhanjaya Siasatan Diraja akan ditubuhkan untuk menyiasat secara terperinci kerugian berpuluh billion ringgit di Felda Global Ventures Holdings Bhd (FGV) dan FELDA serta mengenal pasti mereka yang bertanggungjawab terhadap skandal ini dalam masa lima tahun ini, demi kepentingan 100,000 peneroka FELDA.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum berhasrat untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi isu FELDA dan FGV memandangkan belum ada keperluan berbuat demikian buat masa ini dan tindakan perlu telah diambil bagi menangani isu-isu yang berbangkit.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan status terkini susulan Parlimen Eropah meluluskan resolusi tunggal mensyaratkan hanya minyak sawit dihasilkan secara lestari boleh diimport memasuki pasaran Kesatuan Eropah (EU) dan apakah tindakan strategik Kementerian dalam menjaga kebajikan 600,000 pekebun kecil sawit di Malaysia.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia telah mengemukakan bantahan terhadap cadangan resolusi tunggal yang dibuat oleh Parlimen Eropah. Dalam hubungan ini, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) telah mengadakan sesi perbincangan dengan pihak Kesatuan Eropah iaitu di peringkat pegawai kanan pada 9 hingga 12 Mei 2017 dan Misi yang diketuai oleh Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi pada 10 hingga 16 Jun 2017. Tujuan Misi ini adalah untuk memaklumkan pihak Kesatuan Eropah tentang tindakan yang telah diambil oleh Malaysia dalam memastikan pengeluaran minyak sawit mampan.

Di samping itu, Kerajaan melalui MPIC dan agensi di bawahnya kini sedang giat mempromosikan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan (*Malaysian Sustainable Palm Oil – MSPO*) supaya diterima dan diiktiraf di peringkat antarabangsa terutamanya Kesatuan Eropah (EU). Pihak Kerajaan juga secara berterusan berhubung dengan pihak berkepentingan dalam EU seperti Ahli Parlimen EU dan Suruhanjaya Eropah. Selain itu, Malaysia juga akan mengambil tindakan melalui landasan seperti *Council of Palm Oil Producing Countries (CPOPC)*, Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (*Association of Southeast Asian Nations – ASEAN*) dan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (*World Trade Organization – WTO*). Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) juga telah menganjurkan beberapa siri lawatan yang disertai oleh Ahli Parlimen EU ke Malaysia di mana mereka telah diberi pendedahan dan maklumat berkaitan pemuliharaan alam sekitar dan inisiatif kemampanan

serta usaha Kerajaan Malaysia dalam membasmi kemiskinan melalui skim tanaman sawit seperti FELDA. Selain itu, melalui rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) di antara Malaysia dan EU, perbincangan berkenaan halangan bukan tarif bagi melindungi kepentingan industri sawit Malaysia juga akan diadakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada SPR akan mengemukakan rayuan untuk mengenenpikan perintah Mahkamah Tinggi yang menghalang SPR daripada menyerahkan cadangan persempadanan semula kawasan pilihanraya kepada Perdana Menteri.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan Perkara 113(6), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan menyediakan Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu sebelum diserahkan kepada YAB Perdana Menteri untuk pembentangan dan kelulusan di Dewan Rakyat. Keputusan sama ada merayu atau tidak terhadap keputusan Mahkamah Tinggi adalah dalam pertimbangan SPR.

Sekian, terima kasih.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[KOTA SAMARAHAN – BN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.64**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan sejauh mana kesediaan golongan sukarelawan dan kejayaan penajaan dalam menjayakan Sukan SEA 2017 bagi memastikan Sukan SEA 2017 berlangsung dengan jayanya.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai latar belakang, dimaklumkan bahawa KBS telah membuka pendaftaran bagi rakyat Malaysia untuk menyatakan minat menjadi sukarelawan Sukan SEA seawal November 2015 lagi secara dalam talian di laman web rasmi Kuala Lumpur 2017 (KL2017). KBS juga telah melancarkan pencarian sukarelawan yang mempunyai nilai-nilai yang dicari, seperti sikap berdedikasi dan bertanggungjawab, yang diberi nama sebagai **WAU Factor**.
2. Untuk tujuan rekod, KBS telah mencatatkan sebanyak 54,971 penyertaan orang awam yang berminat untuk melibatkan diri mereka. Sambutan ini dikira amat menggalakkan, di mana KBS terpaksa menolak banyak permohonan memandangkan KBS hanya memerlukan seramai lebih kurang 13,000, iaitu 9,000 sukarelawan bagi Sukan SEA ke-29 dan 4,000 untuk Sukan Para ASEAN.
3. Untuk makluman, kumpulan sukarelawan ini telah dilatih oleh pelatih yang berkelayakan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), sejak bulan Disember 2016 yang lepas. Latihan ini terbahagi kepada dua iaitu Latihan Umum dan Latihan Khusus untuk memastikan mereka bersedia dan mampu membantu dalam memastikan kelancaran temasya Kuala Lumpur 2017.

## **SULIT**

4. Latihan umum telah bermula pada 28 Disember 2016 hingga 8 April 2017, meliputi modul seperti Kenegaraan Patriotisme dan Isu-isu Semasa, Pengenalan kepada Temasya Kuala Lumpur 2017, Motivasi sebagai Sukarelawan Berkesan, Pembentukan Imej dan Protokol, Komunikasi Merentasi Budaya, Komunikasi Dalam Situasi Mencabar dan Tindak Balas dalam Situasi Kecemasan.
5. Manakala Latihan Khusus Sukarelawan telah bermula pada bulan Mei sehingga kini berdasarkan 54 jenis sukan bagi Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN KL2017. Tumpuan khusus juga telah diberikan kepada sukarelawan yang akan bertugas untuk Upacara Pembukaan dan Penutupan KL2017, di mana seramai kira-kira 2,000 tenaga sukarelawan khusus akan terlibat.
6. Sejak jenama Kuala Lumpur 2017 diperkenalkan, banyak syarikat dan organisasi telah tampil untuk bekerjasama untuk menjayakan temasya dwi-tahunan terbesar di rantau Asia Tenggara.
7. Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee - MASOC) Kuala Lumpur 2017 (KL2017) telah berjaya mencapai sasaran awal penajaan iaitu pencapaian sebanyak 103% atau RM82.7 juta berbanding RM80 juta yang telah ditetapkan sebelum ini. Sekaligus MASOC telah melepasi KPI (Prestasi Petunjuk Utama) dari segi penajaan untuk temasya Kuala Lumpur 2017. Daripada jumlah itu, pecahan penajaan yang diterima daripada 15 rakan penaja kita adalah; RM25 juta dalam bentuk wang tunai manakala selebihnya dalam bentuk barangan dan cenderahati. Syarikat-syarikat yang menjadi penaja ialah :-

## **SULIT**

- **PLATINUM (RM7.5 juta hingga RM15 juta)**
  - a) Telekom Malaysia Berhad (TM) - Penyedia Telekomunikasi Berintegrasi Kuala Lumpur 2017
  - b) NAZA Corporation Holdings Sdn Bhd - Penaja Kereta Rasmi Sukan Kuala Lumpur 2017
  - c) Ajinomoto Co. Inc.
  - d) Football Thai Sporting Goods Co. Ltd (FBT) (Rakan Pakaian Sukan Rasmi)
  - e) Petroleum Nasional Bhd (PETRONAS) (Rakan Bahan Api Rasmi KL2017)
  
- **EMAS (RM3 juta hingga RM7.5 juta)**
  - a) Malaysia Airports (KL2017 Welcoming Partner)
  - b) GRAB (Rakan Perkhidmatan e-Hailing)
  - c) AirAsia Bhd (Rakan Penerbangan Rasmi)
  
- **PERAK (RM1 juta hingga RM3 juta)**
  - a) MILO
  - b) 100PLUS(Penaja Minuman Isotonik Rasmi Kuala Lumpur 2017)
  - c) SCGM Bhd (Rakan Rasmi Sukan Hijau)
  - d) Prudential Assurance Malaysia Bhd (PAMB) (Rakan Insurans Rasmi)
  - e) McDonald's (Restoran Rasmi KL2017)

## **SULIT**

- f) Prasarana Malaysia Berhad (Rakan Rasmi Penyedia Perkhidmatan Pengangkutan Awam )
  - g) Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB)
  - h) Spritzer Bhd (Penaja Rasmi Air Botol)
  - i) Royal Selangor (Rakan Pingat Rasmi)
8. Selepas majlis-majlis tandatangan rasmi antara rakan-rakan penaja, banyak promosi temasya sukan KL2017 termasuklah dalam aktiviti pemasaran mereka melalui pelbagai program, aktiviti dan inisiatif yang melibatkan jenama Kuala Lumpur 2017 telah dilaksanakan. Malah melalui akaun laman media sosial, papan iklan di jalan raya dan lebuhraya juga jelas terpapar dengan maskot rasmi temasya, RIMAU.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI**

**[ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 7 Ogos 2017 ( ISNIN )**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah membantu para peneroka FELDA melepaskan diri daripada hutang yang berpunca daripada pinjaman untuk membeli saham FGV, syarikat yang tidak diurus dengan baik dan kelemahan urus tadbir Technoplant yang tidak ada rekod pecahan hutang peneroka dan tiada rekod terperinci perolehan tan BTS.**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan dalam mana-mana syarikat senaraian awam mempunyai risiko naik dan turun, begitu juga pelaburan dalam FGV. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan harga saham FGV menjadi tidak menentu antaranya adalah faktor prestasi kewangan, harga Minyak Sawit Mentah (MSM) dunia, cuaca dan juga sentimen pasaran.

Dalam membantu meringankan beban peneroka, pada 1 Oktober 2012 FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka pada harga kos RM3,560 dan tidak termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka juga dibenarkan membuat jualan dan berhak untuk mendapat dividen yang diisytiharkan oleh FGV. Terkini, Kerajaan telah mengumumkan enam insentif kepada peneroka sempena Hari Peneroka pada 24 Julai 2017, antaranya adalah Kerajaan mengumumkan pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FGV dengan kadar ringgit ke ringgit. Bagi peneroka yang telah habis membayar pinjaman pula, ganjaran tunai RM1,820 diberikan.

Justeru, sudah tidak menjadi sebarang isu saham FGV memberi beban kepada Peneroka lagi malahan mereka akan terus menerima dividen yang diisytiharkan oleh FGV setiap tahun. Jumlah pemberian dividen yang telah diterima oleh peneroka FELDA yang memegang saham FGV sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka sehingga kini adalah sebanyak RM360.00. Selain itu, FELDA juga telah mengagihkan pendapatan dividen FGV yang diterima melalui pegangan 20% saham FGV kepada peneroka yang layak. Jumlah keseluruhan pemberian dividen berkenaan sehingga kini adalah sebanyak RM 254,505,236.86.

Berkaitan tadbir urus Felda Technoplant Sdn Bhd (FTP), dimaklumkan bahawa FTP telah menggunakan Perisian Aplikasi Perniagaan bertaraf antarabangsa, iaitu *Systems, Applications and Products* (SAP) bagi urusan merekod urusanniaga secara terperinci samada perbelanjaan atau pendapatan (tan BTS). Sistem ini digunapakai oleh syarikat konglomerat dan bertaraf multinational seperti Shell, Petronas dan Nestle. Sistem ini merekod hasil Buah Tandan Segar (BTS) yang ditimbang dan direkodkan oleh Kilang FGV serta boleh disemak oleh FTP pada setiap hari. Bagi rekod hutang Peneroka, ia boleh dikeluarkan samada berbentuk rumusan atau pun secara terperinci mengikut pecahan hutang peneroka melalui sistem ini. Penyata hutang Peneroka boleh diperolehi daripada Pejabat Rancangan pada bila-bila masa dan ia diedarkan kepada semua Peneroka pada setiap suku tahun dan juga akan dibentangkan sekiranya perlu diperjelaskan dengan terperinci kepada Peneroka.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO: 66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID

TARIKH: 7 OGOS 2017

SOALAN:

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kebenaran pekerja asing dibenarkan bekerja di semua sektor.

PR-1352-L01802

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Jumlah pemberhentian pekerja bagi tempoh Januari sehingga 7 Julai 2017 adalah seramai 19,291 orang yang melibatkan 17,213 pekerja (89%) melalui pemberhentian biasa, manakala 2,078 pekerja (11%) melalui pemberhentian sukarela. Statistik menunjukkan bahawa pemberhentian pekerja tertinggi berlaku dalam sektor pembuatan iaitu sebanyak 15,288 orang (79%), sektor penginapan, perkhidmatan makanan dan minuman sebanyak 843 orang (4%) serta sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak 520 orang (3%).

2. Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan tindakan pemantauan secara rapi dan proaktif bagi memastikan hak-hak pekerja terjamin serta kebajikan tidak diabaikan. Bagi tujuan tersebut, majikan diwajibkan untuk melengkapkan dan mengemukakan laporan mengenai pemberhentian pekerja dalam tempoh tiga puluh (30) hari sebelum tindakan pemberhentian tersebut dilaksanakan sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 63, Akta Kerja 1955. Kementerian Sumber Manusia juga akan memastikan hak-hak pekerja dibayar mengikut undang-undang sedia ada, memastikan majikan mematuhi Garis Panduan Pemberhentian Pekerja dan membantu penempatan semula pekerja-pekerja yang terjejas.

3. Dalam pada itu, Kementerian Sumber Manusia turut bertanggungjawab bagi memastikan tindakan majikan yang menjalankan pemberhentian pekerja adalah mematuhi Seksyen 60M, Akta Kerja 1955 yang memperuntukkan bahawa tiada majikan boleh menamatkan perkhidmatan pekerja tempatan dengan tujuan mengambil kerja seseorang pekerja asing. Di bawah akta yang sama, Seksyen 60N, sekiranya majikan dikehendaki mengurangkan tenaga kerjanya oleh sebab lebih pekerja yang memerlukan pengurangan pekerja, maka majikan tidaklah boleh menamatkan perkhidmatan seseorang pekerja tempatan melainkan pekerja asing dalam kategori pekerjaan yang sama ditamatkan terlebih dahulu.

4. Selain itu, Kementerian Sumber Manusia juga telah menubuhkan *1Malaysia Outplacement Centre* (1MOC) melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) bagi membantu pekerja yang diberhentikan kerja khususnya kepada pekerja yang diliputi di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah khidmat maklumat portal dan aplikasi suai padan pekerjaan, kaunseling, latihan serta penempatan pekerjaan dengan bantuan dan kerjasama pihak *JobsMalaysia*, Jabatan Tenaga Kerja. 1MOC turut dibuka kepada pekerja yang telah diberhentikan daripada syarikat yang tidak berdaftar dengan PSMB.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Mengenai penggajian pekerja asing, dasar Kerajaan adalah jelas iaitu memberi keutamaan dalam pekerjaan kepada rakyat

Malaysia terlebih dahulu. Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan pekerja warganegara tidak dinafikan hak mereka untuk bekerja. Hanya jawatan-jawatan yang tidak dapat diisi oleh pekerja warganegara dalam sektor-sektor yang diluluskan sahaja dibenarkan untuk menggaji pekerja asing.

6. Kerajaan turut mengenakan syarat yang ketat ke atas majikan yang ingin menggaji pekerja asing dengan mewajibkan mereka mengiklankan kekosongan sesuatu jawatan dalam Portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan majikan diberikan pertimbangan. Pendekatan ini adalah bagi memastikan keutamaan mengisi sesuatu kekosongan jawatan diberikan terlebih dahulu kepada rakyat warganegara.

7. Penggajian pekerja asing hanya dibenarkan bagi jawatan tertentu sahaja dalam enam (6) sektor formal iaitu sektor pembinaan; pertanian; perladangan; perkilangan; perlombongan dan pengkuarian; dan perkhidmatan (subsektor restoran (tukang masak), pembersihan dan pencucian, pulau peranginan, hotel, spa dan refleksologi, kedi (lelaki), pengendalian kargo (pelabuhan dan lapangan terbang) dan pembantu taman tema) serta satu (1) sektor informal iaitu pekhidmat domestik.

8. Oleh itu, mengenai pandangan sesetengah pihak yang menyatakan bahawa penggajian dan kemasukan pekerja asing menyebabkan rakyat Malaysia hilang pekerjaan adalah kurang tepat kerana purata kadar pengangguran bagi tempoh 2012 hingga 2016

adalah sekitar 3.1%. Ini bererti bahawa pengisian kekosongan jawatan oleh pekerja asing bukanlah menggantikan pekerja warganegara dan berdasarkan data yang diperoleh kebanyakan penganggur adalah terdiri daripada kalangan belia dan graduan universiti yang tidak berminat dan kurang sesuai untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai pekerja am.

9. Berdasarkan statistik *JobsMalaysia* sepanjang tahun 2016, hanya seramai 4,304 rakyat Malaysia yang berdaftar sebagai pencari kerja dalam kategori pekerjaan asas, manakala permintaan majikan bagi kategori pekerjaan asas adalah jauh lebih tinggi iaitu sekitar 85,257 kekosongan jawatan sehingga 31 Disember 2016. Keadaan ini telah menyebabkan Kerajaan membenarkan penggajian pekerja asing oleh majikan dan tertakluk kepada keperluan sebenar pihak industri.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI**  
**KAWASAN : SETIAWANGSA**  
**TARIKH : 7 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 67 (PR-1352-L01718)**

**SOALAN**

Dato' Ahmad Fauzi Bin Zahari [Setiawangsa] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sehingga suku kedua 2017 ini, apakah barangan yang menjadi import dan eksport tertinggi negara serta apakah sektor atau barangan yang dilihat mempunyai prospek yang tinggi pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada bulan Januari hingga Mei 2017, jumlah dagangan meningkat sebanyak 25.4% kepada RM722.89 bilion berbanding Januari hingga Mei 2016. Eksport berkembang sebanyak 23.3% kepada RM377.96 bilion manakala import meningkat sebanyak 27.7% kepada RM344.93 bilion berbanding tempoh yang sama pada tahun 2016. ini menghasilkan lebihan dagangan sebanyak RM33.03 bilion.

Pada tempoh Januari hingga Mei 2017, barangan perkilangan kekal sebagai penyumbang utama bagi eksport Malaysia dengan 81.6% syer atau RM308.47 billion daripada jumlah eksport. Antara sektor utama barangan perkilangan yang menjana hasil eksport negara adalah:

- (i) Elektrik & Elektronik, RM133.63 bilion (35.4% syer);
- (ii) Petroleum, RM31.3 bilion (8.3%);
- (iii) Kimia & bahan kimia, RM28.27 bilion (7.5%);
- (iv) Jentera, perkakasan & peralatan, RM17.34 bilion (4.6%); dan
- (v) Barangan perkilangan logam, RM15.04 bilion (4.0%).

Selain barangan perkilangan, eksport negara turut dijana oleh keluaran pertanian dan hasil galian yang masing-masing menyumbang sebanyak 8.7% syer daripada keseluruhan hasil eksport. Antara produk utama keluaran pertanian ialah minyak sawit dan keluaran berasaskan sawit (5.9% syer) dan getah asli (0.6% syer), manakala produk utama hasil galian adalah gas asli cecair (LNG) (4.0% syer) dan petroleum mentah (3.3% syer).

Sementara itu, bagi lima bulan pertama 2017, import meningkat 27.7% kepada RM344.93 bilion berbanding tahun sebelumnya. Import barangan pengantara bernilai RM200.61 bilion, naik 29.3%, didorong oleh peningkatan import alat ganti dan aksesori barang modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan).

Manakala import barang modal berjumlah RM48.33 bilion iaitu pertumbuhan sebanyak 28.2% berikutan peningkatan import barang terutamanya jentera dan kelengkapan elektrik. Ini diikuti import barang penggunaan (dengan izin *consumption goods*) bernilai RM28.74 bilion

dengan peningkatan sebanyak 4.4% disumbangkan oleh peningkatan import artikel plastik.

Bagi memacu pertumbuhan eksport bernilai tinggi pada masa akan datang, kerajaan melalui Majlis Eksport Negara (NEC) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri telah menggariskan 12 sektor utama bernilai tinggi iaitu sektor barangan eletrik dan eletronik, mesin & kelengkapan, minyak sawit, automotif dan kelengkapan, peranti perubatan, perniagaan agro, petrokimia, ICT, pembinaan, perkhidmatan, pelancongan perubatan dan sektor perlancongan sebagai fokus utama perdagangan negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT**  
**[HULU LANGAT]**

**TARIKH JAWAPAN : 7 OGOS 2017**

**SOALAN**

**DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT** minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan perkembangan Projek Pembentungan Berpusat yang dimaklumkan lewat dari jadual asal dan telah menimbulkan banyak aduan gangguan kepada masyarakat setempat.

## JAWAPAN

Tuan yang Dipertua,

1. Seiring dengan kemajuan negara, Kerajaan Persekutuan memberi fokus kepada pembinaan loji-loji rawatan kumbahan berpusat dalam mengukuhkan perkhidmatan pembedahan dan menjamin kelestarian sumber air. Ini dapat dilihat melalui pembinaan Loji Rawatan Kumbahan (LRK) Serantau Pantai 2 yang baharu dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 25 Mei 2017 yang lalu.
2. Soalan YB Hulu Langat adalah merujuk kepada projek pembinaan LRK Serantau Langat. Untuk makluman YB, loji ini terdiri daripada 3 komponen utama iaitu pembinaan loji rawatan kumbahan serantau, rangkaian paip pembedahan sepanjang 105 kilometer dan pembinaan 6 buah stesen pam serta menaiktaraf 4 buah stesen pam sedia ada. Loji ini mampu merawat aliran kumbahan sehingga 920,000 *population equivalent* (PE) dan akan siap pada 12 April 2021. Loji ini turut menggunakan pakai elemen hijau serta dilengkapi dengan kemudahan sukan dan dewan komuniti untuk kegunaan masyarakat setempat. Sehingga kini, kemajuan

pelaksanaan projek LRK Serantau Langat adalah sebanyak 44.86% dan selari dengan jadual pelaksanaan.

Tuan yang Dipertua,

3. Kementerian memandang serius dengan aduan rakyat berkaitan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Persekutuan. Dalam hal ini, Kementerian telah melaksanakan pelan komunikasi bagi mengatasi masalah yang timbul sepanjang pelaksanaan projek seperti menyediakan Pusat Informasi Awam, mewujudkan laman web, menyediakan kaunter pertanyaan *infoline* yang beroperasi selama 24 jam dan program bersama penduduk setempat yang turut dihadiri oleh pelbagai pihak. Dengan adanya pelan komunikasi ini, Kementerian yakin masalah yang dihadapi oleh penduduk setempat dapat ditangani sebaik mungkin dan projek ini dapat dilaksanakan dengan lancar.
  
4. Pihak Kementerian juga telah melaksanakan penyelarasan dengan pihak-pihak berkaitan seperti Jabatan Kerja Raya, Majlis Perbandaran Kajang, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat untuk mengatasi permasalahan-permasalahan yang timbul dan mendapatkan penyelesaian bagi menjaga kepentingan semua

pihak. Pihak kontraktor juga telah diarahkan untuk menyelesaikan sebarang aduan daripada pihak-pihak berkepentingan bagi melancarkan pelaksanaan projek ini.

Sekian, terima kasih

.....

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH  
[JASIN]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Haji Ahmad Bin Hamzah [Jasin]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan tugas, tanggungjawab dan kuasa DBP, PBT dan SSM dalam memastikan bahasa Melayu didaulatkan selaras dengan perkara 152 Perlembagaan Negara, Akta Bahasa Kebangsaan 1963/1967 dan Dasar MBMMBI kerana penggunaan bahasa Melayu di bawah bidang kuasa masing-masing dan di kalangan rakyat, sektor awam serta sektor swasta kini nampaknya semakin bercelaru, terpinggir dan memalukan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu. Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32) menghuraikan lebih lanjut peranan bahasa kebangsaan sebagai bahasa bagi maksud rasmi yang perlu digunakan dalam segala urusan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Awam. Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) berperanan mengangkat martabat dan mempertahankan bahasa Melayu seperti dalam tujuan penubuhan DBP yang digariskan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka

1959 supaya Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan dihormati semua rakyat Malaysia.

DBP bertanggungjawab memperkasakan penggunaan bahasa Melayu, antaranya melalui langkah berikut:

- (1) Menubuhkan Jawatankuasa Pelaksanaan Bahasa Kebangsaan dengan melibatkan kementerian dan agensi lain, serta sokongan agensi kerajaan, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.
- (2) Melaksanakan Program Audit Bahasa Melayu dalam Perkhidmatan Awam bertujuan membuat penilaian tentang tahap dan mutu bahasa Melayu yang digunakan bagi maksud urusan rasmi kerajaan.
- (3) Membuat pemantauan bahasa ke atas sektor awam termasuk syarikat berkaitan kerajaan dan pemantauan bahasa di tempat awam yang merangkumi paparan iklan di kawasan PBT seluruh negara.
- (4) Melaksanakan Program Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mulai tahun 2013.
- (5) Melaksanakan Penguatkuasaan Pengesahan Bahasa dalam Iklan di Tempat Awam iaitu pelanggan (pengiklan dan agensi pengiklanan) PBT perlu mendapatkan pengesahan penggunaan bahasa Melayu yang baik dan betul daripada DBP sebelum menyiarkan iklan di tempat awam.
- (6) Membantu KPM menjayakan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) dalam sektor pendidikan.

**SULIT**

**NO. SOALAN: 70**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI MOHAMED AZMIN BIN ALI  
[GOMBAK]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10037**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali [Gombak] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras individu dan kumpulan militan yang melibatkan diri dalam keganasan di luar negara seperti penglibatan Dr. Mahmud Ahmad yang mendalangi serangan Daesh di Marawi, Filipina.**

**SULIT**

**SULIT**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ancaman dan tahap atau pengaruh kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia merupakan satu realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal.**

**Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk individu-individu yang terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti keganasan. Sehingga 30 Jun 2017, PDRM telah menangkap seramai 310 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan telah berjaya menggagalkan 15 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.**

**Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.**

**Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi**

**SULIT**

## **SULIT**

**keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

**Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuk kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.**

**Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:**

- (a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**

**SULIT**

## **SULIT**

- (b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pengganas ke Malaysia;**
- (c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada;  
dan**
- (d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pengganas.**

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]  
DARIPADA : YB. DATO' SRI WEE JECK SENG  
[TANJUNG PIAI]

**SOALAN :-**

**YB Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjung Piai] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah keberkesanan pelaksanaan pemisahan sisa yang diperuntukan di bawah Akta 672 Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 sejak akta ini dikuatkuasakan dan statistik jumlah kes didapati kesalahan kepada akta ini serta didakwa ke mahkamah.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca telah bermula pada 1 September 2015 secara serentak di 7 buah negeri yang menerimapakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis dengan melibatkan 53 buah kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sebanyak 2,189,288 premis telah terlibat yang mana 1,651,906 merupakan premis bertanah dan 537,382 premis bertingkat.

Pelaksanaan program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca dan program 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) dilaksanakan secara berterusan dan menyeluruh melibatkan pelbagai golongan sasaran sebagai usaha meningkatkan amalan kitar semula di kalangan masyarakat negara ini. Menerusi program pengasingan sisa pepejal ini, barangan kitar semula yang telah diasingkan oleh isi rumah ini boleh dijual kepada vendor kitar semula atau dihantar ke Pusat Kitar Semula. Pemilik rumah juga boleh

meletakkan sisa pepejal barangan kitar semula ini di sebelah tong sampah untuk dikutip oleh syarikat mengikut jadual 2 kali dalam seminggu untuk kutipan sisa domestik dan 1 kali dalam seminggu untuk kutipan sisa kitar semula dan sisa pukal (2 + 1) yang telah ditetapkan.

Secara umumnya, masyarakat memberikan sokongan dan sambutan yang positif terhadap inisiatif ini. Hal ini dapat dilihat dengan jumlah kutipan sisa kitar semula yang telah berjaya dikumpul melalui kutipan (2 + 1) iaitu sebanyak **3,651.01 tan** semenjak ia dilaksanakan pada 1 September 2015 sehingga 30 Jun 2017 melalui kutipan dari rumah ke rumah oleh syarikat konsesi.

Hasil pelaksanaan pengasingan sisa pepejal dan amalan kitar semula ini telah menyumbang kepada peningkatan kadar kitar semula negara dari 17.49% pada tahun 2016 kepada 20.9% pada tahun 2017 seiring dengan sasaran kadar kitar semula negara sebanyak 22% menjelang tahun 2020 dan melebihi 2% setahun seperti yang disasarkan.

Pihak Kementerian yakin melalui komitmen yang ditunjukkan oleh segenap masyarakat melalui pembudayaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca ini akan dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan, mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula, memanjangkan jangka hayat sesebuah tapak pelupusan dan seterusnya mentransformasikan minda masyarakat ke arah amalan hidup yang lestari dan hijau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari aspek penguatkuasaan terhadap pelaksanaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca, seramai 548 anggota penguatkuasa SWCorp telah digerakkan di negeri-negeri yang menerimapakai Akta 672 untuk tindakan penguatkuasaan. Bagi tempoh 1 Jun 2016 sehingga 30 Jun 2017, pemeriksaan telah dijalankan ke atas 318,417 buah premis. Bagi penghuni premis kediaman yang didapati tidak melakukan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca, tindakan kompaun akan dikenakan seperti yang tertakluk di bawah Peraturan 14 (3), Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Isi Rumah dan Sisa Pepejal yang Serupa Dengan Sisa Pepejal Isi Rumah) 2011.

Berdasarkan pemeriksaan yang dijalankan sehingga 30 Jun 2017, sejumlah **195 Notis Pemberitahuan Kesalahan (NPK)** telah dikeluarkan kepada individu atau premis yang gagal melaksanakan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **67 Notis Tawaran Kompaun** telah dikeluarkan dan jumlah keseluruhan kompaun yang telah dibayar bernilai **RM3,200.00**. Kesemua Notis Tawaran Kompaun tersebut telah dibayar dalam tempoh yang ditetapkan dan sehingga kini tiada kes dibawa ke mahkamah.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING  
(BINTULU)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan mempertimbangkan untuk melupuskan caj perkhidmatan yang dikenakan oleh syarikat Touch n Go kerana ini adalah bertentangan dengan galakan terhadap pengguna untuk menggunakan kad Touch n Go untuk perkhidmatan seperti tempat-tempat parkir kereta dan sebagainya ; dan

(b) apakah cara agihan kutipan caj perkhidmatan tersebut dan siapakah pihak yang menerima kutipan caj perkhidmatan serta berapa banyakkah rakyat Malaysia yang sedang menggunakan kad Touch n Go sehingga kini .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, caj perkhidmatan bagi penggunaan kad *Touch 'n Go* (TnG) dikenakan oleh penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta untuk menanggung kos pengendalian dan pengurusan fasiliti serta sistem TnG di lokasi-lokasi yang menawarkan kemudahan penggunaan kad TnG. Kos ini juga meliputi kadar diskaun peniaga yang dikenakan oleh TnG ke atas pengendali tempat letak kereta. Walau bagaimanapun, terdapat pengendali tempat letak kereta yang memilih untuk tidak mengenakan caj perkhidmatan TnG dan menanggung keseluruhan kos yang berkaitan. Dalam hal ini, Bank Negara Malaysia (BNM) sentiasa menyaran TnG supaya mencapai kata sepakat bagi mendapatkan persetujuan daripada pihak penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta untuk menyerap kos penyediaan dan penyelenggaraan sistem TnG. Walau bagaimanapun, keputusan untuk mengenakan caj perkhidmatan bagi penggunaan kad TnG adalah tertakluk kepada penilaian dan budi bicara penyedia perkhidmatan.

Caj perkhidmatan bagi penggunaan kad TnG yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan seperti pengendali tempat letak kereta tidak

diagihkan kepada pihak-pihak lain. Ia digunakan oleh penyedia perkhidmatan untuk menanggung kos pengendalian dan pengurusan fasiliti serta sistem TnG. Setakat ini, terdapat 6,924,034 orang pengguna kad TnG yang aktif di Malaysia.

**NO. SOALAN: 73**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10038**

**SOALAN :**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah diambil Kerajaan untuk mencegah serangan pengganas dari pejuang ISIS yang kembali ke Malaysia atau kumpulan pengganas lain dan langkah-langkah keselamatan yang diambil semasa Sukan SEA.**

**Jawapan:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Ancaman dan tahap atau pengaruh kumpulan militan terutama Daesh di Malaysia merupakan satu realiti dan boleh memberi kesan negatif terhadap keselamatan negara pada masa hadapan sekiranya tidak dibendung di peringkat awal.**

**Kementerian Dalam Negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak termasuk individu-individu yang terlibat dengan sebarang bentuk aktiviti keganasan. Sehingga 30 Jun 2017, PDRM telah menangkap seramai 310 orang ahli kumpulan pengganas Daesh dan telah berjaya menggagalkan 15 percubaan mereka untuk melancarkan serangan sejak Februari 2013.**

**Mengambil kira insiden yang telah berlaku pada 28 Jun 2016 di Puchong yang telah mencederakan seramai 8 orang awam, Kerajaan sedar bahawa langkah-langkah tegas secara berterusan perlu dilakukan demi menjamin kedaulatan negara terus terpelihara dan keselamatan rakyat secara amnya terus terjamin.**

**Antara tindakan drastik yang dilakukan adalah dengan meningkatkan kawalan keselamatan di lokasi-lokasi strategik seperti pusat-pusat tumpuan pelancong, kepentingan negara asing dan sasaran-sasaran penting di seluruh negara. Kawalan keselamatan dibuat melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan melibatkan kerjasama agensi-agensi**

**keselamatan negara terutamanya oleh PDRM dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).**

**Pada masa yang sama, kawalan di semua pintu masuk utama negara sama ada udara, darat mahupun laut turut dipertingkatkan termasuklah kawalan di sepanjang sempadan Malaysia. Kerajaan dari semasa ke semasa terus meningkatkan penguatkuasaan undang-undang yang berkuat kuasa seperti Akta Pencegahan Keganasan 2015, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 dan Akta Pencegahan Jenayah 1959.**

**Kerjasama antara PDRM dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang. PDRM juga berusaha menyekat pengaruh dan ideologi Kumpulan IS daripada terus meresap ke dalam pemikiran rakyat Malaysia melalui operasi dan tangkapan yang dilancarkan oleh PDRM dari semasa ke semasa.**

**Selain daripada itu, beberapa pendekatan turut diambil bagi tujuan penambahbaikan kepada aspek keselamatan dalam negara seperti berikut:**

- (a) mempertingkat pengumpulan maklumat risikan berhubung aktiviti pengganas yang berpotensi menggugat keselamatan dan kedaulatan negara;**

- (b) kerjasama erat dengan agensi perisikan dan keselamatan Indonesia, Thailand serta Filipina bagi mematahkan sebarang cubaan meloloskan diri kumpulan pegganas ke Malaysia;**
- (c) meningkatkan keupayaan dan kepakaran teknologi sedia ada;  
dan**
- (d) menjalin kerjasama dengan semua Agensi/ Jabatan Kerajaan, swasta, NGO, parti politik dan segenap lapisan masyarakat bagi mengekang pengaruh kumpulan pegganas.**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : Lisan

**DARIPADA** : Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]

**TARIKH** : 7 Ogos 2017

**SOALAN** : Tuan Khoo Soo Seang minta  
**MENTERI PERTANIAN DAN**  
**INDUSTRI ASAS TANI**  
menyatakan bagaimana Kerajaan  
boleh meyakinkan para pengguna  
tentang tahap keselamatan hasil-  
hasil pertanian dan ternakan dari  
pasaran tempatan mahupun yang  
diimport.

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Selaras dengan kesedaran dan permintaan yang semakin meningkat terhadap produk pertanian yang selamat serta mematuhi piawaian yang ditetapkan, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha bagi meyakinkan para pengguna tentang tahap keselamatan hasil-hasil pertanian dan ternakan dari pasaran tempatan mahupun yang diimport secara :

- i. Menggalakkan penggunaan hasil keluaran pertanian dari ladang-ladang yang diiktiraf dengan Amalan Pertanian Baik (GAP) dan Amalan Penternakan Baik (GAHP). GAP dapat menjamin makanan yang selamat dan berkualiti dengan mengambil kira penggunaan input pertanian seperti baja, racun dan ubat-ubatan secara cekap dan tepat mengikut keperluan serta mesra alam. GAHP pula merangkumi elemen-elemen program pengurusan kesihatan ternakan, program biosekuriti, program sanitari dan fitosanitari serta program pengurusan sisa ladang dan pencemaran yang mampu mengawal penyakit berjangkit ke atas haiwan ternakan;

- ii. Memastikan secara bersama pematuhan para pengusaha dan pengeluar makanan terhadap Akta Racun Makhluk Perosak 1974 di bawah seliaan Jabatan Pertanian dan Akta Makanan 1983 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kementerian Kesihatan berhubung pengawalan bagi aspek berkaitan penggunaan racun makhluk perosak serta nilai had maksimum residu racun perosak dalam makanan; dan
- iii. Menggalakkan pengambilan hasil keluaran pertanian yang organik bagi memastikan sumber makanan seperti sayur dan buah-buahan yang diambil lebih berkualiti dan sihat.

Bagi setiap produk hasil pertanian yang diimport, pemeriksaan dokumen dan fizikal akan dilaksanakan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS). Hal sedemikian bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan Permit Import, Sijil Kesihatan, Sijil Fitosanitasi Invois dan lain-lain serta mengenalpasti risiko penyakit, negara pengeksport dan simptom yang kelihatan.

**SOALAN NO: 75**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD  
RAMLI [DUNGUN]  
TARIKH : 7 OGOS 2017  
SOALAN : 75**

**YB Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta  
MENTERI KERJA RAYA menyatakan perkembangan terkini pembinaan  
Hospital Daerah Dungun sehingga bulan Jun 2017.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dalam usaha untuk memastikan kesinambungan perkhidmatan kesihatan yang berterusan dan berkualiti di Daerah Dungun, pembinaan Hospital Dungun, Terengganu dengan kapasiti 110 katil sedang giat dilaksanakan mengikut perancangan yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) selaku Agensi Pelaksana. Kontraktor yang dilantik telah pun memasuki tapak pada 23 Februari 2016 dan projek dijangka siap pada 22 Februari 2019 dengan tempoh pembinaan selama 36 bulan.

Kemajuan kerja Kontraktor sehingga 21 Jun 2017 adalah 17.04 peratus sebenar berbanding jadual 17.15 peratus dan ia menepati sasaran

unjuran kemajuan kerja yang telah ditetapkan oleh JKR. Pada masa sekarang, pihak Kontraktor telah selesai melaksanakan kerja-kerja *piling* dan sedang giat melaksanakan kerja-kerja struktur bangunan seperti kerja-kerja *stump column* dan *ground beam*.

Pihak Kementerian dan JKR sentiasa memantau dengan rapi perkembangan projek ini agar pembinaan Hospital Dungun akan dapat disiapkan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN  
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG [ALOR GAJAH]  
TARIKH : 7 OGOS 2017  
SOALAN : 76**

**YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Hospital Alor Gajah yang siap dibina dalam tahun 2013 telah digunakan dengan sepenuhnya khususnya Dewan Pembedahan dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan Hospital Alor Gajah dapat memberi perkhidmatan yang diperlukan kepada penduduk setempat.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Dewan Bedah Hospital Alor Gajah telah menjalani proses pembaikan dan kedudukan terkini Pengujian '*Cleanroom Performance Test*'(CPT) telah dibuat pada 5 Julai 2017 dan ianya telah memenuhi kefungisian pengoperasian Dewan Bedah. Pihak JKR sedang menunggu laporan rasmi berkenaan perkara ini dalam tempoh terdekat bagi tujuan penyerahan dan dijangka diserahkan pada akhir Bulan Julai 2017.

NO. SOALAN: 77

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN  
ATIQULLAH[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN:**

**Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dengan timbulnya isu-isu perbezaan pandangan dan mazhab yang semakin meruncing, seperti tuduhan dan labelan sebagai Wahabi, Syiah dan pelbagai lagi, sehingga ke tahap mentakfirkan dan menyesatkan yang menimbulkan keresahan masyarakat, apakah langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil untuk menanganinya?.**

**JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Ahli Sunnah wal-Jamaah adalah pegangan umat Islam di negara ini. Ia selaras dengan keputusan Muzakarah khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia yang bersidang

pada 5 Mei 1996 bahawa umat Islam di Malaysia hendaklah hanya mengikut ajaran Islam yang berasaskan pegangan Ahli Sunnah wal-Jamaah dari segi akidah, syariah dan akhlak.

Bagi memastikan pegangan akidah umat Islam sentiasa terpelihara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) telah menguatkuasakan undang-undang sedia ada terhadap pihak-pihak yang cuba menyebarkan ajaran atau fahaman yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah wal-Jamaah. Pengawalan ajaran yang bertentangan dengan Islam adalah di bawah Akta/ Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang diperuntukkan di negeri-negeri. Ini selaras dengan ketetapan Butiran 1 Senarai II-Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan bahawa hal ehwal Islam adalah dibawah bidan kuasa negeri.

Bagi menangani perbezaan pandangan, Kerajaan telah menerapkan konsep Wasatiah yang merangkumikesederhanaan, keseimbangan, kecemerlangan dan keadilan dalam pelaksanaan dasar-dasar negara dan kehidupan bermasyarakat. Melalui pendekatan Wasatiah ini, iamampu membawa masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, dengan menjauhisikap ekstrem dan melampau, bahkan mengutamakan pendekatan dakwah secara berhemah.

Selain itu, Kerajaan juga dari semasa ke semasa menyediakan platform percambahan ilmu dan pendapat dalam kalangan ulama seluruh Malaysia melalui pelbagai program berkala. Antaranya program Majlis Ulama' – Umara' Bersama YAB Perdana Menteri; yang merupakan agenda tahunan Kerajaan yang menjadi wadah utama menghimpunkan para umara' dan alim-ulama' serta para cendikiawan seluruh Malaysia

daripada berbagai latar belakang dan kepakaran untuk saling berinteraksi dan berperan dalam menyatakan pandangan dan idea supaya dapat dimanfaatkan dalam membangunkan umat Islam dan negara, berasaskan maqasid syariah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ**  
**(SUNGAI SIPUT)**

**TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat bercadang mengumumkan harga lantai yang didasarkan kepada berat barangan dan jarak perjalanan lori untuk mengatasi masalah persaingan antara syarikat pengangkutan yang membawa kepada masalah "*overloading*" (lebih muatan) yang menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada masa ini, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) belum bercadang untuk mengenakan harga lantai yang didasarkan kepada berat barangan dan jarak perjalanan lori untuk mengatasi masalah masalah lebihan muatan atau *overloading*.
2. Hal ini kerana dasar sedia ada menggalakkan persaingan di antara operator lori di dalam memberikan perkhidmatan yang efisien dan kos efektif kepada pengguna.
3. Pada masa yang sama, SPAD dari semasa ke semasa menganjurkan sesi taklimat berkaitan kod amalan industri (*ICOP SHE*) kepada operator-operator yang berlesen dengan SPAD sebagai pendekatan dalam menjadikan amalan keselamatan sebagai keutamaan pengendali, mementingkan nilai-nilai moral sekaligus menjadikan amalan keselamatan sebagai budaya dan norma industri.
4. SPAD juga bersama-sama agensi penguatkuasaan yang lain seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa menjalankan operasi bersepadu dalam menangani isu-isu berkaitan kenderaan barangan seperti *overloading* ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : **BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [KINABATANGAN]**

**TARIKH** : **07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN** : **79**

**Dato' Sri Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah pihak kerajaan akan mempertimbangkan untuk pihak Malaysia Airport Holdings Berhad menyediakan peralatan pemeriksaan badan yang lebih canggih berbanding yang sedia ada di pintu-pintu masuk balai pelepasan di lapangan terbang dalam negara. Kini terdapat banyak peralatan canggih terdapat di pasaran yang sememangnya mampu untuk mengesan barang-barang larangan yang dibawa oleh penumpang berbanding pemeriksaan manual secara "meraba-raba" yang sedang dipraktikkan yang ternyata kurang menyenangkan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang yang melibatkan sentuhan fizikal adalah merupakan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di dalam Artikel 37, Chicago Convention 1944, *Annex 17 (9<sup>th</sup> Edition) "Security-Safeguarding International Civil Aviation Against Acts of Unlawful Interference"*, *Aviation Security Manual Doc 8973 9<sup>TH</sup> Edition 2014*), Akta Penerbangan Awam 1969, Peraturan-Peraturan Penerbangan Awam 2016 dan *National Civil Aviation Security Programme (NCASP)* pada item 7.1.4.2 *Screening Of Passenger*.

***"all persons (i.e. passengers, staff, law enforcement officers and etc) who cause the Walk-through metal detectors (WTMD) equipment to alarm are to be further searched by hand to discover the cause of the alarm, in which case Hand-Held-Metal-Detection (HHMD) equipment may be used to assist in identifying the cause, but the use of HHMD equipment shall not preclude a full body search"***.

Dalam hubungan ini, walaupun *Walk-through metal detectors (WTMD)* digunakan, pemeriksaan manual masih lagi perlu dijalankan secara rawak ke atas penumpang. Ini kerana penggunaan *security equipment* seperti *Walk-through metal detectors* dan *hand-held metal detectors (HHMD)* masih lagi mempunyai kelemahan seperti tidak dapat mengesan senjata tajam merbahaya seperti pisau seramik dan sebagainya. Bagi kes penyeludupan dadah, penggunaan *manual search* atau *body frisking* adalah lebih sesuai kerana *security equipment* tersebut tidak dapat mengesan barang-barang seperti dadah.

Tindakan sentuhan fizikal kepada penumpang adalah dilakukan secara profesional oleh anggota terlatih bagi mengelakkan sebarang ketidakselesaan penumpang.

**NO. SOALAN: 80**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10039**

**SOALAN :**

**Datuk Sapawi Bin Ahmad Wasali [Sipitang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh mana seriusnya kehilangan pasport Malaysia dalam kalangan rakyat negara ini, apakah punca ia berlaku dan apakah langkah-langkah diambil untuk menangani masalah ini daripada terus berlaku .**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) merupakan dokumen yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang khusus selaras dengan piawaian *International Civil Aviation Organisation (ICAO)*, iaitu maklumat pemilik yang telah *encoded* dalam cip pasport tidak boleh dibuat sebarang pindaan (*write once read many*). Ciri keselamatan ini amat penting bagi memastikan maklumat pemilik sebenar pasport tidak boleh dipinda untuk diguna pakai oleh mereka yang tidak berhak memilikinya.**

**Statistik kehilangan PMA bagi bulan Januari sehingga 30 Jun 2017 adalah sebanyak 35,994. Kerajaan melihat senario ini sebagai suatu yang membimbangkan dan Kerajaan akan memberikan perhatian yang serius antara lainya mengadakan kempen atau sesi kesedaran di kalangan rakyat Malaysia agar lebih prihatin dalam menjaga keselamatan pasport milik masing-masing.**

**Punca berlakunya kehilangan PMA ini antara lainya adalah disebabkan oleh kecuaiian iaitu sebanyak 32,378 laporan diterima manakala selebihnya adalah disebabkan oleh musibah yang di luar kawalan (kecurian, kebakaran, bencana alam) iaitu sebanyak 3,616 laporan diterima.**

**Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini daripada berterusan dan tindakan semasa yang sedang diambil ialah cadangan pengenaan denda atau penalti sebagai kawalan dan pencegahan. Untuk makluman, cadangan ini adalah dalam proses semakan lanjut oleh Jabatan Peguam Negara untuk kelulusan Akta Fi.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO' SRI HASAN ARIFIN**  
**KAWASAN : ROMPIN**  
**TARIKH : 7 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 81**

**SOALAN**

Dato' Sri Hasan Arifin minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah masuk ke dalam negara pada tahun 2017. Adakah Kerajaan bercadang untuk lebih memilih jenis pelaburan yang perlu masuk ke dalam negara untuk diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan kemasukan pelaburan langsung asing yang berkualiti tinggi terus meningkat di Malaysia bagi memenuhi aspirasi untuk menjadi negara maju.

Kerajaan memberi lebih tumpuan kepada pelaburan ke atas projek berkualiti yang mempunyai impak yang signifikan kepada keseluruhan ekonomi. Bagi tempoh Januari hingga April 2017, sejumlah 193 projek perkilangan dengan pelaburan bernilai RM12 bilion telah diluluskan. Pelaburan ini akan menjana sejumlah 13,866 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan tersebut, RM6.7 bilion adalah merupakan pelaburan langsung asing, manakala RM5.3 bilion merupakan pelaburan tempatan.

Bagi memastikan pelaburan yang diterima mempunyai impak positif ke atas ekonomi negara, Kerajaan melalui MITI dan MIDA sentiasa mengamalkan pendekatan berfokus atau dengan izin, *targeted approach* dalam usaha menarik pelaburan di samping memberi penekanan kepada industri-industri berintensif modal dan teknologi serta penglibatan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Selain itu, Kerajaan juga turut menggunakan pendekatan ekosistem atau dengan izin, *ecosystem approach* yang merangkumi penilaian bagi kelulusan pelaburan dengan mengambil kira faktor-faktor seperti nilai ditambah tinggi, berteknologi tinggi dan berintensif pengetahuan serta kemahiran. Pendekatan ekosistem yang bersepadu dan menyeluruh ini dapat membangunkan rantaian nilai kelompok industri yang menetapkan hala tuju dalam menggalakkan aktiviti bernilai tinggi dan membuka peluang kepada aktiviti-aktiviti rantaian hulu dan hiliran.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), tumpuan diberikan kepada tiga subsektor pemangkin yang telah dikenal pasti iaitu kimia, elektrik dan elektronik (E&E) serta mesin dan peralatan (M&E) selain dari dua subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu peranti perubatan dan aeroangkasa. Subsektor ini mempunyai hubungan secara langsung dengan sektor perkilangan yang lain dan berpotensi untuk memacu daya saing pembangunan sektor perkilangan di Malaysia secara keseluruhannya.

Kerajaan akan terus komited dalam usaha mengekalkan Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang menarik, mesra pelabur dan berdaya saing, di samping memastikan pelaburan yang diterima adalah yang berkualiti tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN [KOTA BHARU]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah hasil siasatan yang telah diperolehi oleh Pasukan Petugas Khas yang ditubuhkan oleh Kerajaan berhubung urusan niaga mata wang asing yang mengakibatkan kerugian besar kepada Bank Negara Malaysia (BNM) suatu masa lalu.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas (PPK) yang ditubuhkan bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar 1980-an dan 1990-an mendapati wujudnya kes *prima facie*. PPK telah mencadangkan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) bagi membuat siasatan terperinci yang lebih menyeluruh berdasarkan lunas-lunas perundangan dan dilindungi (*immunity*) di bawah Akta 119.

Penubuhan RCI ini juga adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan awam di mana kerugian sebenar BNM akibat urus niaga mata wang asing melibatkan rizab Negara dapat dipastikan. Ini ialah kerana siasatan awal PPK mendapati jumlah kerugian adalah lebih besar daripada apa yang telah dilaporkan kepada Jemaah Menteri dan Parlimen.

Kerajaan bersetuju dengan syor PPK bahawa terdapat keperluan menubuhkan RCI bagi membolehkan siasatan mengenai kerugian BNM pada ketika itu. Penubuhan RCI ini seterusnya diharap mampu merungkaikan isu ini yang membelenggu Negara sejak 23 tahun lalu.

Sekian, terima kasih.

**SULIT**

**NO. SOALAN: 83**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. MUHAMMAD LEO  
MICHAEL TOYAD ABDULLAH [MUKAH]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10040**

**SOALAN:**

**Dato' Seri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah kawalan Kementerian bagi menghalang aktiviti mengeksport, mengimport dan mencegah pengedaran dadah jenis sintetik yang mengandungi bahan psikoaktif tinggi sehingga boleh mengakibatkan kematian.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) memandang serius masalah pengedaran dan penyeludupan dadah dan sentiasa berusaha membanteras serta mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan bagi mengesan, menangkap serta mengambil tindakan undang-undang ke atas individu atau sindiket pengedaran dadah melalui strategi berikut :

- a) mengadakan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama;
- b) mempergiat tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin* serta sindiket pengedaran dadah berskala besar;
- c) mempergiat pengumpulan risikan melalui Unit Risikan Sempadan di Jitra, Kedah, Rantau Panjang, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak;
- d) memperkasa penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK);

**SULIT**

## **SULIT**

- e) mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah;**
- f) melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucuthakan Harta) 1988; dan**
- g) mengadakan kerjasama dengan Kementerian atau agensi-agensi lain untuk memantau kemasukan bahan-bahan atau "*precursor*" yang digunakan untuk menghasilkan dadah jenis sintetik.**

**SOALAN NO. 84**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA, DEWAN RAKYAT**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff  
[ Rantau Panjang ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh mana kejayaan Kementerian dalam menangani masalah sosial di seluruh negara serta penyelesaiannya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) prihatin terhadap masalah sosial yang berlaku di seluruh negara. Isu sosial di Malaysia sangat luas dan memerlukan kerjasama bersepadu semua pihak termasuk agensi-agensi kerajaan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan, ahli akademik dan setiap anggota masyarakat bagi memastikan sesuatu masalah sosial itu dapat dibendung. Memandangkan masalah sosial adalah satu isu yang subjektif, maka jawapan kepada soalan ini akan menumpukan kepada isu sosial di bawah kumpulan sasar Kementerian.

Dasar-dasar dan pelan tindakan yang memfokuskan kepada kumpulan sasar Kementerian seperti Dasar Wanita, Dasar Kanak-kanak, Dasar Perlindungan Kanak-kanak, Dasar Warga Emas, Dasar Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial Kebangsaan dan Dasar Orang Kurang

Upaya khususnya yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian serta Dasar Sosial Negara sebagai dasar payung telah dirangka dalam memastikan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Perancangan strategi yang melibatkan konvensyen antarabangsa, dasar, akta dan program ini berupaya menyelesaikan masalah sosial daripada aspek pencegahan, program intervensi, sistem sokongan dan juga kajian. Masalah penderaan kanak-kanak sebagai contoh merupakan isu yang dipandang serius oleh Kementerian. Merujuk kepada statistik Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), sebanyak 4,652 kes penderaan telah dilaporkan pada tahun 2015 dan 2016 meliputi 53.09 peratus (2,470 kes) kes penderaan fizikal, 43.25 peratus (2,012 kes) kes penderaan seksual dan 3.65 peratus (170 kes) kes penderaan emosi.

KPWKM telah mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan beberapa inisiatif dari segi penambahbaikan terhadap perundangan dan menyediakan perkhidmatan sokongan. Inisiatif ini dibuktikan dengan pindaan Akta Kanak-Kanak 2001 kepada Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 yang telah diwartakan pada 25 Julai 2016. Kerajaan Malaysia turut menandatangani Konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak bagi

memastikan kesejahteraan kanak-kanak. Selain itu, penubuhan Pusat Aktiviti Kanak-Kanak, Rumah Kanak-kanak, perkhidmatan kaunseling serta Talian Kasih 15999 juga merupakan usaha Kementerian bagi membantu kanak-kanak teraniaya mendapatkan perkhidmatan sokongan dalam memastikan kanak-kanak ini dapat meneruskan hidup dalam persekitaran terbaik dan sejahtera.

Program-program advokasi turut dilaksanakan secara berterusan seperti Kempen Keselamatan Kanak-Kanak Di Sekolah - Sahabat B.I.J.A.K, Kursus Pra perkahwinan SMARTSTART, Program Keluarga@Kerja (Parenting@Work), Kursus Ilmu Keluarga@LPPKN dan Program PEKERTI@Sekolah.

Tuan Yang Dipertua,

Adalah menjadi harapan dan sasaran Kementerian dalam memastikan isu-isu sosial dapat dikurangkan dan dibendung. Pindaan terhadap akta-akta berkaitan merupakan salah satu cara dalam melindungi mangsa-mangsa teraniaya yang kebanyakannya adalah kumpulan sasar di bawah Kementerian. KPWKM akan mengkaji dan menambah baik dasar

Kementerian secara berperingkat bagi memastikan semua dokumen-dokumen dasar ini kekal relevan dalam usaha menangani isu-isu kebajikan dan sosial.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TAIPING]**

**TARIKH : 07.08.2017**

**SOALAN : 91**

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) berapakah peruntukan tahunan Kerajaan kepada SPRM dari 2009 hingga 2017 dan berapakah jumlah bilangan kakitangan yang ada bersama SPRM; dan
- (b) adakah Kerajaan mempunyai rancangan merombak struktur SPRM supaya ia menjadi satu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang BEBAS.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Jawapan (a)

Jumlah peruntukan tahunan Kerajaan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari tahun 2009 hingga 2017 adalah sebanyak RM2,079,104,500.00.

Terdapat 2 kategori kakitangan SPRM iaitu pegawai Suruhanjaya yang mempunyai kuasa di bawah Akta SPRM 2009 dan Staf Gunasama iaitu kakitangan yang menjalankan tugas-tugas pentadbiran. Sehingga 1 Julai 2017, jumlah pengisian jawatan pegawai Suruhanjaya adalah seramai 1,802 orang manakala jumlah pengisian jawatan staf gunasama adalah seramai 788 orang. Pada masa ini pengisian jawatan SPRM adalah tertakluk kepada dasar Pelaksanaan Inisiatif Sumber Manusia Secara Optimum dan perlu mendapat pertimbangan kelulusan Kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan.

## Jawapan (b)

SPRM adalah sebuah entiti bebas yang tidak tertakluk atau boleh dipengaruhi mana-mana pihak. Fungsi, tanggungjawab dan kuasa SPRM adalah jelas sebagaimana peruntukan undang-undang di bawah Akta SPRM 2009. Akta tersebut juga memperuntukkan secara khusus tanggungjawab dan mekanisme *check and balance* di bawah seksyen 13, 14 dan 15 untuk memastikan kebebasan dan keberkesanan penunaian fungsi SPRM melalui peranan Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah dan Jawatankuasa Aduan. Bagi mengukuhkan lagi kerangka *check and balance* itu, ditambahkan dua lagi entiti iaitu Panel Penilaian Operasi serta Panel Perundingan Dan Pencegahan Rasuah yang diwujudkan secara pentadbiran untuk turut memastikan kebebasan dan keberkesanan penunaian fungsi SPRM.

Yang Berhormat, komitmen Kerajaan untuk memastikan kebebasan SPRM, bukan sahaja kepada rakyat negara ini, malahan kepada masyarakat antarabangsa. Sebagai negara yang telah meratifikasi perjanjian *United Nations Convention Against Corruption* (UNCAC) pada tahun 2018, Malaysia sekaligus bertanggungjawab mematuhi obligasi Artikel 6 perjanjian tersebut, untuk mewujudkan sebuah entiti pencegahan rasuah yang berkesan dan bebas daripada apa-apa pengaruh tidak wajar. Prinsip keberkesanan dan kebebasan itu adalah selaras dengan ciri-ciri yang digariskan dalam *Jakarta Statement on Principle of Anti-Corruption Agencies* yang disepakati oleh *International Association of Anti-Corruption Agencies* (IAACA) yang diwujudkan untuk mempromosikan pematuhan berkesan terhadap UNCAC. Malaysia pada dasarnya mematuhi prinsip-prinsip

yang digariskan, kecuali penambahbaikan mekanisme pelantikan dan penamatan tugas bagi jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM supaya diletakkan di bawah Perlembagaan Persekutuan serta mewujudkan kapasiti untuk SPRM melantik dan menamatkan perkhidmatan pegawai Suruhanjaya ini. Memorandum yang mencadangkan supaya pelantikan dan penamatan tugas bagi jawatan Ketua Pesuruhjaya SPRM dibuat di bawah Perlembagaan Persekutuan dan supaya diwujudkan sebuah suruhanjaya perkhidmatan khusus bagi melantik dan menamatkan perkhidmatan pegawai Suruhanjaya SPRM telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dalam mesyuarat pada 1 Oktober 2014, namun cadangan tersebut masih memerlukan sokongan majoriti daripada 2/3 Ahli-ahli Parlimen.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]**

**DARIPADA : YB DATO' DR. TAN KEE KWONG  
[WANGSA MAJU]**

**SOALAN :-**

**YB Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah terdapat jangka hayat bagi penggunaan lif bagi mana mana perumahan yang dibina.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian yang dilaksanakan dalam kalangan pihak pengeluar lif dan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP), setakat ini tidak ada satu penetapan yang khusus dikeluarkan oleh pihak pengeluar lif mahupun dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) berkaitan tempoh hayat sesebuah lif. Ianya bergantung kepada tahap penggunaan, keselamatan dan kekerapan penyelenggaraan terhadap sesebuah lif tersebut.

Walau bagaimanapun pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) ada mengeluarkan Garis Panduan Piawaian JKR Bagi Jangka Hayat Aset Infrastruktur dan Aset Kejuruteraan melalui Surat Arahan KPKR Bil. 1/2013 bertarikh 10 Januari 2013.

Dokumen tersebut menyatakan tempoh jangka hayat berguna bagi sesebuah lif adalah selama 15 tahun. Jangka hayat berguna bermaksud

jangkaan tempoh sesuatu aset berfungsi dalam memberi tahap perkhidmatan/prestasi yang ditetapkan oleh sesuatu organisasi.

Piawaian ini juga adalah terpakai kepada semua Kementerian/ jabatan/ Agensi Kerajaan Persekutuan, Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan dan Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada penerimaan dan pengubahsuaian sewajarnya oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**  
**PARLIMEN YANG KE-13**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA  
(PARIT BUNTAR)**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**NO. SOALAN : 87**

**SOALAN : Minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan Kerajaan membendung fahaman sempit agama yang menimbulkan kebencian antara kaum dan berbagai agama di negara ini.**

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Malaysia adalah sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berbilang kaum, agama dan budaya yang mana perpaduan merupakan agenda utama yang perlu terus diperkukuhkan. Tidak dinafikan bahawa perbezaan pandangan dari segi etnik, agama dan budaya serta bahasa boleh mencetuskan prasangka, perselisihan dan persengketaan. Oleh kerana perbezaan anutan agama, maka isu-isu agama cenderung menjadi sensitif dan mencetuskan perasaan serta sentimen perkauman yang kuat.

Bagi meningkatkan persefahaman dan keharmonian serta membendung fahaman sempit agama dalam kalangan penganut-penganut pelbagai agama di negara ini, Kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) telah melaksanakan pelbagai langkah seperti berikut :

- 1) **Menubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA)** yang menunjukkan keikhlasan kerajaan dalam usaha ke arah mempromosikan keharmonian dan persefahaman antara rakyat Malaysia yang terdiri dari penganut pelbagai agama memandangkan agama mudah dimanipulasikan sehingga menjadi isu sensitif dan membawa kepada konflik antara kaum. Justeru, JKMPKA diwujudkan bagi meningkatkan kefahaman terhadap pelbagai agama, membincangkan isu-isu yang boleh menggugat keharmonian agama dan ketenteraman masyarakat, menyelesaikan sengketa dan menyebarkan mesej-mesej keharmonian. JKMPKA juga mencadangkan dasar-dasar kerajaan yang berteraskan nilai agama serta melaksanakan aktiviti kemasyarakatan bersama-sama pihak kerajaan.
  
- 2) Satu **Pelan Strategik** telah digubal oleh JKMPKA yang menggariskan mengenai **pengurusan isu dan penganjuran program** yang merangkumi pelbagai kaedah pelaksanaan seperti dialog, forum, seminar, bengkel, kem serta sambutan hari kebesaran pelbagai agama melibatkan penyertaan pelbagai kaum dan agama.

- 3) **Badan-badan bukan kerajaan (NGOs) dan pemimpin-pemimpin agama melalui platform JKMPKA juga mengambil inisiatif sendiri untuk menganjurkan dan menyertai pelbagai forum, sesi perbincangan, dialog keagamaan dan kegiatan bersama atas galakan dan bantuan JPNIN.** Pada tahun 2016, JKMPKA dengan kerjasama JPNIN dan pelbagai badan bukan kerajaan (NGOs) serta lain-lain agensi kerajaan telah melaksanakan 18 program dengan melibatkan seramai 8,200 orang masyarakat pelbagai agama dan kaum di Malaysia.
  
- 4) JPNIN dengan kerjasama JKMPKA juga telah menganjurkan **program di peringkat Kebangsaan seperti Sambutan Minggu Keharmonian antara Penganut Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week – WIHW*) dan Hari Toleransi Sedunia (*International Day for Tolerance*)** di mana kedua-dua sambutan ini telah diisytiharkan oleh Pertubuhan Badan-Badan Bersatu (PBB) bagi menggalakkan persefahaman dan dialog antara agama serta memupuk dan mendidik masyarakat umum ke arah toleransi, keharmonian dan keamanan sejagat.
  
- 5) Penganjuran program-program ini menunjukkan bahawa:
  - i) Agama bukanlah penghalang dalam usaha mewujudkan kesepaduan sosial dalam kalangan masyarakat Malaysia pelbagai kaum dan agama.
  - ii) Ianya juga memupuk kesedaran dan meningkatkan penghayatan Prinsip Pertama Rukun Negara iaitu

“Kepercayaan Kepada Tuhan” yang menjadi panduan dan pedoman hidup bermasyarakat pelbagai kaum dan agama di Malaysia. Prinsip ini menekankan kepada pegangan terhadap nilai-nilai murni dalam ajaran agama masing-masing dan seterusnya mencorak kehidupan yang harmoni dan sejahtera.

- iii) Penyertaan peserta pelbagai kaum dan agama dalam program-program ini telah menyuburkan lagi perasaan muhibah dan mengembangkan sikap serta menolak sebarang sikap ekstrem yang cenderung terhadap penghinaan kepada agama lain.
6. Pembangunan Pelan Strategik Wasatiyyah 2016 – 2020 juga merupakan satu anjakan paradigma ke arah budaya kerja yang lebih positif yang telah meletakkan **Pendekatan Wasatiyyah sebagai** dasar negara yang akan dipraktikkan dalam setiap faktor pentadbiran negara supaya dapat menyemai sikap kesederhanaan dan membendung fahaman sempit agama serta menjauhi dari kegiatan ekstremisme.

Namun, usaha Kerajaan sahaja tidak mencukupi malah semua pemimpin politik dan masyarakat harus berusaha supaya mengelakkan kecenderungan untuk mempolitik dan mempolarisasikan isu-isu berkaitan agama dan etnik yang mana ianya boleh menimbulkan kebencian antara kaum dan penganut pelbagai agama di negara ini. Kesanggupan kerajaan yang bersedia mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menjejaskan kesensitifan dan keamanan negara ini membuktikan bahawa kerajaan benar-benar serius dalam membendung sebarang prejudis dan

sikap *ethnocentrism* dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh

Bahagian Hal Ehwal Agama  
Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Jabatan Perdana Menteri

**NO SOALAN : 88**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 07.08.17  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pengesahan bilakah Jawatan Panglima Angkatan Bersama, Naib Canselor UPNM dan Ketua Pengarah JHEV disandang oleh Pegawai TLDM pula.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Syarat-syarat perlantikan pegawai kanan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi mengisi sesuatu perjawatan khususnya Tiga Khidmat adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip berikut:

- a. Pertama ***Balance Posture*** (diwakili oleh ketiga-tiga perkhidmatan Tentera Darat, Tentera Laut DiRaja Malaysia dan Tentera Udara DiRaja Malaysia) secara *proportionate*. Namun pelaksanaannya tertakluk kepada keadaan berdasarkan keperluan perkhidmatan.
  
- b. Prinsip kedua ***Best Man For The Job*** (kesesuaian jawatan hendaklah oleh pegawai yang paling sesuai). Ini termasuklah kelayakan yang diperlukan, pengalaman dan kemampuan menjalankan tugas.

Kementerian Pertahanan mengimplimentasikan panduan prinsip-prinsip ini bagi menentukan keharmonian pengurusan organisasi dan dalam masa yang sama berusaha untuk

mengoptimumkan kemampuan pelaksanaan tugas operasi bagi setiap jawatan dalam ATM.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG LING BIU**  
**[SARIKEI]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 [ISNIN]**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bahawa apakah punca-punca telah menyebabkan harga lada menurun kebelakangan ini. Apakah langkah-langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menolong penanam-penanam lada.**

## **JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2016, purata harga lada hitam dan lada putih masing-masing adalah di paras RM26,400 dan RM43,114 se tan, penurunan 7.1% dan 1.5% berbanding RM28,031 dan RM43,784 se tan pada tahun 2015. Bagi tempoh Januari hingga Jun 2017, purata harga lada hitam adalah di paras RM19,586 se tan manakala purata harga lada putih berada di paras RM32,082 se tan.

*Trend* penurunan harga lada ini berlaku adalah disebabkan oleh sentimen pasaran lada dunia yang berpunca daripada peningkatan pengeluaran khususnya di negara Vietnam yang menyebabkan harga lada merudum. Bagi mengukuhkan harga lada, Kerajaan melalui Lembaga Lada Malaysia (MPB) telah melaksanakan beberapa program seperti berikut:

- i) Meningkatkan penggunaan lada dalam negara melalui penghasilan produk-produk baharu berasaskan lada seperti *garlic pepper*, *black pepper marinate*, sos lada hitam, biskut perisa lada dan sebagainya dijangka dapat menggalakkan lagi penggunaan lada di Malaysia;
- ii) Pengeluaran Lada Premium Peringkat Ladang seperti Lada Putih Krim (LPK) dan Lada Berkualiti Eksport (LBE) bagi mendapat pulangan yang lebih baik;
- iii) Menjual terus ke pasaran istimewa (*niche market*) seperti Lada Steril (*Mikrokleen*) dan serbuk lada untuk pasaran tertentu yang mementingkan keselamatan dan kualiti makanan serta produk istimewa peringkat ladang seperti Lada Putih Krim (LPK);
- iv) Peningkatan R&D dalam industri lada melalui pelbagai produk baru yang berasaskan lada seperti sos lada hitam, minyak wangi lada,

*smoke flavoured seasoning, garlic pepper sauce, black pepper marinade cube* dan sebagainya akan terus dibangunkan; dan

- v) Kerjasama dengan negara-negara pengeluar melalui *International Pepper Community* (IPC) dalam menerokai pasaran baru supaya dapat meningkatkan permintaan terhadap lada pada keseluruhannya.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian menyedari hakikat bahawa harga komoditi di pasaran dunia adalah berdasarkan kepada faktor permintaan dan penawaran. Apabila harga menurun, sudah pasti ia akan menjejaskan pendapatan pekebun. Dalam hal ini, MPB telah melaksanakan Skim Sijil Penyimpanan dan Pemilikan Lada (SPPL) bermula pada tahun 1991. Melalui SPPL, pekebun mempunyai opsyen untuk menyimpan lada dengan MPB apabila harga lada jatuh di pasaran. MPB membantu pekebun-pekebun lada dengan menawarkan gudang MPB bagi tujuan penyimpanan lada dan menjualnya apabila harga kembali pulih.

Selain itu, Kementerian sedang dalam tindakan untuk mengenal pasti mekanisme terbaik untuk melaksanakan jaringan keselamatan (*Social Safety Net*) kepada pekebun kecil lada. Satu dana bantuan pekebun kecil bagi komoditi lada akan diwujudkan bagi melaksanakan cadangan *Social Safety Net* ini. Cadangan ini akan di bawa untuk kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat ini.

Kerajaan melalui MPB juga akan terus komited dalam membantu pekebun kecil dengan menyalurkan bantuan dan subsidi sedia ada melalui Program Pembangunan Kawasan Penanaman Lada 2017 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATO MAHFUZ OMAR**  
**[ POKOK SENA ]**  
**TARIKH : 7 OGOS 2017 ( ISNIN )**

**Dato' Mahfuz Omar [ POKOK SENA ] meminta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah punca kemelut dalam Felda Global Ventures (FGV) sehingga menyebabkan Tan Sri Isa Samad meletak jawatan sebagai Pengerusi FGV dan apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kerajaan untuk mengembalikan kerugian yang dialami oleh pelabur-pelabur khususnya pihak peneroka yang membeli saham FGV semenjak ianya disenaraikan di Bursa Malaysia; dan**
- (b) apakah keuntungan membeli 30% saham PT Eagle Indonesia yang diperolehi Felda Global Ventures (FGV).**

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**

**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlu dijelaskan di sini bahawa perletakan jawatan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad dari jawatan Pengerusi FGV adalah atas urusan peribadi beliau dan bukannya disebabkan kemelut yang melanda FGV.

Perkembangan semasa isu FGV adalah bersifat sementara dan proses siasatan terhadap empat pengurusan kanan FGV adalah proses biasa yang dilakukan oleh mana-mana syarikat jika terdapat perkara-perkara yang meragukan. Ketika ini proses siasatan dalaman FGV masih berlangsung dan syarikat berkenaan akan membuat kenyataan umum jika terdapat sebarang perkembangan terbaharu.

Menjawab pertanyaan mengenai kerugian peneroka yang memiliki saham FGV, dalam membantu meringankan beban peneroka, pada 1 Oktober 2012 FELDA telah menebus jumlah saham yang dipegang oleh peneroka sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka pada harga kos RM3,560 dan tidak termasuk fi serta cas-cas perkhidmatan bank yang lain untuk setiap peneroka. Melalui penebusan ini, peneroka diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah dengan kadar pembayaran balik serendah RM50 sahaja

sebulan untuk selama 76 bulan (6 tahun dan 4 bulan). Peneroka juga dibenarkan membuat jualan dan berhak untuk mendapat dividen yang diisytiharkan oleh FGV. Terkini, Kerajaan telah mengumumkan enam insentif kepada peneroka sempena Hari Peneroka pada 24 Julai 2017, antaranya adalah Kerajaan mengumumkan pelupusan sebahagian baki pinjaman saham FGV dengan kadar ringgit ke ringgit. Bagi peneroka yang telah habis membayar pinjaman pula, ganjaran tunai RM1,820 diberikan.

Justeru, sudah tidak menjadi sebarang isu saham FGV memberi beban kepada Peneroka lagi malahan mereka akan terus menerima dividen yang diisytiharkan oleh FGV setiap tahun. Jumlah pemberian dividen yang telah diterima oleh peneroka FELDA yang memegang saham FGV sebanyak 800 unit bagi setiap peneroka sehingga kini adalah sebanyak RM360.00. Selain itu, FELDA juga telah mengagihkan pendapatan dividen FGV yang diterima melalui pegangan 20% saham FGV kepada peneroka yang layak. Jumlah keseluruhan pemberian dividen berkenaan sehingga kini adalah sebanyak RM 254,505,236.86.

Berkenaan dengan keuntungan yang diperolehi FGV apabila membeli saham PT Eagle High, FGV telah mengeluarkan kenyataan kepada Bursa Malaysia dan Media pada Disember 2016 bahawa syarikat telah membatalkan cadangan pembelian berkenaan.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG  
(KLUANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. TUAN LIEW CHIN TONG [ KLUANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) senarai nama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) Malaysia dan jumlah pelaburan mereka dalam pembelian tanah dan hartanah dalam Tun Razak Exchange; dan

(b) senarai nama pembeli-pembeli bon-bon 1Malaysia Development Bhd yang bernilai US\$3.5 billion serta jumlah pembelian setiap pembeli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Senarai pembeli/pelabur GLIC di TRX adalah seperti berikut:

- i. Lembaga Tabung Haji – jualan tanah kediaman; dan
- ii. Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan (“MKD”) – jualan tanah komersial;

Tuan Yang Dipertua,

Setiap Perjanjian Jual Beli adalah tertakluk kepada klausa sulit (*confidentiality clause*, dengan izin) untuk menghormati pertimbangan komersial (*comercial consideration*, dengan izin) pembeli/ penjual. Beberapa transaksi penjualan tanah juga mempunyai terma-terma utama yang berbeza (*key terms*, dengan izin) untuk mencerminkan perbezaan bagi setiap jualan (*nature of each sale*, dengan izin). Namun demikian, terma-terma utama yang diguna pakai secara amnya konsisten dengan apa yang biasanya terdapat di pasaran bagi jenis urus niaga yang sama.

Setakat ini, kira-kira 70 peratus daripada plot yang tersedia di tapak projek Tun Razak Exchange (TRX) telah dikomersialkan. Secara keseluruhan, jumlah jualan telah mencapai lebih RM4 bilion.

Tuan Yang Dipertua,

Dua bon yang berjumlah AS\$3.5 bilion telah diterbitkan oleh 1MDB Energy Limited dan 1MDB Energy (Langat) Limited. Kedua-dua bon tersebut telah dibeli sepenuhnya oleh Bank Goldman Sachs, sebagai penaja jamin (*underwriter*, dengan izin), yang kemudiannya telah menjual bon tersebut kepada pelabur.

**SULIT**

**NO. SOALAN: 92**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN N. SURENDRAN A/L K. NAGARAJAN  
[PADANG SERAI]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10041**

**SOALAN:**

**Tuan N. Surendran A/L K. Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan mengambil tanggungjawab bagi merebaknya penyakit Tuberculosis (TB) kepada Pegawai Penjara dan sama ada mereka akan diberikan ganti rugi oleh Kerajaan.**

**SULIT**

**SULIT**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Jabatan Penjara Malaysia sentiasa memberikan perhatian dan tindakan yang serius terhadap isu penyakit berjangkit seperti tuberculosis samada ia melibatkan penghuni ataupun pegawai penjara. Langkah saringan, kawalan, pencegahan dan rawatan secara berterusan giat dilakukan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia.**

**Oleh itu, bagi mengawal jangkitan tuberculosis ini, beberapa tindakan telah diambil oleh Jabatan Penjara, antaranya:**

- i. melaksanakan saringan *symptomatic* terhadap semua banduan yang baru masuk ke penjara dan ini dilaksanakan berdasarkan 'Garis Panduan Saringan Tuberculosis' (edisi tahun 2006). Kementerian Kesihatan Malaysia juga dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara kini dalam proses mengemaskini garis panduan ini di mana saringan *symptomatic* tuberculosis akan dipanjangkan juga kepada pegawai penjara;**
- ii. menyediakan rawatan lanjut secara berkala kepada banduan dan pegawai penjara yang telah disahkan menghidap tuberculosis;**
- iii. memastikan banduan yang menghidapi tuberculosis diasingkan daripada banduan lain;**

**SULIT**

## **SULIT**

- iv. pegawai penjara yang menghidap tuberculosis akan menjalani rawatan susulan sehingga sembuh sepertimana prosedur yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia;**
- v. Bagi memperkemaskan lagi pencegahan dan kawalan tuberculosis pada banduan dan kakitangan, Jabatan Penjara juga telah melaksanakan beberapa langkah selaras dengan garis panduan berkaitan penyakit berjangkit yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti:**
  - a. memastikan penggunaan *mask* bagi banduan yang dijangkiti tuberculosis dan kakitangan yang mengendalikan banduan berkenaan; dan**
  - b. melaksanakan pendidikan kesihatan serta kaedah kawalan dan pencegahan jangkitan tuberculosis kepada kakitangan dan menggalakkan mereka menjalani pemeriksaan kesihatan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]

DARIPADA : YB TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID BIN  
IBRAHIM  
[BANDAR TUN RAZAK]

**SOALAN :-**

**YB Tan Sri Dato' Seri Abd Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan hasil sebarang kajian komprehensif dan bersepadu dalam pembentukan dasar pengurusan dan pelupusan sisa pepejal termasuk analisa kos faedah bagi pelbagai metod pelupusan terutama tapak pelupusan dan insinerator.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini telah menerbitkan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan (2005-2020). Pelan strategik tersebut telah menetapkan keperluan sebenar negara terhadap pembangunan fasiliti pengurusan sisa pepejal sehingga tahun 2020. Melalui pelan tersebut, pembangunan tapak pelupusan sisa pepejal sanitari *regional*, stesen pemindahan sisa pepejal dan loji rawatan sisa pepejal diberikan keutamaan kerana keberkesanannya telah terbukti dalam menguruskan sisa pepejal dengan kos yang efektif.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan loji insinerator adalah amat diperlukan terutamanya bagi bandar-bandar besar yang menjana sisa pepejal melebihi 1,000 tan sehari. Walaupun pembinaan loji insinerator memerlukan kos pembinaan (sekitar RM600 juta hingga RM1 billion bagi loji dengan kapasiti 1,000 tan) dan operasi yang tinggi jika dibandingkan dengan kos pembinaan dan operasi sebuah tapak pelupusan, tetapi pembinaan loji insinerator akan memberikan faedah jangka masa panjang

kepada negara di mana keperluan untuk mendapatkan tanah, pencemaran kepada tanah serta pelepasan gas rumah hijau dapat dikurangkan dengan ketara. Selain itu, kos operasi loji insinerator dapat dikurangkan sekiranya pihak Kerajaan membina loji insinerator dengan kapasiti yang besar (1,000 tan ke atas) dan membekalkan sisa pepejal yang kering dengan melaksanakan program rawatan sisa makanan di punca.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian ini melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah memeterai kerjasama dengan Kerajaan Jepun melalui *Institute for Global Environmental Strategies – Ministry of the Environment, Japan* (IGES-MOEJ) untuk membangunkan sebuah garis panduan dalam pemilihan teknologi pengurusan sisa pepejal termasuk faedah kos bagi setiap teknologi yang dicadangkan. Kajian ini yang dijangka siap pada tahun 2019 akan menjadi panduan utama Kerajaan dalam menentukan hala tuju pembinaan fasiliti pengurusan sisa pepejal di negara ini dan akan turut digunakan oleh negara-negara di rantau Asia Tenggara.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN ZAIRIL KHIR  
JOHARI [BUKIT BENDERA]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta PERDANA MENTERI menyatakan kewajaran keputusan Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa sempadan pilihan raya sedia ada di Pulau Pinang tidak mempunyai isu ketidakpatuhan kepada Jadual ke-13 dan maka tidak perlu dirubah. Siapakah yang bertanggungjawab untuk membuat keputusan tersebut.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan kepada peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:

- (a) Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- (b) Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- (c) Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran

perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan

(d) Memelihara hubungan tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, urusan Kajian Semula Persempadanan Bagi Negeri Pulau Pinang kini sedang dilaksanakan melalui unit kajian Negeri-Negeri Tanah Melayu. Laporan Akhir Syor Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu akan dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri untuk dibentangkan di Dewan Rakyat bagi tujuan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS**  
**[TELUK KEMANG]**  
**TARIKH : 7 OGOS 2017**  
**SOALAN : 95**

**YB Dato' Kamarul Baharin Bin Abbas [Telok Kemang]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapa ramai para doktor di klinik-klinik swasta yang telah digantung lesen akibat daripada pengamalan perubatan yang tidak beretika dan cuai sewaktu menjalankan tugas .

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu terdapat sembilan (9) orang pengamal perubatan swasta yang telah digantung pendaftarannya oleh kerana pelanggaran Code of Professional Conduct (CPC). Masing-masing satu (1) orang dalam tahun 2014, tiga (3) orang dalam tahun 2015 dan lima (5) orang dalam tahun 2016.

Manakala jumlah pengamal yang dibatalkan pendaftarannya di bawah Akta Perubatan 1971 berjumlah 3 orang dalam tempoh yang sama, iaitu masing-masing satu (1) kes dalam tahun 2014, 2015 dan 2016.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN : 96**

**Dr. Azman bin Ismail [ Kuala Kedah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan projek menaik taraf dan menyelesaikan masalah banjir kilat di jeti Kuala Kedah. Bilakah projek ini akan dimulakan sedangkan kajian mengenainya dikatakan telah lama selesai.**

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kajian Kemungkinan Pembangunan Semula Terminal Penumpang Kuala Kedah dan Kuala Perlis pada Februari 2015 telah dimuktamadkan pada Oktober 2015 dengan kos keseluruhan berjumlah RM5 juta. Fokus utama kajian adalah bagi menganalisa kedua-dua kawasan jeti dari aspek hidraulik, kejuruteraan, sosio-ekonomi, alam sekitar dan reka bentuk pembangunan bagi mendapatkan opsyen-opsyen pembangunan semula yang sesuai. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak merangkumi aspek penyelesaian masalah banjir kilat.

Penilaian ke atas opsyen-opsyen yang disyorkan oleh kajian tersebut mendapati bahawa opsyen terbaik adalah mengekalkan jeti sedia ada sepertimana hasrat Kerajaan Negeri Kedah. Justeru, kerja-kerja pergerakan berkala seperti kelazimannya perlu diteruskan.

Dalam pada itu, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) pada 8 Mac 2017 telah meluluskan peruntukan berjumlah RM208.9 juta bagi pelaksanaan projek pembangunan semula Terminal Penumpang Kargo dan *roll-on/roll-off* (RORO) Kuala Kedah, Kedah. Projek ini dijangka mengambil masa 5 tahun untuk disiapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN  
(BANDAR KUCHING)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN [ BANDAR KUCHING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan angka terperinci mengenai sumbangan Sarawak terhadap Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan melalui cukai pendapatan syarikat, cukai pendapatan persendirian, cukai barangan dan perkhidmatan (GST), tarif import dan eksport, dan seterusnya dalam tahun 2015 dan dalam 6 bulan pertama tahun 2016. Apakah peratusan sumbangan Sarawak ini berbanding dengan keseluruhan penerimaan Kumpulan Wang Disatukan pada tempoh yang sama.

**JAWAPAN**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kutipan hasil cukai yang dipungut di negeri Sarawak bagi tahun 2015 dan 2016 adalah

berjumlah RM14.8 billion atau 4.4% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan yang berjumlah RM334.8 bilion bagi tempoh tersebut. Daripada jumlah RM14.8 bilion tersebut, sebanyak RM9.5 bilion adalah daripada kutipan cukai langsung (2.8% daripada jumlah hasil cukai Kerajaan Persekutuan) manakala kutipan cukai tidak langsung adalah sebanyak RM5.3 bilion (1.6%). Manakala bagi kutipan hasil cukai di Sarawak bagi tahun 2017 sehingga Jun adalah sebanyak RM4.5 bilion iaitu 5.8% daripada jumlah hasil cukai yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan.

2. Daripada jumlah kutipan cukai di Sarawak, hasil cukai pendapatan syarikat kekal sebagai penyumbang terbesar iaitu RM5.8 bilion atau 1.7% daripada jumlah keseluruhan hasil cukai dalam Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2015 dan 2016, diikuti dengan cukai pendapatan individu sebanyak RM3.1 bilion (0.9%), cukai barang dan perkhidmatan (GST) sebanyak RM4.2 bilion (1.3%), duti eksport sebanyak RM0.5 bilion (0.1%), dan duti import sebanyak RM0.2 juta (0.06%).

3. Walau bagaimanapun, kutipan cukai langsung dan cukai tidak langsung tersebut tidak menggambarkan hasil sebenar yang dikutip di sesebuah negeri kerana pembayaran cukai bagi aktiviti di

sesebuah negeri boleh dilaksanakan di luar dari negeri berkenaan. Contohnya, terdapat syarikat yang membayar cukai di LHDN Kuala Lumpur kerana mempunyai ibu pejabat di Kuala Lumpur sedangkan aktiviti sebenar syarikat adalah di negeri lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN HAJAH FUZIAH  
BINTI SALLEH [KUANTAN]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah peruntukan khas untuk kawasan Parlimen Kuantan yang di bawah penyeliaan Pegawai Pembangunan Negeri (SDO) dibelanjakan pada tahun 2008-2016. Nyatakan jumlah serta pecahan kategori kegunaan. Nyatakan juga agensi yang mengeluarkan peruntukan tersebut dari SDO.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan sebanyak 858 program/projek bernilai RM3.8 juta di bawah Peruntukan Khas pada tahun 2008 hingga 2016 bagi pelaksanaan di Parlimen Kuantan di bawah penyeliaan Pegawai Kemajuan Negeri. Melalui peruntukan yang disediakan tersebut, pelbagai bentuk aktiviti/program, bantuan kebajikan dan kecemasan, pembekalan peralatan dan kelengkapan dan projek-projek kecil telah dilaksanakan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.

Program/projek yang dilaksanakan merupakan usaha Kerajaan dalam menyediakan kemudahan/infrastruktur asas kepada masyarakat setempat, pelengkap kepada rancangan pembangunan semasa dan bagi meningkatkan serta memantapkan pembangunan sosio-ekonomi di kawasan-kawasan yang berkenaan. Peruntukan Khas ini diurus dan diselaraskan sendiri oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pahang dan dilaksanakan oleh pelbagai agensi seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Pejabat Daerah berdasarkan garis panduan dan peraturan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH  
(SUBANG)**

**TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [ Subang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Pelan Transformasi Teksi yang disediakan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak ada cadangan untuk memansuhkan permit kepada syarikat dan mencadangkan sistem permit hanya kepada pemilik pemandu (*owner driver*) sahaja supaya pemandu-pemandu teksi boleh bersaing secara saksama dengan pemandu Grabcar dan Uber.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sejak penubuhannya pada tahun 2010 sehinggalah tahun 2016, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) tidak mengeluarkan permit teksi yang baru kepada individu mahupun syarikat.
2. Bagi membantu pemandu teksi untuk keluar dari sistem pajak sedia ada, SPAD melalui pelaksanaan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) akan mengeluarkan permit teksi individu yang baru kepada pemandu teksi yang telah tamat tempoh perjanjian pajakan dengan syarikat.
3. Selain itu, pemandu yang layak juga akan diberikan geran sebanyak RM5,000 sebagai pembayaran pendahuluan atau *downpayment* untuk pembelian teksi baru.
4. Pemberian permit teksi individu yang baru ini bukan hanya terhad kepada tahun ini sahaja, malah akan terus dilaksanakan secara berperingkat bagi memberi peluang kepada mereka yang masih belum tamat tempoh pajakan dalam masa terdekat ini. Sehingga kini, seramai 600 orang pemandu teksi telah menerima permit individu di bawah inisiatif TITP ini.
5. Mengenai keperluan kewujudan permit teksi syarikat, ingin dimaklumkan bahawa syarikat yang memiliki permit teksi turut telah menyumbang dan memainkan peranan yang tersendiri dalam industri ini.

6. Sebagai contoh, terdapat sebilangan pemegang permit individu yang tidak mampu untuk mendapatkan kemudahan pinjaman kenderaan melalui institusi kewangan. Ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti usia, rekod kewangan yang tidak memenuhi kehendak institusi kewangan dan sebagainya. Syarikat-syarikat teksi bersedia untuk memberikan kemudahan sewa beli kenderaan yang kita kenali sebagai “sistem pajak”.

7. Di akhir kontrak perjanjian dalam sistem pajak ini, kenderaan tersebut akan menjadi milik pemandu. Ini bermakna, perjanjian dalam sistem pajak ini adalah sama konsepnya seperti perjanjian *hire purchase* kenderaan yang digunakan oleh institusi kewangan.

8. Namun, dalam perjanjian sistem pajak ini, kita dapati bahawa terma-terma yang digunapakai dalam industri pada masa ini adalah berat sebelah dan tidak menjaga kebajikan pemandu. Oleh sebab itulah, antara cadangan pindaan dalam Rang Undang-Undang yang telah diluluskan di Dewan Rakyat baru-baru ini adalah untuk membolehkan SPAD memastikan terma-terma kontrak ini memenuhi standard piawaian minimum yang ditetapkan bagi memberi keadilan kepada kedua-dua pihak iaitu pemandu dan syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 7 OGOS 2017  
[ ISNIN ]  
DARIPADA : YB TUAN HEE LOY SIAN  
[PETALING JAYA SELATAN]

**SOALAN :-**

**YB Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan cara penyelesaian mengatasi masalah kekurangan penempatan perumahan bagi anggota bomba dan penyelamat Petaling Jaya Seksyen 52 dan Jalan Penchala Seksyen 51 di kawasan Parlimen Petaling Jaya Selatan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, anggota bomba di Balai Bomba Petaling Jaya Seksyen 52 dan Balai Bomba Jalan Penchala Seksyen 51 sebelum ini mendiami 23 unit kuarters di Balai Bomba Jalan Penchala, Seksyen 51. Walau bagaimanapun kuarters dan Balai Bomba Jalan Penchala telah dirobohkan keseluruhannya pada tahun 2015 bagi projek menaiktaraf balai, membina pejabat zon yang baharu dan unit rumah kediaman (kuarters).

Projek Pangsapuri Kos Sederhana Untuk Kuarters Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Diatas Lot 53681 Jalan Tenteram Cheras Kuala Lumpur ini yang mempunyai 226 unit rumah kediaman adalah bertujuan untuk mengatasi masalah perumahan bagi anggota bomba di kawasan terlibat. Jarak kuarters adalah lebih kurang 15.5 km dari kedua-dua balai bomba tersebut. Buat masa ini, anggota bomba terlibat menyewa / menghuni kediaman di tempat lain dan akan ditempatkan semula

di Kuarters Bomba Berkelompok di Cheras setelah projek ini selesai dibangunkan. Sehingga kini kemajuan pembinaan projek telah mencapai 88.41% siap dan dijangka akan selesai sepenuhnya pada 12 November 2017.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. ONG KIAN MING  
[SERDANG]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah pemilih di Rang Daftar Pemilih Tambahan (RDPT) Suku 1 hingga Suku 4, Tahun 2016 di negeri Selangor yang telah dibantah dan seterusnya tidak dimasukkan dalam Daftar Pemilih Induk (DPI). Berikan statistik pemilih ini mengikut pengagihan bangsa.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah bantahan yang telah dibuat oleh Pembantah terhadap pendaftaran semasa pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan dari Suku Tahun Pertama hingga Suku Tahun Keempat Tahun 2016 di negeri Selangor adalah sebanyak 9,440 bantahan. Daripada jumlah bantahan tersebut, sebanyak 4,413 bantahan diterima di mana pendaftaran tersebut tidak dimasukkan dalam daftar pemilih selepas sesi Siasatan Awam dilaksanakan. Walau bagaimanapun, SPR tidak menyediakan perincian maklumat sebagaimana yang dinyatakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]**

**TARIKH : 7.8.2017**

**SOALAN :**

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan hasil laporan siasatan jawatankuasa yang ditubuhkan berkenaan isu pengguguran Malaysia daripada kedudukan global Program For International Student (PISA) 2015 dan apakah punca utama Malaysia tidak tersenarai dalam carta tersebut.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan antarabangsa pencapaian *Programme for International Student Assessment* (PISA) 2015 yang diterbitkan oleh pihak *Organisation for Economic Co-operation and Development* (OECD) telah menyatakan bahawa:

(terjemahan) "Di Malaysia, pentaksiran PISA telah dilaksanakan dengan mematuhi standard operasi dan garis panduan yang ditetapkan oleh OECD. Walau bagaimanapun, kadar respon setelah diberi pemberatan dalam kalangan sekolah sampel Malaysia (51%) tidak mencukupi bagi

memenuhi standard kadar respon PISA pada 85%. Oleh itu, keputusan pencapaian PISA Malaysia kurang sesuai dibanding dengan keputusan negara lain mahupun dengan keputusan Malaysia daripada kitaran yang lepas”.

Pihak OECD melalui surat bertarikh 13 Disember 2016 juga telah mengesahkan bahawa data Malaysia adalah sah untuk diguna dan dianalisis, cuma ia kurang sesuai untuk tujuan perbandingan pencapaian antara negara, termasuk menyenaraikan kedudukan antara negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan pencapaian Malaysia kurang sesuai untuk disenaraikan atau dibandingkan dengan negara lain kerana kadar respon minimum sampel sekolah asal yang tidak mencukupi, iaitu hanya mencapai 51% setelah pemberatan berbanding 85% yang ditetapkan.

RJM87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Khalid Bin Abd Samad [ Shah Alam ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kelebihan atau keutamaan dalam lantikan Tan Sri Isa Samad ke jawatan Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan satu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dengan jelas menggariskan bidang kuasanya.

2. SPAD adalah agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan bertanggungjawab pelaksanaan tadbir urus yang baik dipikul bersama oleh kesemua Anggota Suruhanjaya. Pada masa yang sama, sebagai sebuah Suruhanjaya, Kerajaan telah pun memastikan terdapat sistem semak dan imbang (*checks and balances*) di dalam pelaksanaan semua aktiviti dan operasi SPAD. Malah jawatankuasa audit Suruhanjaya serta bahagian undang-undang akan memastikan pihak pengurusan sentiasa mematuhi dan mengikut tadbiran dan keperluan perundangan terkini ketika menjalankan tugas mereka.

3. Seajar dengan peranan SPAD sebagai sebuah badan perancang yang profesional dan proaktif serta pengawal selia industri, SPAD mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang teratur dan terperinci. Kerajaan juga telah menetapkan garis panduan serta mekanisme kawalan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti LRT, MRT, KL-Singapura HSR dan ECRL untuk membangunkan pengangkutan awam darat dengan telus, amanah dan berintegriti.

4. Barisan pasukan pengurusan SPAD yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif sentiasa mengamalkan tahap tadbir urus yang tertinggi. Segala aspek pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya, termasuk operasi, perancangan, pelesenan serta penguatkuasaan adalah di bawah pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif dan barisan pengurusan SPAD.

5. YAB Perdana Menteri pada 19 Jun 2017 yang lalu telah mengumumkan pelantikan YB Tan Sri Mohd Isa Dato' Abdul Samad sebagai Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

6. Pemangku Pengerusi Suruhanjaya dalam kapasiti Pengerusi bukan eksekutif akan memainkan peranan dalam mempengerusikan Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bagi memastikan hala tuju strategik sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 104**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. HAJAH SITI MARIAH BINTI MAHMUD**

**TARIKH : 7 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 9999**

**SOALAN:**

**Dr. Hajah Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan Malaysia telah menerima 1,000 pelarian Syria. Apakah program sosialisasi telah dilakukan, dan berapa banyak Malaysia telah belanjakan untuk program ini.**

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**YAB Perdana Menteri semasa Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ke-70 telah menyatakan komitmen Malaysia bagi memberikan perlindungan kepada seramai 3,000 orang migran Syria yang terlibat dalam kancah perang saudara. Sehingga April 2017, Pasukan Petugas Khas Program Penempatan Sementara Migran Syria (PPSMS) telah berjaya mengenalpasti seramai 3,000 orang migran bagi menyertai Program ini.**

**Pelaksanaan Program ini merupakan satu kolaborasi di antara Kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (*Non-Governmental Organisation – NGO*) dalam memberikan bantuan daripada aspek penginapan, utiliti, makanan, pendidikan awal, bantuan kesihatan untuk kumpulan migran Syria bagi memberikan peluang untuk mereka menyesuaikan diri di Malaysia serta mencari pekerjaan bagi menampung perbelanjaan keluarga masing-masing. Kesemua kumpulan migran Syria ini telah ditempatkan di lokasi bersesuaian dan berhampiran komuniti Syria bagi membantu mereka menyesuaikan diri sepanjang keberadaan mereka di Malaysia. Terdapat juga di kalangan rakyat Malaysia yang prihatin telah menjadi penaja kepada kumpulan migran tersebut dan secara tidak langsung mereka telah diasimilisasikan bersama masyarakat tempatan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
(PASIR MAS)**

**TARIKH : 07 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [ Pasir Mas ] minta  
PERDANA MENTERI menyatakan menjelaskan proses, justifikasi dan  
status pelantikan Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad sebagai Pemangku  
Pengerusi SPAD.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) merupakan satu badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010, dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 dengan jelas menggariskan bidang kuasanya.

2. SPAD adalah agensi Kerajaan di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan bertanggungjawab pelaksanaan tadbir urus yang baik dipikul bersama oleh kesemua Anggota Suruhanjaya. Pada masa yang sama, sebagai sebuah Suruhanjaya, Kerajaan telah pun memastikan terdapat sistem semak dan imbang (*checks and balances*) di dalam pelaksanaan semua aktiviti dan operasi SPAD. Malah jawatankuasa audit Suruhanjaya serta bahagian undang-undang akan memastikan pihak pengurusan sentiasa mematuhi dan mengikuti tadbiran dan keperluan perundangan terkini ketika menjalankan tugas mereka.

3. Sejajar dengan peranan SPAD sebagai sebuah badan perancang yang profesional dan proaktif serta pengawal selia industri, SPAD mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang teratur dan terperinci. Kerajaan juga telah menetapkan garis panduan serta mekanisme kawalan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti LRT, MRT, KL-Singapura HSR dan ECRL untuk membangunkan pengangkutan awam darat dengan telus, amanah dan berintegriti.

4. Barisan pasukan pengurusan SPAD yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif sentiasa mengamalkan tahap tadbir urus yang tertinggi. Segala aspek pentadbiran dan pengurusan Suruhanjaya, termasuk operasi, perancangan, pelesenan serta penguatkuasaan adalah di bawah pentadbiran Ketua Pegawai Eksekutif dan barisan pengurusan SPAD.

5. YAB Perdana Menteri pada 19 Jun 2017 yang lalu telah mengumumkan pelantikan YB Tan Sri Mohd Isa Dato' Abdul Samad sebagai Pemangku Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

6. Pemangku Pengerusi Suruhanjaya dalam kapasiti Pengerusi bukan eksekutif akan memainkan peranan dalam mempengerusikan Mesyuarat Anggota Suruhanjaya bagi memastikan hala tuju strategik sepertimana yang terkandung di dalam Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA  
KINABALU]**

**TARIKH : 07.08.2017**

**SOALAN : 115**

**Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta PERDANA MENTERI menyatakan hasil siasatan skandal rasuah Jabatan Air Sabah yang membabitkan projek bernilai RM3.3 bilion. Berapakah jumlah wang yang dapat dikesan dan dirampas setakat ini.**

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman YB Kota Kinabalu, hasil daripada siasatan terhadap Jabatan Air Negeri Sabah oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), 3 orang telah dihadapkan ke mahkamah

atas 37 pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (Akta 613).

Jumlah wang yang dapat dikesan dan dirampas adalah lebih kurang RM145 juta.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL  
(SUNGAI PETANI)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 07.08.2017**

**Y.B. DATO' JOHARI BIN ABDUL [ SUNGAI PETANI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah sebab utama Menteri Kewangan tidak melibatkan diri dalam proses mencari jalan menyelesaikan pertelingkahan antara 1MDB dengan International Petroleum Investment Co (IPIC) sedangkan 1MDB adalah anak Syarikat Perbadanan Menteri Kewangan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana yang telah diumumkan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan International Petroleum Investment Company (IPIC) telah mencapai persetujuan bagi penyelesaian membabitkan

prosiding timbang tara di Mahkamah Timbangtara Antarabangsa London. Penyelesaian ini adalah hasil rundingan komersial di antara 1MDB, sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat Malaysia dan IPIC, sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat UAE.

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY  
[KAPAR – PKR]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**SOALAN NO.108**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan ;-

- a) status terkini persediaan negara untuk Sukan SEA 2017 dan jumlah kos yang terlibat. Senaraikan bilangan pingat dan kategori / bidang sukan yang disasarkan oleh Kerajaan Persekutuan dalam temasya Sukan SEA 2017
- b) apakah Kerajaan Persekutuan bercadang untuk membina sebuah Kompleks Sukan di Parlimen Kapar untuk manfaat penduduk setempat. Apakah kekangan dan / atau halangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina sebuah Kompleks Sukan di Parlimen Kapar.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penganjuran Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017 atau KL2017) adalah di peringkat terakhir, di mana Jawatankuasa Pengelola Malaysia (Malaysia Organising Committee – MASOC) kini giat memastikan perkara seperti keselamatan, pengangkutan, penginapan dan makanan semua berjalan seperti yang telah dirancang.
2. Pelbagai lokasi pertandingan juga kini sama ada telah diserahkan kepada KBS atau diperingkat terakhir persiapan. Contohnya, KL Sports City kita hampir siap dan bakal diserahkan tidak lama lagi.
3. Pusat-pusat yang akan menempatkan petugas, seperti International Broadcast Center (Pusat Penyiaran Antarabangsa) dan Main Press Center atau Pusat Media Utama juga sedang dipersiapkan untuk menerima kedatangan penyiar dan media antarabangsa.
4. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) kini sedang giat melaksanakan langkah-langkah terakhir dalam menyambut KL2017 dengan sokongan ramai, ia akan menjadi temasya sukan yang paling baik yang akan kita saksikan dalam sejarah sukan dwi-tahunan ini.
5. Malaysia kembali menjadi tuan rumah kepada temasya Sukan SEA ke-29 dan Sukan Para ASEAN ke-9 (Kuala Lumpur 2017) setelah 16

**SULIT**

## SULIT

tahun ia diadakan di Kuala Lumpur pada 2001 yang lalu. Sudah pastinya, Malaysia berazam untuk muncul juara keseluruhan dan kami telah mensasarkan 108 pingat emas.

6. Dari segi **persediaan atlet**, Program KITA JUARA yang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara telah pun memasuki fasa terakhir bermula bulan April 2017 lalu. **Jawatankuasa Pemilihan Atlet Temasya Sukan SEA 2017** yang ditubuhkan oleh Majlis Olimpik Malaysia (MOM) telah mengumumkan bahawa kontinjen negara akan disertai oleh **871 orang atlet** (iaitu seramai 481 atlet lelaki dan 390 atlet wanita) dari **38 jenis sukan** akan bertanding dalam **398 acara daripada 404 acara** yang akan dipertandingkan di temasya KL2017. Atlet-atlet tersebut juga akan dibantu oleh 392 jurulatih, pengurus pasukan dan pegawai kontinjen yang menjadikan jumlah keseluruhan kontinjen negara seramai 1263 orang. Jumlah tersebut merupakan penyertaan terbesar kontinjen negara dalam sejarah penyertaan di temasya Sukan SEA sejak tahun 1959.
7. Dalam usaha untuk dinobatkan sebagai juara keseluruhan temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017, kontinjen negara perlu memenangi lebih **100 pingat emas** dari **404 pingat emas** yang akan dipertandingkan untuk mengatasi pungutan pingat emas di kalangan negara-negara terkuat Asia Tenggara seperti Thailand yang telah mengumumkan sasaran 100 pingat emas.
8. Berdasarkan penilaian prestasi yang dibuat semasa Bengkel Penetapan Sasaran bersama semua pemegang taruh di dalam program Kita Juara, sukan Berbasikal dan Terjun dijangka akan

## **SULIT**

menjadi penyumbang terbesar pungutan pingat emas bagi kontinjen negara.

9. Sukan-sukan lain yang mampu memenangi pingat emas buat negara adalah seperti Gimrama, Skuasy, Wushu dan Silat. Pasukan Olahraga juga dijangka akan mampu melakukan kejutan berdasarkan prestasi atlet-atlet yang telah mencipta 24 rekod baru sepanjang 2015 hingga 2017 (13 rekod pada tahun 2017).
10. Berkaitan soalan pembinaan Kompleks Sukan di Parlimen Kapar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, buat masa ini KBS tiada perancangan untuk membina kemudahan tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat 14 buah Gelanggang Futsal 1Malaysia dan 1 Gelanggang Futsal 1Mukim yang telah dibina di bawah RMK9 dan RMK 10 di Parlimen Kapar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG  
KETIGA BELAS, PENGGAL KELIMA, MESYUARAT KEDUA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**TARIKH : 7 OGOS 2017 (ISNIN)**

**YB Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta PERDANA MENTERI menyatakan:**

- (a) Sejauh manakah jumlah pinjaman yang dibuat oleh FELDA beserta jumlahnya daripada tahun 2013, 2014, 2015 dan 2016.
- (b) Berapakah nilai aset harta yang dibeli oleh FELDA daripada 2013, 2014, 2015 dan 2016. Apakah status aset berkenaan sama ada telah jual atau tidak. Sekiranya ya, kepada siapa dan berapa harganya.

**JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,**  
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2013, tiada pinjaman dibuat oleh FELDA. Manakala bagi tahun 2014 sehingga 2016, jumlah pinjaman yang telah dilaksanakan oleh FELDA adalah sebanyak RM2,620 juta.

Nilai aset harta yang telah dibeli oleh FELDA pada tahun 2013 sehingga 2014 adalah sebanyak RM2,512.37 juta dan tiada pembelian dibuat pada tahun 2015 dan 2016. Pembelian aset harta ini adalah termasuk pembelian yang telah dilaksanakan oleh syarikat subsidiari FELDA.

Sehingga kini FELDA masih lagi belum menjual aset-aset tersebut kepada mana-mana pihak.

Sekian. Terima kasih.

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Tuan Gooi Hsiao Leung**  
**[ Alor Setar ]**

**TARIKH : 7 Ogos 2017**

**SOALAN : Tuan Gooi Hsiao Leung [Alor Setar]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa Kerajaan tidak membantah penstrukturan korporat BERNAS dalam bulan Mac oleh syarikat-syarikat berkait Syed Mokhtar Al-Bukhary, PLSB dan TWM untuk memperolehi 100% saham BERNAS yang tidak akan membawa sebarang manfaat kepentingan pesawah padi mahupun pengguna.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

Keputusan pengstruktur korporat BERNAS adalah berdasarkan keputusan pemegang-pemegang saham sendiri dan telah melalui proses yang telus yang dijalankan oleh pihak yang berkecuali. Dalam proses ini, pemegang saham minoriti telah diberi peluang untuk membuat keputusan dalam menentukan pegangan saham BERNAS.

Pengstruktur korporat BERNAS ini tidak akan menjejaskan peranan BERNAS selaku pihak yang dipertanggung jawabkan untuk melaksanakan lima obligasi sosial yang akan memberi manfaat kepada industri padi dan beras negara khususnya petani. Pelaksanaan lima obligasi sosial ini sentiasa dipantau dan dinilai oleh Jawatankuasa Pengawasan BERNAS yang ditubuhkan di peringkat Kementerian.